

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Jilid IV	Bil. 57	Hari Khamis	12 November 1998
-----------------	----------------	--------------------	-------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1999 (Ruangan)

Jawatankuasa:

Jadual-

Maksud B.14, B.15, dan B.16, (Ruangan)

Maksud B.17 (Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1999 (Ruangan)

Jawatankuasa:

Maksud P.14 dan P.16 (Ruangan)

Maksud P.17 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- : Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Khamis, 12 November 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN***[Soalan No. 1 - Puan Hajjah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu) tidak hadir]***TELEFON MUDAH ALIH - USAHA MEMASTIKAN
KELUASAN JANGKAUAN**

2. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan bilangan sistem telefon mudah alih yang masih beroperasi sekarang. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan coverage sistem-sistem ini menyeluruh dan boleh dipakai pengguna di mana juga beliau itu berada.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat lima sistem telefon mudah alih yang masih beroperasi dan dijalankan oleh tujuh pengusaha seperti berikut:

	Pengusaha		Jenis Sistem
(i)	Telekom Malaysia	-	ATUR NMT 45.
(ii)	Celcom	-	ETACS ART 900 dan GSM.
(iii)	Maxis		
(iv)	Mobikom	-	AMPS 80.
(v)	Time Wireless (ADAM)	-	PCN.
(vi)	TM Touch Touch		

(vii) Mutiara - (DG 1800).

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil setakat ini ialah Kementerian telahpun meminta pihak pengusaha telefon mudah alih untuk meningkatkan lagi rangkaian mereka melalui pembinaan stesen-stesen radio bagi mencapai liputan ke tahap 100%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak kementerian telah dimaklumkan iaitu liputan 100% hanya dapat dicapai sekiranya pihak pengusaha menyediakan sebanyak 200 stesen radio telekomunikasi di seluruh negara. Kos pembinaannya dianggarkan melebihi RM2 billion. Oleh kerana kos yang terlibat adalah tinggi, pihak pengusaha telah diarah untuk bekerjasama dan berkongsi kemudahan yang perlu seperti infrastruktur menara dan peralatan radio komunikasi seperti antena. Arahan ini telah pun dipatuhi oleh para pengusaha.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana ada banyak syarikat yang berlumba-lumba mengendalikan telefon mudah alih ini, maka mereka masing-masing membina stesen gelombang mereka di atas bangunan di mana-mana tempat saja terdapat, ini menimbulkan kesangsian orang ramai terhadap radio aktif yang boleh mengakibatkan masalah kesihatan kepada manusia. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sam ada kekhuatiran rakyat ini ada asasnya. Jikalau ada asas, bolehlah Yang Berhormat memberitahu apakah langkah-langkah yang diambil supaya kesan radio aktif ini boleh dikurangkan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, biasanya menara didirikan atas 'roof top' ini adalah daripada sistem PCN dan setiap menara didirikan mestilah mematuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan. Misal kata strukturnya mestilah dapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan di mana sesuatu pembinaan ini mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan di mana jika menara didirikan dekat dengan lapangan terbang ia mestilah mendapat kelulusan dari pihak DCA, dengan izin. Pihak kementerian setakat ini, melalui Jabatan Telekomunikasi Malaysia kita cuma memberikan perhatian kepada elektro magnetic yang akan dikeluarkan oleh menara ini dan kita hanya memberikan kelulusan

kalau sekiranya ia berpatutan ataupun ia memenuhi 'standard' yang ditetapkan oleh pihak International Telecommunications Union (ITU). Kalau sekiranya semua syarat ini didapati memuaskan dengan apa yang dikatakan oleh pihak-pihak berkenaan maka ia tidak akan menjejaskan kesihatan rakyat.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, satu sistem yang sedang diiklankan dengan hebat pada masa sekarang ialah TM Touch, jadi saya ingin bertanya dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian beliau - oleh kerana kementerian ini di bawah kementerian beliau secara langsung, sama ada kementerian beliau dapat menggunakan rangkaian-rangkaian kementerian yang sedia ada pada masa sekarang supaya TM Touch ini, coveragennya menyeluruh di Sarawak, Sabah dan Sememanjung.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan statement Yang Berhormat. TM Touch ini tidak dikendalikan oleh pihak kementerian secara terus. TM Touch ini adalah satu sistem yang diusahakan oleh pihak Telekom Malaysia Berhad, di mana kementerian saya tidak mempunyai apa-apa kepentingan secara terus. Kerajaan memang mempunyai ekuiti tetapi bukan melalui kementerian saya dan kementerian saya tidak mempunyai apa-apa rangkaian telekomunikasi. Rangkaian ini dipunyai Telekom Malaysia Berhad. Pihak Telekom Malaysia memang berusaha untuk mempertingkatkan liputan TM Touch ini ke seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, TM Touch ini adalah merupakan sistem PCN dan sekarang kita hendak menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk mempertingkatkan liputan 100% ke seluruh negara, kita sedang menggalakkan satu sistem yang dikenali sebagai Domestic Roaming System. Roaming System sekarang ini adalah merupakan international roaming tetapi roaming di antara pengusaha yang lain misal kata antara GSM dengan PCN ini tidak begitu biasa. Oleh kerana ini, kita sedang menggalakkan supaya pengusaha-pengusaha yang mengendalikan sistem yang berlainan, GSM dan PCN ini bekerjasama supaya mewujudkan roaming di antara satu sama lain.

Ertinya kalau sekiranya seorang itu yang menggunakan sistem PCN iaitu, TM Touch, kalau sekiranya ia hendak buat satu panggilan dari kawasan di mana kawasan ini tidak diliputi oleh TM Touch, dia boleh roam kepada GSM misalan kata 019 atau 012 Maxis. Perkara ini masih diuruskan dan untuk mereka dapat menikmati kemudahan domestik roving ini mereka mestilah memiliki alat-alat yang tertentu dan mereka mestilah menggunakan sistem digital dan sebagainya. Perkara ini masih diuruskan oleh pihak kementerian.

PENGAMPUNAN KEPADA PESALAH - PERATURAN

3. **Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah peraturan-peraturan sedia ada untuk seorang pesalah meminta pengampunan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberi pengampunan, pengurangan dan penangguhan sebarang hukuman bagi kesalahan yang dibicarakan oleh mana-mana mahkamah tentera dan mahkamah sivil bagi kesalahan yang dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Yang di-Pertuan Agong juga diberi kuasa pengampunan bagi kes-kes keselamatan tidak kira di mana kesalahan itu dilakukan ataupun dibicarakan. Kes-kes keselamatan seperti yang dinyatakan oleh Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 iaitu suatu kes di mana seseorang itu dipertuduh dengan suatu kesalahan, keselamatan iaitu kesalahan seperti yang dinyatakan oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, seperti kesalahan-kesalahan berhubung dengan senjata api, amunisi dan bahan letupan dan juga apa-apa kesalahan di bawah undang-undang bertulis yang lain yang disahkan oleh Peguam Negara sebagai mengancam keselamatan Persekutuan.

Di bawah Perkara 42, Yang di-Pertuan Agong menjalankan kuasanya atas nasihat Lembaga Pengampunan. Dalam hubungan ini Perkara 42(11) memberi kuasa kepada penubuhan suatu Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan

Wilayah Persekutuan Labuan. Ahli-ahli Lembaga Pengampunan itu ialah Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan, Peguam Negara Persekutuan dan tiga orang ahli lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Perkara 42(9) memperuntukkan bahawa sebelum Lembaga Pengampunan memberikan nasihatnya mengenai apa-apa perkara ia hendaklah menimbang apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai perkara itu. Perkara 42 tidak menghadkan tempoh masa dan cara untuk seseorang memohon pengampunan. Walau bagaimanapun peraturan-peraturan sedia ada untuk seseorang banduan, isteri atau keluarganya dan siapa yang lain bagi pihak banduan meminta pengampunan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah diperuntukkan oleh Peraturan-peraturan Penjara 1952 yang dibuat di bawah Akta Penjara 1995 (Ordinan Penjara 1992) di Bawah Peraturan-peraturan Penjara 1952 terdapat tiga keadaan di mana Lembaga Pengampunan boleh mendengar petisyen daripada banduan, isteri ataupun keluarganya dan sesiapa yang lain bagi pihaknya. Tiga keadaan itu disebut dalam Peraturan 55 Peraturan 111 dan Peraturan 112.

Peraturan 55 adalah keadaan apabila menjadi tanggungjawab pihak penjara mengemukakan kes banduan untuk kajian pengampunan banduan yang berada dalam jagaannya yang sudah cukup empat tahun penahanannya dan pada lat-lat tempoh empat tahun selepas itu.

Peraturan 111 memperuntukkan keadaan apabila banduan sendiri atau sesiapa lain bagi pihak banduan membuat petisyen pengampunan tersebut tetapi petisyen itu hendaklah dibuat setelah banduan tamat menjalani satu tahun hukumannya dan hanya boleh dibuat setiap dua tahun selepas itu.

Selain di bawah Peraturan 111, Lembaga Pengampunan boleh mempertimbangkan pengampunan di bawah Peraturan 55 dan 111 kedua-duanya sekali, apabila terdapat petisyen banduan sendiri dan kajian empat tahun berlaku serentak.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah cara mengumpul tandatangan daripada orang ramai seperti mana yang sedang dilakukan oleh Parti DAP untuk Ahli Parlimen Kota Melaka ini merupakan syarat yang diperlukan di bawah peraturan-peraturan yang sedia ada untuk membolehkan pesalah ini mendapat pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut tiga keadaan di mana seseorang itu boleh merayu kepada pihak yang berwajib untuk mendapat pengampunan dan peraturan-peraturan itu tidak termasuk untuk mengutip tandatangan daripada pihak-pihak awam.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan tambahan Dato' Timbalan Menteri iaitu setakat ini berapa ramaikah yang telah diberikan pengampunan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selain dari Lembaga Pengampunan ini adakah Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk menggunakan budi bicaranya untuk memberikan pengampunan ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama saya tidak ada butiran dengan saya, mungkin selepas ini saya boleh beri. Yang kedua, seperti mana yang saya sebut tadi Yang di-Pertuan Agong memberi pengampunan di atas nasihat Lembaga Pengampunan, bermakna dia tidak boleh menggunakan budi bicara dia untuk melepaskan sesiapa dalam soal pengampunan ini.

KERETA/BAS GAGAL MEMBAYAR ANSURAN – JUMLAH DITARIK BALIK

4. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah kereta, bas dan lain-lain kenderaan yang ditarik balik (repossessed) akibat gagal membayar ansuran. Berikan satu pecahan mengikut negeri dan syarikat kewangan untuk 1996, 1997 dan 1998. Apakah pertolongan yang diberikan oleh kerajaan kepada 'defaulter' ini.

Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak Bank Negara tidak mempunyai angka berkaitan dengan kereta, bas dan lain-lain kenderaan yang ditarik balik. Angka juga tidak diperolehi berkaitan dengan pecahan mengikut negeri. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil oleh Bank Negara untuk mengumpulkan angka yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Dalam pada itu Bank Negara telah menjalankan satu kajian ataupun survey iaitu pada 31 Oktober yang lalu Bank Negara mendapati setelah membuat kaji dengan 37 syarikat kewangan, 7,393 buah kenderaan telah ditarik balik. Nilainya RM258.5 juta. Daripada 7,393 kenderaan tersebut, termasuk kereta penumpang ataupun passenger car 5,904 merupakan kereta terpakai ataupun secondhand car. Walaupun angka untuk negeri tidak ada, kita ada angka untuk seluruh Malaysia yang diperolehi melalui satu kajian.

Mengenai bantuan yang boleh diberikan oleh pihak Bank Negara ada dua bentuk:

- (i) kepada pelanggan ataupun peminjam mereka boleh membuat aduan kepada Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman Bank Negara dan setelah aduan diterima, perundingan boleh diadakan dengan pihak syarikat kewangan untuk menjadualkan semula pinjaman yang bermasalah; dan
- (ii) bantuan kepada syarikat-syarikat kewangan ataupun finance company. Untuk ini Bank Negara sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan satu jentera khas ataupun special purpose vehicle bagi membeli kereta-kereta yang ditarik balik ini dan menjualnya pada satu harga tertentu dan dengan itu dapat meringgankan masalah syarikat kewangan dan juga masalah yang dihadapi oleh para peminjam.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun 1996 faedah yang dikenakan ke atas peminjam kenderaan bagi installment payment, kadarnya adalah lebih kurang 8% tetapi pada tahun 1997 kadarnya sudah naik 15% dan sekarang kerajaan telah mengarahkan bahawa semua faedah bank dan pinjaman diturunkan tetapi faedah yang dikenakan tahun dulu 15% tidak diturunkan lagi oleh firma-firma yang berkenaan yang membuat pinjaman. Jadi apakah tindakan kerajaan supaya melindungi hak-hak pengguna supaya faedah-faedah ini dapat dikurangkan yang diharapkan oleh kerajaan tetapi tidak dibuat

oleh syarikat-syarikat kewangan. Apakah tindakan yang akan diambil supaya pengguna-pengguna dapat meneliti faedahnya.

Selain dari itu, kereta-kereta kita yang telah repossess, saya telah mendapat beberapa aduan bahawa selepas dua puluh satu hari kereta itu repossess ia dijual dengan harga yang sangat murah dan selepas itu tindakan diambil terhadap pengguna itu. Dalam hal ini macam manakah perlindungan dapat diberi ataupun manfaat-manfaat tertentu dapat diberi oleh kerajaan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Kegiatan sewa beli kereta ini ialah tertakluk kepada Akta Sewa Beli. Antara peruntukannya ialah berkaitan dengan kadar faedah maksimum yang boleh dikenakan oleh syarikat-syarikat kewangan, mengikut akta sedia ada, kadar faedah tidak boleh melebihi 10% flat rate dan 10% flat rate ini, dengan izin, kalau di`convert` ditukar kepada monthly rate, dengan izin, ialah 17%. Itu kadar faedah tertinggi yang dibolehkan di bawah undang-undang. Saya ingin maklumkan bahawa pada hari ini secara umumnya kadar faedah ialah 7.75% flat rate. Jika ditukar kepada monthly rate, dengan izin, kadarnya ialah 12.5%. Dengan itu kadar faedah sudah pun turun. Kalau satu masa dahulu ada kadar faedah yang lebih seperti yang disebut tadi pada hari ini secara umumnya kadar faedah sudah pun diturunkan. Kalau ada aduan tertentu, Yang Berhormat boleh kemuka kepada Bank Negara ataupun kementerian.

Berkaitan dengan perlindungan kepada pengguna, kereta-kereta yang dijual ditarik balik dan dijual selepas 21 hari, ini juga tertakluk kepada Akta Sewa Beli, semuanya diberi perlindungan undang-undang dan jika peminjam tidak puas hati dengan tindakan syarikat kewangan boleh mereka mengambil tindakan undang-undang. Jika tindakan ini diambil, syarikat kewangan melanggar Akta Sewa Beli. Dalam pada itu saya hendak ulangi mereka boleh merujuk kepada Unit Aduan Bank Negara untuk mendapat, dengan izin, regress. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu langkah pemulihan ekonomi negara, ialah kelonggaran syarat-syarat di mana pembeli kereta dapat pinjaman dengan lebih senang. Ini sejak pelaksanaan dasar ini saya ingin

tahu sama ada jualan kereta khususnya Proton dapat dipertingkatkan dan sejauh manakah dasar ini dapat menolong proton dalam usaha mendapat keuntungan atau mengurangkan kerugian.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat telah dilonggarkan pada Ogos tahun lalu. Bank Negara mengenakan syarat marginnya 70%, bermakna peminjam perlu membuat down payment 30%. Itu bulan ogos tahun lepas. Bulan Julai tahun ini syarat dilonggarkan. Sekarang ini pembiayaan boleh sampai 85%. Tahun lepas cuma 70%, sekarang 85% jadi syarat telah dilonggarkan.

Dalam pada itu kita ingin maklumkan bahawa angka-angka mengenai jualan kereta ini menunjukkan sedikit peningkatan tetapi tidak begitu ketara. Angka yang paling tinggi jualan kereta tahun lepas umpamanya ialah pada bulan Oktober, 32,705 buah kereta. Tahun ini, angka paling rendah ialah pada bulan Februari, 5,641 buah ataupun 5,641 buah tahun ini berbanding 32,059 buah pada tahun lepas. Jadi terdapat penurunan yang ketara dalam jualan kereta. Dalam pada itu sejak kita umumkan langkah-langkah baru ini maka terdapat peningkatan jualan kereta. Pada bulan Julai 12,167 buah, pada bulan Ogos, 13,648 buah pada bulan September turun sedikit 12,338 buah. Jadi ada peningkatan lebih dua kali ganda dalam jualan kereta sejak kadar faedah diturunkan tetapi ini merujuk kepada ke semua passenger cars, dengan izin, saya tidak ada angka khusus Proton seperti yang disoal oleh Yang Berhormat tadi.

PENSWASTAAN LEMBAGA LETRIK SABAH - LANGKAH PENYUSUNAN SEMULA

5. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan sama ada terdapat sebarang penyusunan semula dari segi pengurusan yang dilaksanakan dalam penswastaaan Lembaga Letrik Sabah (Sabah Electricity Board). Jika ada, sila nyata butir-butirnya. Jika tidak, mengapa?

Dato' Chan Kon Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dengan pengambilan alih operasi pembekalan elektrik di seluruh Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB)

daripada Lembaga Letrik Sabah pada 1 September 1998 pengurusan SESB telah pun diubah daripada yang wujud dahulu di bawah pengurusan Lembaga Letrik Sabah.

Di bawah pengurusan yang baru ini tiga jawatan Timbalan Pengurus Besar telah diwujudkan dan telah diisi bagi mengawasi operasi tiga cabang utama pembekalan tenaga, iaitu penjanaan, penghantaran dan pembahagian. Ketiga-tiga Timbalan Pengurus Besar ini diketuai oleh seorang Pengurus Besar yang bertanggungjawab bagi memastikan operasi di antara ketiga-tiga bahagian tersebut berjalan dengan lancar. Dengan penyusunan semula ini tumpuan yang khusus dapat diberi kepada ketiga-tiga fungsi utama operasi pembekalan elektrik dan untuk memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada keseluruhan pengguna.

Puan Chua Soon Bui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa gangguan bekalan elektrik masih berlaku di Tawau dalam tiga minggu baru-baru ini. Dan apakah punca masalah seperti ini masih berlaku. Saya difahamkan SESB dan IPP mempunyai bekalan elektrik lebih mencukupi berbanding dengan permintaan dari pengguna dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk memastikan masalah itu tidak berlaku lagi. Sekian.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sejak pasukan khas daripada Tenaga Nasional Berhad dihantar ke negeri Sabah untuk mengambil alih pengurusan Lembaga Letrik Sabah dan selepas penswastaan berlaku pada 1 September tahun ini, mutu bekalan elektrik ke seluruh negeri Sabah boleh dikatakan sudah meningkat dengan begitu baik kerana banyak projek telah pun dijalankan, baik di peringkat penjanaan, penghantaran ataupun pembahagian dan untuk makluman Yang Berhormat gangguan yang baru-baru ini berlaku di kawasan Tawau ini adalah disebabkan beberapa kerosakan yang berlaku di penjanaan dan di bahagian pembahagian.

Berikutan dengan pewujudan IPP di Tawau, tatacara pembekalan elektrik di seluruh kawasan Tawau adalah seperti berikut iaitu 89% dijanakan oleh IPP, cuma 11 % sahaja yang dijanakan oleh SESB Tawau.

Gangguan yang berlaku baru-baru ini adalah akibat kekurangan sementara keupayaan penjanaan disebabkan kerosakan kepada satu set janakuasa IPP sejak 20 September tahun ini di mana ia dijangka beroperasi semula pada dua, tiga bulan yang akan datang. Sementara itu

langkah-langkah yang tertentu telah pun diambil untuk memastikan bahawa penjanaan adalah mencukupi untuk membekal ke semua pengguna di kawasan Tawau ini.

Di samping itu, telah berlaku juga kerosakan ke atas salah satu daripada pembekal 11 KV berhampiran dengan stesen janakuasa SESB. Walau bagaimanapun langkah-langkah yang tertentu telah pun diambil dan saya yakin bahawa pembekalan kepada seluruh kawasan Tawau akan dibaik pulih dan akan bertambah ke satu tahap yang memuaskan dalam masa yang singkat sekali.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah IPP yang beroperasi yang mengeluarkan elektrik untuk penggunaan di Sabah dan seperti yang mana kita ketahui IPP mengeluarkan elektrik dengan harga yang terlampau tinggi yang tidak berpatutan dengan harga yang dikeluarkan oleh TNB atau LLS. Apakah tindakan yang diambil supaya harga yang telah ditetapkan kepada IPP ini dapat dikurangkan supaya semua pengguna dapat keuntungan dari kesalahan yang telah dibuat oleh LLS, TNB dan kerajaan yang memberi harga yang terlampau tinggi kepada IPP supaya mereka dapat kekayaan dengan segera.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, beberapa IPP telah pun diluluskan di negeri Sabah dan ada yang sudah beroperasi dan ada yang masih dalam pembinaan dan keadaan yang secara terperinci saya akan beritahu kepada Yang Berhormat secara bertulis. Harga yang ditetapkan melalui Power Purchase Agreement (PPA) antara dahulunya LLS dan sekarang SESB dengan semua IPP adalah dianggap berpatutan di negeri Sabah dan kerajaan telah pun memberikan jaminan kepada seluruh rakyat di Sabah selepas penswastan LLS kepada SESB, harga ataupun tarif elektrik tidak akan dinaikkan sebelum tahun 2000.

INDEKS ISLAM BSKL - CADANGAN

6. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan Malaysia mempunyai rancangan tertentu untuk mewujudkan Indeks Islam BSKL sebagai suatu langkah menggalakkan bagi aktiviti pengurusan dan secara Islam di negara ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pihak Suruhanjaya Sekuriti telah ataupun sedang merancang pelan urusan bagi tempoh tahun 1998 hingga 2000 termasuklah

membangunkan industri pengurusan dana yang merangkumi usaha untuk menggalakkan aktiviti pengurusan dana secara Islam seperti skim pengurusan aset Islam dan skim pelaburan terkumpul secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada indeks saham Islam, yang ada ialah indeks-indeks untuk saham lain termasuklah KL Composite dan lain-lainnya, pihak BSKL masih lagi sedang mengkaji kemungkinan untuk mengeluarkan indeks Islam ini. Kita sedar bahawa saham-saham yang selaras dengan Islam bilangannya tinggi iaitu 542 sekarang ini iaitu 74% keseluruhan sekuriti yang ada di BSKL. Oleh kerana indeks ini penting sebagai petanda, dengan izin, indicator bagi mengetahui turun naik saham maka adalah perlu satu indeks disediakan untuk mencerminkan pergerakan saham-saham yang berlandaskan Islam ini yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah. Buat masa ini kita belum ada indeks Islam ini tetapi pihak BSKL sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan indeks berkenaan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan indeks Islam ini, adakah pihak sekuriti nanti akan berunding dengan Majlis Penasihat Syariah untuk membentuk formula, untuk indeks Islam dan setakat manakah perkembangannya jika perbincangan ini telah pun diadakan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Sudah pasti pihak BSKL akan berunding dengan semua pihak tetapi saya ingin maklumkan bahawa tugas Majlis Penasihat Syariah ini ialah untuk menentukan saham mana yang layak dimasukkan ke dalam kategori saham-saham yang mengikut lunas-lunas syariah - itu tugas utamanya, tugas BSKL pula ialah untuk mengawalselia dagangan, memastikan sistemnya terkini dan lain-lain. Jadi, tugas yang berbeza. Oleh itu dalam menggubal indeks Islam ini pihak BSKL walaupun akan berunding dengan Majlis Penasihat Syariah ia lebih merupakan tanggungjawab BSKL dan ia akan menentukannya kerana saham-saham telah pun ditetapkan, 542 ini tidak ada masalah dan ia akan dimasukkan ke dalam beberapa saham tertentu, akan dimasukkan ke dalam indeks setelah keputusan dibuat mengenainya.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini berapakah jumlah lesen broker saham Islam yang telah diluluskan oleh kerajaan dan berapakah yang telah beroperasi sepenuhnya. Sejauh manakah kejayaan broker-broker saham tersebut dan biasanya sejumlah kaunter-kaunter yang diluluskan untuk dibeli, badan manakah

yang bertanggungjawab untuk menyenaraikan senarai-senarai ini dan apakah kriteria-kriteria yang digunakan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan, yang pertama berkaitan dengan syarikat yang menjalankan membrokeran saham mengikut prinsip syariah, satu sahaja sekarang ini iaitu BIMB Securities, selain daripada itu kita ada tiga buah lagi syarikat membrokeran saham secara konvensional yang mengadakan kaunter Islam untuk pelabur-pelabur yang berminat dan antara syarikat-syarikat yang mengadakan 'Islamic window' ini termasuklah TA Securities, Arab Malaysian Securities dan juga Rashid Hussein Securities. Dalam pada itu kita ingin menyatakan bahawa bagi mereka yang berminat untuk berdagang dalam saham-saham mengikut syariah tidak ada masalah kita ada BIMB Securities dan kapasitinya besar dan tiga syarikat saham yang ada 'Islamic window'.

Berkaitan asas-asas penetapan 542 buah sekuriti yang kita anggap mengikut syariah ini, banyak, seperti yang telah dijelaskan dalam Dewan ini, saya hendak ulang oleh kerana ditanya tadi, operasinya tidak berlandas kepada riba, keduanya tidak berlandaskan kepada perjudian, yang ketiga tidak berasaskan kepada pembuatan barang-barang haram seperti arak dan juga daging babi dan lain-lainnya, satu lagi ialah tidak mengandungi elamen gharar (uncertainty) seperti beberapa perniagaan insurans. Itu antara asas-asas yang digunakan dalam menentukan 542 yang disenaraikan di bawah saham-saham yang mengikut syariah.

GUNA TENAGA DI NEGARA JIRAN - KOS LEBIH MURAH

7. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]: minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan masalah guna tenaga yang lebih murah di negara-negara jiran yang telah menyebabkan pelabur lebih bertumpu ke negara berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan unit kos buruh di Malaysia telah meningkat dari -1.6% pada tahun 1995 ke 2.7% pada tahun 1996 dan kepada 1.6% pada tahun 1997. Kenaikan kos buruh ini telah menyebabkan Malaysia tidak lagi dapat bersaing dengan negara-negara jiran dalam industri-industri yang berintensifkan buruh.

Oleh itu strategi perindustrian negara telah diubah kepada menggalakkan aktiviti-aktiviti yang berintensifkan modal, berteknologi tinggi dan yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi lagi. Malah kerajaan telah menggalakkan industri-industri sedia ada yang memerlukan tenaga buruh yang banyak supaya memindahkan operasi mereka ke negara-negara yang mempunyai banyak tenaga buruh supaya dapat terus bersaing.

Selaras dengan strategi perindustrian yang baru ini kerajaan telah mengambil langkah bagi memperkukuhkan dan memperbaiki faktor-faktor yang dapat menarik pelabur asing ke dalam industri-industri yang dinyatakan tadi. Ini termasuklah penyediaan bekalan tenaga mahir yang

mencukupi, memperbaiki kemudahan infrastruktur yang diperlukan, insentif dan galakan yang sesuai. Di samping itu kerajaan telah melonggarkan syarat ekuiti yang dikenakan ke atas pelaburan asing dan memperbaiki suasana perniagaan supaya menjadi lebih menarik dan mudah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak tidak ada orang, mungkin kerana Menteri dan Timbalan Menteri tak hadir, mungkinlah, mungkin. *[Ketawa]* Tidak ada orang minat. *[Disampuk]* Merepek! ada soalan yang pokok. Apakah Yang Berhormat anggap...., kita diam dulu, senyap dulu.

Seorang Ahli: Ini merapu, tak ada soalan ni....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila, sila. Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah Yang Berhormat anggap itu cara-cara untuk mengatasi hal ini, memandangkan kita sekarang ada hampir lebih 2 juta pendatang, pekerja asing sekarang. Masih ada, masih ada....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa soalan itu ya...

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, memang ada, mesti tunggu, mesti tunggu sekejap. Dan bagaimana kita dapat atasi, satu bahagian kita perlukan pekerja-pekerja asing, sebelah lagi kita nampak, kerana faktor-faktor bukan sahaja kerana buruh bahkan faktor-faktor yang lain, kekurangan prasarana dan sebagainya itu foreign direct investment, memang pada ketika ini tidak begitu menggalakkan. Walaupun angka yang diberi oleh MITI pada minggu yang lepas itu nampak tinggi, tapi kita tak tahu peratusan yang dapat melabur dengan sebenarnya di dalam negara ini. Itu masalah. Bagaimana kita dapat ... Banyak soal dah!

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti bagi tahu bagaimana kita anggap itu soalan *[Ketawa]* dan bagai rhetoric *[Ketawa]* Ya, Ya, ada soalan satu lagi *[Disampuk]* Cukupkah, cukupkah ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong sila

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohd. Baria: Setakat yang saya boleh tafsir, Tuan Yang di-Pertua, tiada soalan yang diberikan, diajukan. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya nak point of order dengan Kepong tadi. Dia ini tak tahulah, tiada soalan pun.

Jadi kita telah melihat iaitu negara kita tidak lagi boleh memberi kemudahan kos labour yang rendah. Jadi kita terpaksa berpindah ke soalan hi-tech. Dari segi hi-tech ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, adakah pengeluaran researchers and scientist, dengan izin, jurutera dan pekerja mahir negara kita telah mencukupi, kalau belum mencukupi apakah tindakan kementerian untuk mengalakkan pihak swasta mengeluarkan researchers dan saintis, jurutera serta pekerja mahir yang mencukupi untuk mengisi keperluan-keperluan industri negara? Terima kasih. Ha, dengar, itu soalan [*Ditujukan kepada Yang Berhormat Kepong*]

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohd. Baria: Ini baru ada soalan. Sorrylah, tadi tiada soalan, macam mana nak jawab.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan proses perindustrian di mana researchers, scientist, engineers dan sebagainya akan diadakan dalam proses perindustrian. Jadi terpulang kepada pihak Kementerian Pendidikan dan pihak swasta untuk melihat kepada demand dan supply kepada engineers, scientist dan sebagainya. Jadi, dari segi researchers dan sebagainya, terpulanglah kepada perbekalan dan penawaran dari pihak swasta kepada pihak kerajaan.

KEGAWATAN EKONOMI – BANTUAN DARI NEGARA LUAR

8. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Perdana Menteri menyatakan jenis bantuan yang diberikan oleh mana-mana negara khususnya negara-negara jiran untuk mengatasi kegawatan ekonomi Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan masih mampu untuk menangani masalah kegawatan ekonomi tanpa bantuan mana-mana pihak. Setakat ini tidak ada sebarang bantuan diterima dari mana-mana negara termasuk negara jiran.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kenapa ada pakai badge Dato Seri Dr. Mahathir dan ada yang tak pakai. Adakah yang tak pakai itu menyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim?

Soalannya, soalan saya, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Malaysia berlembut semula dengan Singapura. Spekulasi di luar menyatakan bahawa Malaysia perlu wang tunai segera untuk memulihkan ekonomi iaitu menjual air mentah kepada Singapura. Apakah ini benar, kalau tidak benar, kenapa Malaysia tidak menjual air yang diproses kepada Singapura kerana ia boleh mendapatkan wang yang lebih banyak? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tahu bahawa air adalah merupakan masalah yang paling besar sekali untuk Singapura, sebab itu mereka membuat perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kalau sekiranya iaitu bahawa ada apa keperluan untuk kita menjual air dengan lebih banyak lagi kepada mereka, maka sudah tentu itu berdasarkan keperluan kedua pihak. Dia memerlukan air dan kita tidak akan bagi benda ini free dan murah, tetapi kita juga sebagai balasan, mereka harus memberi sesuatu kepada kita. Ini biasa, ya.

Keduanya, kita menjual air mentah kerana harga air yang diproses itu agak mahal untuk dibinakan dengan izin, refinery, jadi sebab itu harga untuk memproses air itu adalah mahal, sebab itu pada ketika ini kita hanya memikirkan untuk menjual air mentah sahaja kepada mereka.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga tidak kisah sama ada mereka bantu kita atau tidak. Tetapi apa yang penting sekali ialah jangan mereka bertindak untuk menyusahkan Malaysia seperti campur tangan dalam hal ehwal

negara kita dan apa pandangan Yang Berhormat tentang tuntutan CPF yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, masih belum selesai lagi. Jadi apa pandangan dan tindakan yang diambil terhadap campur tangan dalam hal ehwal dan juga tuntutan CPF?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, CPF ini masih lagi dalam perundingan dan belum ada keputusan yang muktamad. Tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa di antara negara ASEAN yang bersikap madani waktu kita menghadapi masalah ialah Singapura. Dia tidak pernah mengeluarkan kenyataan, daripada kerajaan ya. Soal Lee Kuan Yew menulis buku, itu dia tidak mewakili pemikiran kerajaan Singapura. Tapi kita lihat, bandingkan dengan Indonesia, Thailand dan Filipina, masing-masing anggota kerajaan membuat kenyataan yang boleh dianggap sebagai campur tangan. Tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa Singapura, at least very civil, dia tidak campur tangan dan Perdana Menteri Singapura sendiri menyatakan - Prime Minister Goh Chok Tong, menyatakan bahawa apa yang ditulis oleh Lee Kuan Yew itu bukan pemikiran kerajaan, ini pemikiran seorang individu. Jadi kita kena terima hakikat ini. Waktu ini nampaknya Singapura sebenarnya kawan dan yang tiga lagi itu nampaknya bukan kawan yang kita anggap, yang boleh bantu kita waktu kita bermasalah.

JALAN DI GUNUNG “PAREN BINONG” - RANCANGAN UNTUK MEMBAIKI

9. **Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, memandangkan bahagian jalan raya persekutuan - Jalan Serian-Tebedu, bahagian di gunung “Paren Binong”, terlalu tinggi dan curam dan lebarnya pun kecil/sempit dan tidak begitu selamat untuk digunakan, apakah rancangan kerajaan untuk membaiki keadannya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat keadaan jalan raya yang dikatakan tidak begitu selamat itu telah dibaiki dengan menyediakan laluan-laluan mendaki atau ‘climbing lanes’ dengan izin untuk kedua-dua arah pada bahagian jalan raya yang melalui gunung Paren Binong di jalan persekutuan Serian- Tebedu sempadan Indonesia. Laluan tersebut juga mempunyai ukuran lebar yang sama dengan lorong jalan raya biasa selaras dengan tujuan untuk memberi ciri-ciri keselamatan jalan raya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke sana naik kereta pacuan empat roda. Jadi di pertengahan bukit itu memang rasa gerun sedikit oleh kerana ia terlalu curam dan terutama sekali apabila musim hujan. Jadi apabila jalan itu baru siap, dia masih baik, gripping dia masih baik, okay. Tetapi apabila sudah licin dan tanah batu jadi terlalu merbahaya. Jadi adakah kementerian bercadang untuk meratakan sedikit, menurunkan sedikit atas Paren Binong ini supaya ia lebih selamat, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita akan menyiasat untuk mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana setiap kali soalan saya, dia sendiri datang, jadi terima kasih kepada Yang Berhormat. *[Ketawa]*. *[Tepuk]*.

Tetapi, mengenai Paren Binong ini, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, bagi saya tidak begitu mencukupi dan tidak begitu memuaskan, sebab saya menggunakan Jalan Serian-Tebedu ini, khususnya bahagian Paren Binong setiap hari iaitu sewaktu saya balik ke kawasan. Jadi saya mendapati bahawa.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tanya sahaja. Ya.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Soalan saya, memandangkan jawapan itu tidak begitu memuaskan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, pasal apa.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Adakah kementerian bersedia untuk menyiasati akan keadaan dan seterusnya memperbaiki keadaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bukit yang dilalui pada bahagian jalan raya itu tidak sesuai dipotong oleh kerana itu kita menghadapi banyak masalah kerana terdapat pembentukan batu yang keras dan memerlukan perbelanjaan yang besar. Walau bagaimanapun reka bentuk jalan pada laluan gunung tersebut telah direka mengikut nilai dan gred setanding dengan rupa bumi berbukit yang diizinkan mengikut arahan teknik jalan. Jadi ukuran geometri dan reka bentuk jalan itu ialah piawai jalan R.3, standard dan lebar jalan 6

meter dan bahu jalan 3 meter. Kecerunan jalan 7% atau 8% dan laluan telah diizinkan di atas itu 50 km - 70 km. Mahu juga kita memperbaiki jalan tetapi keadaan kewangan tidak mengizinkan untuk mengadakan lebih projek dalam kawasan itu, oleh kerana negeri Sarawak mempunyai jalan persekutuan yang panjang iaitu lebih dari 1,000 km. Oleh kerana itu kita kena jaga semua kawasan di mana kita mempunyai masalah seperti ini.

Saya minta Ahli Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat tidak berpuas hati, saya tidak boleh buat apa-apa, saya tidak boleh membelanja wang untuk memberi kepuasan hati kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana Kementerian Kewangan tidak mengizinkan saya untuk menjalankan apa-apa saya suka. Kementerian Kewangan mengaturkan dan memberi peruntukan, kita akan menjalankan projek seperti apa peruntukan telah diberi kepada kita. Saya minta maaf.

AKTIVITI PENANAMAN PADI - GALAKAN KEPADA SWASTA

10. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Pertanian menyatakan bagi mencapai matlamat membekal keperluan beras negara, bagaimana pihak kerajaan menggalak pihak swasta menyertai dalam aktiviti penanaman padi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menggalakkan pihak swasta untuk terlibat dalam aktiviti penanaman padi secara komersial. Bagi tujuan ini kerajaan boleh membantu dalam memberi khidmat nasihat dan sokongan. Pihak swasta juga boleh mendapat pinjaman dengan syarat tertentu dari skim-skim dan tabung-tabung yang telah diwujudkan oleh kerajaan dan insentif-insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan 1996. Terima kasih.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini berapa hektar tanah telah dimajukan oleh syarikat untuk aktiviti penanaman padi di seluruh negara ini.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang telah dilaporkan kepada pihak kementerian ialah lebih kurang 2,000 ekar di Pahang telah dimajukan dan pihak MARDI dan juga pihak Bernas sedang menjalankan kajian untuk memajukan sawah di Sabah dan Sarawak, terima kasih.

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali suara saya tidak berapa nyaring, harapnya Dato' Setiausaha Parlimen memahami sebab suara kita berdua lebih kurang. *Ketawa]*.

Soalan tambahan saya yang pertama, adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk naikkan harga padi sebagaimana untuk menggalakkan petani-petani kita mengusahakan tanah-tanah yang terbiar dan kedua, saya hendak tahu juga, berapa banyakkah peruntukan bagi subsidi baja padi khususnya pada negeri Kelantan dan semasa kita hendak bagi baja itu janganlah kita kira politik sama ada PAS ataupun UMNO sebagai menggalakkan petani-petani kita berusaha menanam padi. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah banyak mengadakan bantuan kepada petani. Satu ialah mengadakan infrastruktur seperti jalan ladang dan sebagainya, yang kedua kita telah memberi bantuan baja padi iaitu lebih kurang 5 bag baja campuran dan 2 bag baja urea .yang telah diberikan selepas ini. Jadi semua telah diberikan dan selain itu subsidi harga padi telah diberikan sebanyak RM24.91 untuk 100 kilogram. Baja padi yang telah dikeluarkan semuanya telah diberikan dan sekarang ini pihak kementerian juga ada cadangan untuk menaikkan lagi subsidi baja padi ataupun memberi galakan lain disebabkan mengikut pendapat kementerian adalah mencukupi sekarang ini. Berkenaan dengan pesawah-pesawah di Kelantan yang mungkin tidak dapat bantuan ini, silalah beri kepada saya untuk disemak semula kerana pihak kementerian tidak ada pilih kasih atau pilih bulu tentang perkara ini. Kalau pihak peladang dapat, ia terus dapat, tidak pilih-pilih. Kalau ada permohonan yang tercicir, sila kemukakan kepada saya, terima kasih.

[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

[Soalan No. 12 - Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabak Bernam) tidak hadir]

INDUSTRI TELEFON DARAT - RANCANGAN MELIBERALISASI

13. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan bilakah industri telefon darat akan diliberalisasi supaya rakyat akan menerima perkhidmatan-perkhidmatan telefon darat yang lebih berkualiti dan cekap.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, industri telekomunikasi telah pun diliberalisasikan setelah penswastaaan Jabatan Telekom Malaysia kepada sebuah syarikat

korporat iaitu Telekom Malaysia Berhad. Liberalisasi industri telekomunikasi negara terus dilaksanakan dengan memberikan beberapa lesen operasi kepada beberapa syarikat telekomunikasi bagi pembekal perkhidmatan telefon dengan izin, fixed line, mobile dan value added. Pada masa ini terdapat tujuh lesen pembekal perkhidmatan dan rangkaian asas telekomunikasi yang menyediakan perkhidmatan telefon fixed line dan sembilan lesen perkhidmatan selular telah dikeluarkan. Dengan itu Malaysia merupakan di antara negara yang mempunyai beberapa operator telekomunikasi. Menerusi dasar dan program liberalisasi dan persaingan tersebut, kualiti perkhidmatan juga diberi perhatian dengan mengadakan sistem pemantauan kualiti perkhidmatan yang meliputi ukuran kualiti dan mutu perkhidmatan yang perlu disediakan oleh operator telekomunikasi. Berdasarkan garis panduan kualiti yang telah dikeluarkan iaitu satu, dengan izin, the telecommunication regularity framework for service quality in the mobile cellular telephone service dan yang kedua dengan izin, the telecommunication regulatory framework for quality of service in the fixed telephon service.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi persaingan dan mutu perkhidmatan telekomunikasi, dasar capaian sama rata dengan izin, equal access akan diperkenalkan pada 1 Januari 1999 di mana pengguna mempunyai pilihan bagi mendapatkan perkhidmatan dari mana-mana operator telekomunikasi.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita diberitahu bahawa ramai pemilik telefon bimbit di mana telefon mereka telah diklon. Ini menyebabkan satu jumlah yang besar terpaksa mereka bayar. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini berapa banyak telefon bimbit yang telah diklonkan dan apakah tindakan pihak kerajaan atau syarikat-syarikat yang diberikan lesen ini untuk mengurangkan bilangan telefon yang diklon? Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang terperinci mengenai jumlah telefon yang telah diklonkan. Kalau sekiranya perlu saya akan memberitahu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Mencuri line melalui pengklonan ini adalah merupakan satu trend bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Kerajaan memang memandang berat tentang perkara ini dan pihak pengusaha telefon selular telah pun digalakkan oleh kerajaan supaya

menubuhkan satu pasukan antara satu sama lain dengan penyertaan JTM supaya mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini dan melakukan langkah-langkah yang efektif untuk mengatasi perkara ini. Beberapa langkah telah pun diambil dan saya telah banyak kali melaporkan kepada Dewan yang mulia ini tetapi dengan perkembangan teknologi iaitu daripada sistem analog kepada sistem digital, di mana kita harap bila tiba masa tahun 2005 ataupun lebih awal semua sistem telefon di Malaysia menggunakan 'sistem digital' maka, curian talian (line) melalui pengklonan ini dapat diatasi pada keseluruhannya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang rasa gembira bahawa kementerian akan memastikan semua talian itu adalah talian digital pada tahun 2005. Ini memang satu langkah yang betul. Walau bagaimanapun bolehkah Yang Berhormat terangkan, bagaimana syarikat telefon ini dipilih untuk memberi lesen kepada mereka dan walaupun yang disebutkan tadi mengenai dasar untuk memantau kualiti? Pada teorinya memang baik tetapi pada hakikatnya timbul masalah 'fixed line' seperti di Parlimen. Kalau Yang Berhormat boleh telefon masuk ke Parlimen, misalnya kalau kita hendak dapatkan pemberita, telefon nombor pun ada tetapi apabila kita telefon memang ada disebut bahawa talian itu tidak ada lagi dan sebagainya. Kalau kita dial beberapa kali baru boleh terus dapat destinasi.

Jadi kalau kita boleh baiki sistem di Parlimen pun cukup baik sebelum kita baiki sistem di tempat-tempat lain. Bolehkah Yang Berhormat tolong untuk membaiki sistem di dalam Parlimen ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak ada apa-apa masalah yang dihadapi oleh sistem telefon di Parlimen kerana setiap kali saya buat panggilan memang tidak ada masalah. *[Ketawa]* Cuma Yang Berhormat dari Kepong yang menghadapi masalah. Kita memang memberikan perhatian yang cukup serius kepada sistem telefon di Parlimen ini. Seperti mana yang saya katakan tadi kita memang sangat serius terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pihak pelanggan oleh semua operator selular dan fixed line dan untuk menjamin kepentingan pelanggan diberi perhatian, setiap tiga bulan kita mengeluarkan satu laporan terhadap mutu dan kualiti

perkhidmatan semua pengusaha telekomunikasi selular. Ini adalah merupakan satu index kualiti ataupun boleh dianggap satu guide line kepada pihak pengguna di mana mereka boleh pilih pengusaha yang memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

Apabila tibanya 1 Januari tahun hadapan bagi fixed line pula kita akan mengendalikan satu sistem yang dikenali sebagai ‘equal access’ di mana semua pelanggan boleh memilih di antara lima sistem fixed line. Cuma mereka yang memberikan perkhidmatan yang dianggap memuaskan pihak pelanggan boleh mengikuti cara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan untuk Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 1, 12, 13 dan 14 hingga 18 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] –

Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan, 1999] –

Tuan Pengerusi: Diminta Yang Berhormat dari Seremban menyambung ucapan.
11.07 pagi.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Pengerusi, semalam saya sentuh P.14 Butiran 00200 – Bantuan Khas Kepada Pihakberkuasa Tempatan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana memberikan bantuan khas kepada Majlis Perbandaran Seremban untuk melaksanakan beberapa projek dalam kawasan Seremban seperti memperbaiki tembok yang runtuh di kawasan Lobak dan membaiki Jalan Temiang. Saya juga mengalu-alukan pemberian ini kerana pihak MPS tidak mampu melaksanakan projek-projek yang saya sebutkan tadi. Dari segi infrastruktur di Seremban saya ingin menarik perhatian kerajaan sekali lagi terhadap satu projek yang masih belum dilaksanakan. Projek ini ialah ring road, dengan izin. Untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar Seremban projek ini harus dilaksanakan dengan secepat mungkin. Saya ingin tahu apakah jenis bantuan yang boleh diberikan kepada pihak Majlis Perbandaran Seremban untuk melaksanakan projek ini?

Saya ingin sentuh P.14 Butiran 01500 – Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dan 01600 – Rancangan Perumahan Rakyat. Kerajaan telah memutuskan bahawa harga rumah kos rendah dinaikkan kepada RM35 ribu hingga RM45 ribu. Kenaikan harga ini adalah kerana harga tanah dan kos pembinaan telah meningkat. Pemaju-pemaju khususnya di kawasan bandar-bandar utama di Malaysia ini tidak berminat untuk membina rumah kos rendah. Mereka telah lama minta supaya harga rumah kos rendah dinaikkan.

Saya bersetuju bahawa harga rumah kos rendah perlu dikaji semula supaya ia lebih munasabah dan tidak merugikan mana-mana pihak. Akan tetapi kenaikan harga ini juga

tidak dilakukan semata-mata untuk membolehkan pemaju mendapat keuntungan yang berlebihan. Oleh kerana itu beberapa perkara mesti diberikan perhatian selepas kenaikan harga ini. Pertama ialah mutu pembinaan, harus dipertingkatkan selaras dengan kenaikan harga. Bahan-bahan yang digunakan mesti mempunyai piawaian yang diluluskan oleh pihak kerajaan. Kedua, dilengkapi dengan infrastruktur yang lebih baik seperti jalan, longkang, perparitan dan juga kawasan awam mestilah dibina dengan baik. Ketiga, saiz rumah atau besar rumah juga mesti berpatutan.

Saya juga bercadang bahawa pertama, harga skim perumahan yang sedang dibina dan surat perjanjian jual beli telah ditandatangani tidak boleh dinaikkan. Yang kedua, bagi golongan yang tidak mampu membeli rumah kerajaan harus membina secukup bilangan rumah untuk disewakan kepada mereka sebab dengan kenaikan harga ini, mereka yang daripada golongan yang miskin tidak berkeupayaan untuk membeli rumah ini.

Oleh kerana itu saya ingin tahu jumlah rumah yang akan dibina untuk disewakan kepada golongan yang saya sebutkan tadi? Saya juga ingin tahu, bilangan pemohon yang menaikkan harga dan berapa telah diluluskan serta syarat-syarat kenaikan harga. Saya juga ingin tahu, sama ada kenaikan harga ini juga termasuk dalam skim perumahan yang dibina oleh kerajaan. Misal kata rumah awam kos rendah, rumah rakyat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa kita sering dengar aduan daripada pembeli tentang berbagai salah laku pemaju. Terdapat skim perumahan di mana rumah sudah siap tetapi oleh kerana masih ada syarat-syarat atau kerja-kerja infrastruktur masih belum diselesaikan mengikut kehendak kerajaan tempatan, maka tidak boleh dapat CFO.

Oleh kerana itu, pembeli walaupun menjelaskan bayaran dan juga 'instalment' dan sebagainya tetapi tidak boleh masuk menduduki rumah itu. Jadi ini juga menimbulkan

banyak masalah kepada pembeli. Jadi saya ingin tahu, apa tindakan yang akan diambil terhadap mereka dan berapa bilangan rumah yang mempunyai masalah yang saya sebut tadi. Dewan ini juga diberitahu dalam sesi soal jawab bahawa sebanyak 21 buah projek perumahan telah terbengkalai sejak tahun 1997, ini sudah tentu akan mendatangkan kesan-kesan buruk kepada para pembeli, saya ingin tahu tindakan yang akan diambil terhadap projek-projek ini. Pada tahun 1980-an semasa kemerosotan ekonomi banyak projek perumahan juga terbengkalai.

Kerajaan melalui dana khas untuk menghidupkan semula projek-projek ini. Sebenarnya masih terdapat projek belum dibina semula dan baru-baru ini terdapat satu projek di Kampung Ulu Beranang, di kawasan saya, projek ini bernama Perumahan Sri Beranang. Difahamkan projek ini akan dibina semula selepas terbengkalai selama lebih kurang 10 tahun. Akan tetapi harga rumah itu akan dinaikkan dari harga asal iaitu lebih kurang RM48,000.00 kepada RM80,000.00. Pembeli lama juga mesti ikut harga yang baru, kalau pembeli tidak mahu ikut harga baru atau tidak mahu membeli dengan harga baru maka mereka tidak akan dapat pulangan wang yang mereka bayar dahulu.

Jadi saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, sama ada ini adil atau tidak dan jikalau melanggar syarat-syarat yang tidak diluluskan oleh kerajaan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pemaju ini. Juga saya ingin sebut tentang kuota bumiputera, saya difahamkan bahawa sebanyak 4 billion rumah dari segi nilai untuk dijual kepada bumiputera sejak tahun 80an dan tidak ada pembeli sampai sekarang. Ini akan membebankan pihak pemaju, saya bercadang supaya unit rumah ini boleh dijual kepada sesiapa yang berminat. Kerajaan negeri juga diminta menimbang supaya membeli rumah ini dan kemudian menjual kepada bumiputera. Jadi inilah cadangan-cadangan terhadap kerajaan tempatan. Yang Berhormat, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Ya, Senai.

11.14 pg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 - Kerajaan Tempatan. Tuan Pengerusi, Kerajaan Tempatan

memainkan peranan yang amat penting untuk memupuk serta menyediakan imej yang dapat menggambarkan tahap penerimaan Kerajaan Barisan Nasional di antara rakyat jelata pada amnya. Berkenaan Akta Kerajaan Tempatan iaitu Akta 171 tahun 1976 telah membawa sedikit sebanyak perubahan struktur kerajaan tempatan demi pembangunan kawasan luar bandar dan kelicinan pentadbiran yang pada suatu ketika itu dianggap kurang profesionalisme yang diperlukan. Namun begitu, dengan sudahnya hampir 22 tahun berlaku banyak pengenalan kepada akta tersebut. Saya percaya sudah tiba masanya untuk kita semua lihat kembali serta memandang ke masa depan apakah isu-isu yang harus dikaji semula atau diberi penekanan baru memandangkan tidak lama lagi kita semua akan menjejak ke abad yang ke - 21.

Tuan Dato' Pengerusi, kata orang 'makin jauh berjalan makin luas pengalamannya', memang tidak dapat dinafikan kebenaran yang terkandung di dalam kata-kata ini. Saya percaya begitulah juga dengan semua kakitangan yang berkhidmat di peringkat kerajaan tempatan. Mengikut sistem penempatan kakitangan sekarang ini, mereka hanya dapat menyumbang perkhidmatannya pada satu-satu pihak penguasa tempatan sahaja sungguhpun mereka boleh bertukar dari satu jabatan ke jabatan yang lain dalam pihak penguasa tempatan yang sama. Apa yang berkurangan ialah mereka tidak dapat peluang untuk berkhidmat di pihak penguasa tempatan yang lain tanpa menjejaskan kekekalan perkhidmatan mereka.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya peraturan ataupun pindaan jika perlu dapat dibuat ke atas Akta 171 ini untuk membolehkan pihak penguasa tempatan tukar menukar kakitangan mereka dan begitu juga dengan para kakitangan yang sekian lama telah berkhidmat di sesuatu pihak penguasa tempatan itu dapat peluang untuk mencari pengalaman dan pendedahan baru di pihak penguasa tempatan yang lain.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan masalah mengenai penurunan kuasa khasnya dari segi penguatkuasaan kepada pihak swasta oleh pihak penguasa tempatan. Segala pungutan kompaun oleh pihak penguasa tempatan contohnya, meletak kereta di tempat letak kereta tanpa tiket tidak harus dikongsi bersama pihak swasta kerana

ianya adalah bertentangan dengan prinsip yang telah lama diwujudkan. Hasrat kerajaan untuk menggunakan kompaun tidaklah untuk mengisikan tabung tetapi bagi pencegahan saja. Saya pohon perkara ini diambil perhatian dan penyalahgunaan konsep ini hendaklah diberhentikan dengan serta-merta.

Saya bercadang supaya keseragaman polisi di antara pihak penguasa tempatan di seluruh negara ini dapat diadakan demi mengurangkan kekeliruan atau perbezaan yang ada sekarang.

Di samping itu, pada masa kegawatan ekonomi yang sedang melanda di negara kita, kita juga tidak ingin melihat bahawa pihak penguasa tempatan membebankan rakyat jelata dengan mengenakan bayaran yang seharusnya dielakkan sama sekali. Contohnya ialah melibatkan perkhidmatan peguam untuk memungut cukai harta semasa di mana aduan yang saya terima menunjukkan cukai harta semasa ialah RM28.50 manakala bayaran peguam yang dikenakan adalah RM31.50. Ini tetap menggambarkan satu kedudukan yang kurang adil pada pembayar cukai.

Seksyen 148 Akta 171 ini harus dipinda dengan penerangan lebih jelas lagi bayaran peguam hanya dikenakan apabila saman menuntut tunggakan cukai harta itu telah pun dikeluarkan oleh pihak mahkamah.

Pihak berkuasa tempatan diwujudkan untuk memberi perkhidmatan seperti pelupusan sampah-sarap, kebersihan longkang dan parit, memotong rumput, menyediakan jalan yang selesa dan lain-lain lagi. Maka saya bercadang supaya pihak berkuasa tempatan untuk mengenakan sebarang bayaran hendaklah dikawal dengan lebih berkesan lagi. Saya berharap satu sistem kerajaan tempatan yang lebih cekap serta bertimbang rasa dapat diwujudkan demi menghadapi cabaran abad ke-21 yang akan tiba tidak lama lagi. Dengan kata-kata ini saya memohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tanjong Karang.

11.21 pagi

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010600. Saya menyentuh mengenai schedule G –

Perjanjian Jual Beli, yang setiap perjanjian jual-beli di antara pemaju dengan orang ramai dikehendaki menggunakan jadual G ini dan pihak peguam tidak boleh ubah jadual G ini melain terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak kementerian. Saya hanya hendak sentuh tiga seksyen di dalam jadual G ini, yang mana tiga seksyen ini saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula supaya jadual G ini menjadi lebih adil kepada pihak pembeli dan kepentingan pembeli dapat dilindungi.

Pertama, seksyen 9, iaitu keenggaran oleh pembeli dan penamatan perjanjian oleh pemaju. Tetapi di dalam seksyen 9 ini ataupun di mana-mana seksyen tidak terdapat satu klaus ataupun satu seksyen yang membolehkan pembeli menamatkan perjanjian jual-beli ini. Ini yang saya rasa agak-agak berat sebelah yang mana pemaju sahaja diberi hak untuk menamatkan perjanjian, tetapi pembeli tidak ada hak untuk menamatkan perjanjian.

Tuan Pengerusi, memandangkan hanya pemaju sahaja yang diberikan hak untuk menamatkan perjanjian, maka sudah tentu menimbulkan masalah kepada pembeli di mana sekiranya terdapat keenggaran oleh pemaju terhadap terma-terma perjanjian, maka pihak pembeli hendaklah mengemukakan saman di mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi menamatkan perjanjian dan apa-apa pampasan yang difikirkan sesuai oleh mahkamah. Tetapi keadaan sebaliknya bagi pemaju, pihak pemaju boleh menggunakan seksyen 9 akta tersebut untuk membatalkan penjualan harta tersebut dan dengan serta-merta menamatkan perjanjian tersebut dan pemaju berhak untuk melakukan perkara-perkara yang disebut di bawah seksyen 9(1)(a), 9(1)(b), 99(1)(c) dan 9(2).

Apabila tidak ada seksyen untuk pembeli menamatkan perjanjian, maka sudah tentu pembeli-pembeli ini akan menghadapi masalah. Kerana sebagaimana saya katakan tadi kalau mereka hendak menamatkan perjanjian mereka kena pergi mahkamah. Tidak seperti pemaju begitu mudah untuk mereka mendapatkan faedah-faedah daripada penamatan jual-beli ini. Bagi pembeli masalah pertama yang timbul apabila terdapat pihak pemaju setelah mengambil wang deposit 10% dan setelah perjanjian jual-beli ditandatangani, pihak pemaju tidak menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya dijalankan, dan pihak pembeli

harus menunggu sehingga tempoh serah milik tamat baru boleh menuntut apa-apa pampasan. Ketidaktentuan ini menimbulkan banyak masalah kepada pembeli.

Memang benar berlaku, ada pemaju yang kecil-kecil ambil 10% dia tidak buat apa-apa projek pun. Hendak ambil tindakan tidak boleh sebab perjanjian mengatakan kena tunggu sampai 24 bulan ataupun 36 bulan barulah kita ada hak untuk tuntutan di bawah perjanjian. Jadi, ada pemaju apabila dapat 10% dia simpan dan dia tidak membuat apa-apa projek. Apabila ini berlaku, bayaran ansuran pinjaman oleh pembeli telah mula, dan pihak pembeli harus membayar faedah kepada bank. Projek tidak jalan, tetapi duit bayar bulan-bulan dengan interest terus berjalan.

Masalah yang kita hadapi lagi setelah menunggu selama dua tahun ataupun tiga tahun baru dapat pihak pemaju setelah gagal menyiapkan rumah tersebut dan proses untuk mengambil alih projek-projek tergendala memakan masa yang lama dan harus melalui proses yang rumit dan pembeli tidak mempunyai remedy yang cepat dan berkesan. Ini kita sudah dengar dalam Dewan ini banyak projek terbengkalai. Di Tanjong Karang sendiri, Taman 'Mas Sri' sudah hampir 15 tahun timbul banyak masalah. Saya sudah letih berhubung dengan kementerian, kemudian berhubung dengan office assignee. Saya ingat sudah tiga tahun saya sendiri secara peribadi berhubung untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Taman 'Mas Sri' sehingga sekarang tidak selesai. Tetapi pembeli-pembelinya tidak ada pilihan kerana mereka menunggu dan tetap menunggu. Dalam masa yang sama mereka terpaksa menyewa rumah lain sementara menunggu tidak tahu bila hendak siap projek terbengkalai ini.

Di dalam keadaan-keadaan yang pembeli mempunyai masalah kewangan atau permohonan pinjaman tidak diluluskan atau diberhentikan kerja terutamanya di dalam keadaan kegawatan sekarang, pihak pembeli tidak dapat menamatkan perjanjian, kecuali memohon budibicara kepada pemaju untuk menamatkan perjanjian tersebut. Ini telah menimbulkan masalah kerana terdapat budibicara penuh oleh pemaju untuk menggunakan seksyen 9 atau tidak, dan faktor masa juga penting kerana pihak pemaju akan mengambil

masa yang lama untuk memutuskan perkara tersebut. Dan akibatnya faedah tertunggak meningkat dan pembeli kerugian dari segi 10% deposit telah dirampas ataupun forfeited dan faedah tertunggak dikenakan dan segala bayaran administrative dan guaman untuk pembatalan juga dikenakan.

Di dalam keadaan ini, kepentingan pihak pemaju terjamin kerana bayaran 10% tersebut boleh dirampas sebagai pampasan dan pemaju boleh menjual harta tersebut kepada pembeli lain. Bagi pembeli, 10% sudah tentu burned. Mereka ini pula kalau hendak tamat sanggup habis 10% dan dalam masa yang sama mereka juga telah pun terpaksa membayar berbagai-bagai duit pentadbiran, guaman dan sebagainya. Itu pun belum tentu lagi pihak pemaju bersetuju untuk menamatkan perjanjian ini. Dalam keadaan ekonomi hari ini gawat, bank pun sudah hendak dapat pinjaman, interest pun tinggi, jadi ramai pembeli seperti kata orang ke tengah tidak boleh ke tepi pun tidak boleh. Dia tersekat dalam usaha mereka sama ada untuk meneruskan pembelian rumah ataupun tidak, dan ramai yang sedang menghadapi masalah kerana kerugian yang mereka hadapi. Kerana tidak ada satu undang-undang, satu klaus yang boleh memberi peluang kepada pembeli untuk membatalkan perjanjian yang telah mereka tandatangani.

Seksyen yang kedua ialah seksyen 20, 21 dan 22, bahawa di dalam keadaan penyerahan milikan harta tersebut tidak diserahkan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan syarat-syarat yang harus dipenuhi, maka penjual hendaklah dengan serta-merta membayar ganti rugi seperti yang diperuntukkan. Ini juga telah menimbulkan banyak masalah kepada pembeli kerana pihak pemaju sentiasa melambat-lambatkan proses pembayaran dengan alasan-alasan mereka, dan pihak pembeli akhirnya terpaksa mengambil peguam untuk memulakan tindakan dan ini membebankan mereka dengan

bayaran guaman dan pihak pemaju juga boleh menggunakan khidmat guaman untuk membela mereka dan proses ini memakan masa dan kos yang tinggi bagi pembeli.

Walaupun ada perkataan “hendaklah dengan serta-merta” di bawah seksyen 20. Di bawah seksyen 20 ini ada disebut “Sekiranya penyerahan ini lambat dibuat, maka penjual hendaklah dengan serta-merta membayar kepada pembeli ganti rugi jumlah tersebut yang dikira dari hari ke hari dengan kadar 10% setahun daripada harga beli.” Ini memang ada di dalam akta, tetapi tidak ramai pemaju akan patuh kepada arahan ini. Kita dapati apabila rumah ini lambat, pembeli-pembeli ada yang mengambil tindakan undang-undang secara perseorangan dan ada juga secara kelompok, dan apabila pergi ke mahkamah tentu memakan masa, dan pihak pemaju juga selalu pasang peguam. Jadi, mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan tuntutan yang patut diberi terus kepada pembeli. Tetapi pemaju selalunya enggan untuk membayar 10% ini.

Oleh yang demikian, saya harap terma yang lebih jelas dan tegas haruslah digunakan bagi mengelakkan perkara ini berleluasa dan kepentingan pembeli boleh dijamin. Pemaju juga sepatutnya dikehendaki membayar interest jika lewat membayar. Ini kalau pembeli lambat bayar, dia caj 10%. Tetapi kalau pemaju pula lambat ataupun sengaja melengah-lengahkan pembayaran 10% yang saya sebutkan tadi, pemaju tidak ada dikenakan apa-apa interest.

Jadi, harus dikaji balik seksyen ini kalau pemaju lambat membayar 10% dan sepatutnya diterima oleh pembeli, maka pemaju juga harus dikenakan interest 10% daripada 10% yang patut pembeli terima, saya juga ingin mencadangkan supaya tidak menyusahkan pembeli.

Saya ingin mencadangkan kementerian sendiri sepatutnya pegang duit ini, macam kalau ada duit tempoh realibiliti kecacatan selalunya lawyer pegang, tetapi ini kita minta kementerian pegang, kalau mana-mana projek yang lambat sahaja siap, vacant possession

lambat diberi, maka 10% ini automatik sepatutnya diberi kepada pembeli sebagaimana pihak pemaju dapat automatik 10% daripada perjanjian jika dibatalkan.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, seksyen 21(1), cara penyerahan pemilikan kosong. Menurut peruntukan ini pihak pemaju hendaklah menyerahkan pemilikan kosong setelah syarat-syarat dipenuhi oleh pembeli dan sijil perakuan oleh arkitek telah dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, terdapat syarat bahawa pemilikan tersebut tidak memberi hak kepada pembeli untuk menduduki sehingga perakuan layak menduduki (CF) dikeluarkan. Perkara ini juga telah menimbulkan masalah kepada pembeli kerana dalam seksyen 21(1) ini bila rumah sudah siap, habis tanggungjawab pemaju tetapi tanggungjawab mendapatkan CF walaupun pemaju ditugaskan mendapatkan CF selalunya apabila pemaju telah dapat 100% duit jualan rumah, mereka ini orang kata telah lepas tanggungjawab mereka dan dari segi akta ini kita tidak boleh saman dia, sebab dia sudah serah vacant possession kerana dalam akta ini menyatakan walaupun serah vacant possession tetapi rumah itu tidak boleh diduduki selagi CF belum didapati.

Jadi, CF ini kita telah dengar dalam Dewan ini, macam-macam masalah yang timbul apabila hendak menunggu CF, ada yang dua tahun, ada yang satu tahun dan ada juga yang kita dapati duduk di rumah ini tanpa CF kerana mereka sudah tidak sanggup lagi untuk menunggu dengan lama lagi kerana rumah telah disiapkan, kunci telah diberi tetapi rumah tidak boleh dimasuki dan pemaju ini juga masih ada hak dia lagi, kalau kita tidak membayar faedah-faedah (interest) yang dikenakan maka pemaju akan memegang kunci walaupun kadang-kadang RM200 atau RM300 kita belum bayar lagi kerana interest, pemaju tidak akan serahkan kunci. Jadi, pemaju ada senjata akhir tetapi pembeli tidak ada satu senjata bagi mereka untuk melindungi hak-hak mereka.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya seksyen 21(1) ini harus dikaji semula dan harus dinyatakan di situ bahawa penyerahan hakmilik ini termasuk CF, jangan serah kosong tanpa CF. Jadi, letakkan syarat pemilikan kosong ini mesti bersama-sama dengan CF dan barulah saya yakin pemaju ini akan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan CF

ini bersama supaya memastikan bahawa mereka juga dikehendaki memenuhi syarat-syarat perjanjian, kalau tidak pemaju akan cuba dengan tidak bersungguh-sungguh.

Menyentuh CF ini, saya juga ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, sebagaimana kita sedia maklum untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan dan juga kelulusan CF kita hendak mendapatkan komen dari segi teknikal dan juga komen dari jabatan-jabatan. Saya ingin bertanya dan yang ingin saya persoalkan di sini mengapa dua jabatan di mana kedua-dua jabatan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Jabatan Pembetulan dan juga Jabatan Bomba. Lain-lain jabatan seperti Jabatan Parit dan Saliran (JPS), Jabatan Kesihatan, Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya semuanya di peringkat daerah, tetapi dua jabatan iaitu Jabatan Bomba dan juga Jabatan Pembetulan khasnya hanya daripada ibu pejabat sahaja.

Jadi, semua komen itu kena dihantar ke ibu pejabat dan ibu pejabat kena turun ke peringkat bawah, ini yang selalu memakan masa. Di kawasan saya di Taman Ria sampai dua tahun Jabatan Pembetulan tidak hantar komen lagi. Kemudian Jabatan Bomba hanya di peringkat negeri, tidaklah teruk sangat walaupun bomba ada di peringkat daerah tetapi saya tidak faham adakah pegawai bomba di peringkat daerah ini tidak layak untuk memberi komen, mengapa ia harus dihantar di peringkat negeri.

Saya bersetuju dengan cadangan menteri supaya perkara ini dipercepatkan tetapi kalau kementerian sendiri tidak boleh mengubah sistemnya yang mana saya lihat kedua-dua Jabatan Pembetulan yang hanya berpusat di ibu pejabat sahaja dan juga Jabatan Bomba hanya berpusat di negeri sahaja, kedua-dua jabatan ini jika tidak dikaji semula tanggungjawab mereka kerana kedua-dua jabatan inilah yang selalunya melambatkan ataupun mungkin mereka kekurangan tenaga kerana Jabatan Pembetulan terpaksa dibawa ke ibu pejabat yang terpaksa mengawal di seluruh negara, negeri mungkinlah kurang sedikit, tetapi di peringkat jabatan yang lain seperti yang saya nyatakan tadi JKR, JPS dan sebagainya tidak ada menghadapi masalah kerana mereka ini beroperasi di peringkat daerah dan cepat untuk diberikan komen dan saya rasa kalau pihak berkuasa tempatan dapat komen-komen yang lengkap daripada semua jabatan dan diserahkan kepada pemaju dan pemaju serah kepada kerajaan tempatan atau pihak berkuasa tempatan, sudah tentu pihak berkuasa tempatan dalam tempoh 14 hari bila komen-komen ini sudah

lengkap, mereka ingat tidak ada masalah untuk meluluskan CF ini, masalahnya ialah hendak mendapatkan komen dari semua jabatan walaupun dalam peraturannya hanya dua bulan patut komen ini diberi tetapi tidak dapat dipenuhi syarat-syarat dua bulan ini.

Jadi, sebab itu, hari ini kita dapati masalah CF menjadi satu masalah yang begitu kritikal bukan sahaja untuk mereka yang membina rumah secara perseorangan tetapi juga rumah-rumah yang dibina oleh pihak pemaju.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh 01500 – Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Petaling Jaya Utara bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sedikit bolehlah, masa tidak ada.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Tuan Pengerusi, minta penjelasan atau pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Oleh sebab di negara-negara lain saya lihat pihak pemaju tidak diberi kebenaran untuk menjual rumah sebelum rumah-rumah itu disiapkan dan lengkap dengan CF. Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan perkara ini.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dan saya juga dalam Dewan yang mulia ini pernah

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat. Yang Berhormat diingatkan masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sedikit sahaja, saya hendak jawab, kalau tidak jawab tidak adil pula nanti. Saya bersetuju sebab saya juga pernah mencadangkan di Dewan ini supaya kajian harus dibuat sebab kita tidak mahu projek terbengkalai ini menjadi-jadi. Kita ingin mencadangkan kalau rumah tidak siap pun, sekurang-kurangnya 30% rumah telah siap dibina barulah boleh dijual kepada orang ramai. Seperti PKNS, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini bekas Pengurus Besar PKNS, beliau lebih arif dalam soal ini, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, rumah telah disiapkan 50% atau 60% barulah dijual kepada orang ramai, jadi ini memberi keyakinan kepada orang ramai untuk mereka mendapat rumah sepertimana yang mereka

harapkan. Tetapi hari ini kadang-kadang syarikat ini baru ditubuhkan, baru hendak mula projek, tanah pun hutan lagi tetapi mereka sudah kutip 10%.

Jadi, yang akhir sekali, sedikit sahaja lagi

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Masa sudah habis dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, tidak bolehkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk!

Tuan Haji Noh bin Omar: Sedikit sahaja lagi, saya hendak sentuh yang akhir sekali. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dari pihak kementerian dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana hari ini boleh dikatakan telah berjaya melaksanakan banyak rumah kos rendah ini tiga bilik, tetapi berapakah rancangan kementerian kepada rumah-rumah kos rendah yang satu bilik seperti flat di Jalan Pekeliling yang telah dibina beberapa puluh tahun yang lalu, apakah sesuai lagi rumah flat satu bilik ini masih lagi wujud terutamanya di ibu kota, jadi apakah

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah pesan tadi Yang Berhormat, sila gulung, masa tidak mengizinkan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Ya, saya gulung, saya hendak penjelasan apakah rancangan kementerian untuk mengatasi masalah rumah-rumah kos rendah atau rumah flat yang satu bilik ini kerana kita dapati hari ini sudah dibina rumah kos rendah tiga bilik tetapi yang satu bilik ini sudah tentu tidak bersesuaian lagi digunakan untuk masa sekarang. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Seputeh.

11.39 pagi

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mengambil kesempatan ini membincang masalah-masalah di bawah Butiran 030000 – Perumahan dan juga Butiran 040000 – Kerajaan Tempatan masing-masing.

Tuan Pengerusi, prestasi kerajaan dalam membina rumah kos rendah adalah kurang memuaskan, ini pasti tidak dapat mewujudkan sebuah house owning democracy, dengan

izin. Kita lihat setinggan-setinggan di merata-rata tempat di negara ini selain dari kegagalan kerajaan untuk menyediakan rancangan raksasa untuk membina rumah kos rendah, kerajaan juga tidak memastikan bahawa kuota rumah murah sebanyak 30% dalam setiap rancangan perumahan dipatuhi oleh pemaju-pemaju perumahan.

Akibat ketidaktegasan kerajaan dalam perkara ini, maka penempatan semula setinggan-setinggan dan penyediaan rumah murah untuk golongan berpendapatan rendah tidak dapat dilaksanakan dengan berjaya dan saksama dan sasaran tidak dipenuhi.

Kerajaan sepatutnya bersikap tegas dalam hal ini iaitu setiap pemaju mematuhi kuota 30% itu pertimbangan juga harus diberi terhadap pembinaan rumah-rumah dan pangsapuri kos sederhana bagi mereka yang tidak berhak memiliki rumah kos rendah. Kerajaan Pusat bersama-sama kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan rancangan perumahan raksaksa di seluruh negara untuk memastikan setiap rakyat mempunyai tempat untuk tidur.

Kerajaan juga hendaklah secara jujur membantu pihak atau para pemaju menghadapi berbagai masalah yang dihadapi seperti mendapat pinjaman kewangan bagi projek mereka. Bank-bank mengambil masa yang panjang untuk mengeluarkan pinjaman jika ada. Ini adalah satu perkara yang harus diberi perhatian serius oleh kerajaan. Para pengguna atau peminjam-peminjam perumahan hendaklah juga dibantu oleh kerajaan khususnya berkait dengan faedah bayaran ansuran bulanan dan sebagainya khususnya, semasa kegawatan ekonomi sekarang. Apakah dibuat setakat ini oleh kerajaan tentang perkara yang berkenaan?

Di sini ingin saya membangkitkan satu perkara yang dihadapi oleh bekas setinggan-setinggan kampung tepi sungai, Kampung Pasir Lama dan Kampung Kicap di kawasan saya. Yang terlibat ialah lebih 100 keluarga setinggan yang terpaksa mengosongkan tempat mereka untuk projek Liner City. Liner City berjanji membayar kesemua mereka ini sebanyak RM300.00 setiap bulan sebagai sewa sejak bulan September tahun 1997. Bayaran ini dilakukan hingga bulan Julai tahun ini dan dihentikan lepas itu. Akibat ini para setinggan yang terlibat menghadapi dilema mereka mengosongkan rumah setinggan mereka selepas dijanji oleh Liner City bahawa Liner City

akan membayarkan mereka sewa bulanan dan kini bayaran sewa pula dihentikan. Saya minta kerajaan campur tangan dalam perkara ini untuk memastikan Liner City mengotakan janjinya kepada para bekas setinggan-setinggan tersebut.

Saya juga telah menerima aduan daripada penduduk-penduduk Taman Kong Wah di Sandakan. Yang Berhormat Sandakan memang tahu perkara ini tetapi sekarang dia tidak ada dalam. Tuan Pengerusi, mereka mengadu bahawa rumah-rumah di taman tersebut dibina tidak mengikut pelan tetapi menerima kelulusan pihak berkuasa tempatan. Keretakan kelihatan di semua ruang dan rangka rumah-rumah tersebut diancam termite dengan izin. Banyak rumah-rumah tersebut didapati sengget apabila siap dibina. Saya minta kerajaan menyiasat ke dalam perkara ini dan minta pemaju berkenaan mengambil tindakan untuk membaiki rumah-rumah tersebut.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menggesa kerajaan mengawal rumah-rumah adalah terlalu tinggi yang di luar kemampuan rakyat jelata. Rumah-rumah yang dibina selepas 1948 perlu dikawal sewanya agar ia adalah berpatutan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya percaya masanya telah tiba untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, Bandaraya Kuala Lumpur khasnya perlu mempunyai seorang Datuk Bandar dan ahli-ahli Lembaga Penasihat ataupun Advisory Board yang dipilih rakyat. Hampir semua bandar raya di dunia ini mempunyai Datuk Bandar dan ahli-ahli yang dipilih. Begitu juga pilihan raya harus diadakan bagi setiap majlis perbandaran dan majlis daerah sejajar dengan kehendak-kehendak lulus-lulus demokrasi, ketelusan dan accountability. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Bintulu.

11.45 pagi

Tuan Chiew Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 040100, 00300, 01402 mengenai Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Lembaga Kemajuan Bintulu ialah pihak berkuasa kerajaan tempatan di Bintulu dan di Bintulu tidak ada majlis perbandaran. Fungsi kerajaan tempatan di sana diambil alih atau diletakkan kepada sebahagian tugas Lembaga Kemajuan Bintulu. Oleh kerana tidak ada majlis perbandaran, maka tidak wujud majlis atau kaunselor di sana. Pihak berkuasa atau

Lembaga itu ditadbir menurut style pihak swasta yang mana Pengerusi Lembaga ialah Ketua Menteri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini dalam sebuah negara demokrasi, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sangat perlu supaya badan yang dipilih boleh kerja dan dipandu menurut hasrat dan keperluan rakyat, iaitu “kerajaan oleh rakyat untuk rakyat.” Sekarang di Lembaga Kemajuan Bintulu oleh kerana masalah tidak ada perwakilan dan kekurangan keperluan accountability kepada rakyat disebabkan mereka tidak memerlukan rakyat Bintulu untuk meletakkan mereka di situ, acap kali hasrat rakyat tidak ditunaikan sebagaimana sepatutnya. Kita ambil contoh, masalah kutipan sampah di Bintulu terutama kutipan cantasan bunga (flower trimming) yang ditinggalkan di taman dan kadang kala cantasan dahan pokok. Apabila tuan rumah meletakkan cantasan itu baik-baik, diikat baik-baik dan simpan dekat tong sampah di rumah untuk dibuang, para pekerja mengutip sampah tidak langsung mengangkat bahan buangan itu ke tempat pembuangan sampah.

Tambah lagi tuan rumah diugut akan didenda kerana membuang sampah kerana hanya meletakkan cantasan tadi di luar kawasan rumah. Apa yang terjadi seseorang itu pada akhirnya terpaksa mencari lori hanya untuk mengangkat sedikit cantasan bunga dan terpaksa pula membayar RM10.00 kerana memasuki tempat pembuangan sampah Lembaga Kemajuan Bintulu. Walaupun perkara ini telah dibawa ke atas oleh tuan rumah tetapi masalah terus berlaku. Saya berharap kementerian akan ambil perhatian untuk menyelesaikan hal ini.

Di samping itu Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berkenaan pembinaan bangunan pangsapuri di Sarawak di mana misalnya dalam sebuah taman perumahan yang mana pelan asal ialah untuk membina rumah kediaman satu atau dua tingkat atau selebih-lebihnya empat tingkat bangunan kedai tetapi sekarang entah macam mana satu pelan untuk membina pangsapuri empat belas tingkat boleh diluluskan. Ini cukup di luar dugaan tuan rumah di taman perumahan itu bahawa sebuah bangunan tinggi boleh dibina di celah-celah taman perumahan.

Bagaimanakah perasaan tuan rumah di sebelah bangunan tinggi itu nanti? Semasa mereka membeli rumah dalam taman tersebut mereka difahamkan tidak ada pangsapuri empat belas tingkat seumpama itu dibina di situ. Tapi sekarang dia akan pun dirancang. Tidakkah boleh penduduk taman perumahan di mana pangsapuri empat belas tingkat itu

dibina, diajak berunding terlebih dahulu oleh pihak berkuasa berkenaan, sekurang-kurang untuk mendengar pandangan dan untuk mengetahui bagaimana mereka rasa. Inilah masalah apabila tuan-tuan mempunyai sebuah kerajaan yang tidak mempunyai perwakilan rakyat. Suara dan rungutan rakyat tidak boleh sampai kepada pihak atasan ataupun jika ia sampai kepada mereka ia menjadi tidak penting.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Butiran 01508 – Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Lebih kurang enam tahun lalu terdapat satu kajian oleh sebuah universiti di Semenanjung dengan kerjasama Kerajaan Sarawak tentang keperluan rumah kos rendah di Sarawak. Dianggarkan Sarawak memerlukan 84,000 unit rumah kos rendah. Apa yang saya faham setakat ini hanya 20% sampai 30% sahaja disediakan. Tuan Pengerusi ini sudah mengambil masa terlalu lama dan bilakah masa permintaan rakyat Sarawak untuk memiliki rumah kos rendah boleh dipenuhi. Masih ramai rakyat Sarawak yang tidak mampu membeli rumah dan mereka terpaksa tinggal di rumah setinggan yang tidak ada bekalan air, bekalan elektrik dan sistem tandas yang baik dan masih berdepan dengan ugutan dan amaran bahawa mereka perlu berpindah keluar atau rumah mereka dirobohkan. Tetapi di manakah mereka hendak pergi, adakah kerajaan benar-benar mengambil berat golongan rakyat ini. Bilakah kerajaan akan membina rumah yang mereka mampu membelinya untuk menjadi tempat kediaman sendiri.

Tuan Pengerusi, saya haraplah kementerian akan mengambil tindakan untuk mempercepatkan memenuhi keperluan rakyat ini di Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Bukit Mas

11.52 pagi

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan hanya membangkitkan dua perkara sahaja. Saya merujuk kepada Butiran 01508 iaitu Kerajaan Negeri Sarawak, di bawah tajuk Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, tadi kita juga mendengar apa yang disarankan oleh rakan saya daripada Bintulu walaupun di sebelah barisan pembangkang apa yang kita bangkitkan iaitu satu persamaan di mana pencapaian kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khusus di dalam pembinaan rumah kos rendah saya rasa harus dikaji dengan izin, everywhere we have to able the progress. Misal kata, untuk negeri Sarawak pada tahun yang akan datang, kita berterima kasih kepada Datuk Menteri kerana saya difahamkan di sini kalau mengikut anggaran kita yang di negeri Sarawak yang diperuntukkan lebih banyak jumlah dekat RM10 juta kalau dibanding dengan di Semenanjung hanya RM39.3 juta, bermakna tumpuan ataupun tekanan diberi kepada negeri kita di Sarawak.

Kita mengucapkan terima kasih dan saya ingin menyuarakan satu perkara yang saya ingin supaya diterangkan iaitu di negeri Sarawak ada satu badan agensi kerajaan yang ditugaskan untuk menjalankan pembinaan rumah kos rendah iaitu Suruhanjaya Permohonan dan Perumahan Sarawak (SPPS) atau dengan bahasa Inggeris yang dikenalkan Sarawak Housing Development Commission. Maksud saya bertanya di sini iaitu, saya difahamkan kalau tiap-tiap kali kita bincangkan mengenai peruntukan saya rasa kalau disemakkan Kerajaan Tempatan saya ada minat, oleh kerana saya rasa ini satu kerajaan yang boleh bantu rakyat khususnya orang daripada luar bandar berhijrah ke bandar oleh kerana bertugas, berkhidmat di dalam kerajaan ataupun di dalam swasta. Bermakna di sinilah kerajaan dapat membantu rakyat daripada luar bandar dan rakyat di bandar termasuk daripada orang yang menyokong parti pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu bagaimanakah kerjasama diantara kementerian dengan SPPS ataupun Sarawak Development Housing Commission adakah begitu rapat, kadangkala kita sebagai wakil rakyat kerajaan, kita minta maklum balas, kebanyakan Tuan Pengerusi bukan kita hanya membela satu kerajaan sebagai wakil kerajaan, kita membela kerajaan, hanya satu kerajaan, iaitu Kerajaan Malaysia, tidak ada Kerajaan Negeri Sarawak, lain-lain kerajaan, tetapi yang kita selalu menerima iaitu peruntukan daripada Kerajaan Pusat tidak begitu banyak. Tetapi apabila kita bentang budget imbuhan banyak diberi kepada Negeri Sarawak. Mungkin ada kelemahan, oleh kerana itu saya

ingin bertanya apabila kementerian memperuntukkan wang kepada negeri Sarawak misal kata, khas untuk membangun atau membina rumah kos rendah adakah kementerian minta maklum balas atau feedback ataupun progress report dengan izin, misal kata, untuk tahun hadapan RM59 juta ini harus, dan mesti, Tuan Pengerusi, I must stress this, dengan izin, dilaksanakan ataupun dibelanjakan khas untuk membina rumah kos rendah. Kalau tidak Tuan Pengerusi orang yang banyak tinggal di kawasan bandar, pekan, ataupun di kawasan yang kita selalu beri tumpuan itu kebanyakan mereka the low level income, dengan izin, majority our voters, dan oleh kerana itu untuk membantu kementerian, kalau kementerian setuju mengadakan pilihan raya untuk Kerajaan Tempatan saya rasa ragu Tuan Pengerusi, pihak pembangkang memang menang, kerana masalah seperti ini kalau kita tidak atasi misal kata ini satu basic problem dengan izin.

Saya minta dengan terus terang bagaimanakah ada satu kerjasama yang begitu erat di antara SPSS dengan kementerian dan kalau boleh mungkin di satu perkara terperinci dalam tahun-tahun yang lepas, dua tiga tahun yang lepas, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, kalau boleh kementerian tolong minta kerajaan negeri terangkan adakah peruntukan itu untuk membantu kita. Kalau pilihan raya akan datang diadakan kita sebagai wakil rakyat membantu kerajaan dengan izin, we have to help the government, but the government must give us the feedback, dengan izin.

Sekali lagi, saya ingin bertanya mengenai rancangan perumahan kos rendah di kawasan saya Bukit Mas. Ada perancangan yang diluluskan untuk bandar Limbang, dalam dua tiga tahun yang lalu, saya berterima kasih dalam 3,000 unit, misal kata, baru-baru ini saya ingin menyemak semula, saya difahamkan ini satu pandangan yang diberi kepada saya, harapan saya kementerian saya juga tolong tulis surat kepada Kerajaan Negeri Sarawak khusus kepada menteri yang bertugas untuk menjalankan rumah kos rendah. Saya difahamkan Tuan Pengerusi projek ini dibincang dan diberi secara negotiated kontrak kepada satu pihak yang ada kaitan dengan golongan yang rapat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri. Oleh kerana itu mungkin projek ini akan dibatal, atau ditunda, maksud saya di sini Tuan Pengerusi saya tidak mahu mendengar perkara itu, saya ingin supaya kalau ada projek yang dilaksanakan, laksanakan, yang mengatakan ada kaitan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri. Ini satu perkara yang sukar untuk difahamkan untuk peringkat bawahan. Tolong semak dan tolong sampaikan, kalau boleh saya minta Dato' yang bertugas sekarang, jangan jawab dalam Dewan, tulis

surat pada saya untuk saya membantu kerajaan. Ini satu perkara yang sensitif sedikit Tuan Pengerusi.

Akhir sekali saya ingin bangkitkan iaitu mengenai balai bomba dan bangunan, kereta bomba dan kelengkapan khusus bagi negeri Sarawak iaitu Butiran 01101 peruntukan tahun depan RM1,753 juta. Lagi terima kasih kepada kerajaan tempatan oleh kerana ada peruntukan di sini saya mahu tahu secara terperinci peruntukan sebanyak RM1.753 juta ini untuk pekan di mana kerana saya difahamkan untuk negeri Sarawak banyak lagi projek yang mungkin sudah diluluskan tetapi masih belum dilaksanakan. Untuk kawasan saya Bukit Mas, saya berterima kasih kerana seperti yang saya katakan tadi selepas tiga pekan saya terbakar, Tuan Pengerusi, sekarang telah ada balai bomba di Lawas dan kalau boleh tolong Dato' datang ke Lawas akan diadakan satu majlis seperti yang saya katakan dulu, maksud saya katakan di sini supaya rakyat biasa faham tentang apakah konsep kerajaan yang prihatin terhadap rakyat. Kalau adakan satu majlis bukan rasmikan Balai Bomba Lawas, oleh kerana ini satu petanda bahawa kerajaan betul-betul sampai ke hujung negeri Sarawak di Lawas ataupun kawasan Bukit Mas. Tetapi yang saya ingin bangkitkan di sini selalu ditanya sebagai pertanyaan soalan mulut iaitu di negeri Sarawak apakah perancangan kementerian misal kata ada 5,000 rumah panjang dan kampung-kampung yang jauh daripada bandar adakah peruntukan diagih tiap-tiap tahun untuk membeli pemadam api, kalau ada bagaimana. Kalau tidak adakah cara yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin *Mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang kedua, saya ingin tahu kerana pada suatu masa dulu iaitu ada kebakaran di Limbang, kawasan yang terbesar di Bukit Mas berdekatan dengan Negara Brunei Darussalam. Kita dibantu oleh pihak daripada negara jiran, dengan izin, they use something like hovercraft to fire all the water, sebelum ini saya pernah menyatakan pada Timbalan Menteri adakah perancangan kerajaan ataupun kementerian untuk bandar-bandar di negeri Sarawak yang berdekatan dengan sungai. Adakah peruntukan ataupun perancangan untuk masa depan, untuk membeli kapal pemadam api untuk kegunaan di bandar Miri, di Limbang oleh kerana terdapat banyak kampung di tepi-tepi sungai dan pesisiran. Mungkin Tuan Pengerusi faham apa yang saya bangkitkan di sini oleh kerana Tuan Pengerusi sendiri daripada negeri Sabah. Misal kata di kawasan saya di perkampungan seperti yang kita tengok di Negara Brunei Darussalam, Kampung Air itu seperti biasa, it is the common phenomena picture in my constituency, dengan izin. Tetapi bagi pelancong-pelancong kampung air di negara jiran kita itu menjadi tarikan untuk pelancong daripada luar. Oleh itu saya ingin bertanya apakah perancangan kerajaan untuk membantu membeli kapal pemadam api.

Minta sedikit masa, Tuan Pengerusi, mengenai pemilihan dalam majlis bandaran. Saya tidak setuju kerana kalau kita mengadakan pemilihan di majlis perbandaran itu....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Batang Lupar bangun, tetapi masa dia tidak ada, Yang Berhormat sila teruskan. Dia tidak ada masa lagi.

Tuan Michael Lisa Kaya: Okey, saya teruskan, minta maaf, you tanya Menteri teruslah dan ambil peluang. Saya ingin membantu kerajaan supaya mengadakan satu pemikiran yang tetap, tidak bermakna kita tidak mengadakan pemilihan di majlis perbandaran, kita sebagai kerajaan Barisan Nasional tidak mengambil kira kepentingan rakyat secara keseluruhan. In actual fact, dengan izin, we are most fair government untuk bantu pihak sebelah sana bantu kerajaan tempatan, Bukit Mas tidak setuju dengan pemilihan di peringkat majlis perbandaran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ramai yang hendak ambil bahagian. Bagi wanitalah, Sepang.

12.05 tgh.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih, Tuan Pengerusi, Saya ingin menyentuh Maksud B.16.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya saya menyokong usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah menambahkan peruntukan Jabatan Bomba dan Penyelamat daripada RM138,261,700 pada tahun 1998 kepada RM144,248,200 pada tahun 1999. Tetapi bila kita lihat kepada Butiran 040000 serta Butiran 050000 penurunan peruntukan aset begitu ketara sekali. Bagi Butiran 040000 peruntukan aset telah dikurangkan daripada RM5,687,668 kepada RM50,010 dan di dalam Butiran 050000 peruntukan aset telah dikurangkan daripada RM476,620 kepada RM10 dan Butiran 070000 menunjukkan bahawa peruntukan juga dikurangkan daripada RM746,900 kepada RM500,010. Tuan Pengerusi, adakah ini menggambarkan bahawa kenderaan serta jentera-jentera bomba yang lain juga akan dikurangkan.

Tuan Pengerusi, dengan kebakaran terkini yang berlaku di Pusat Serenti Dengkel, Sepang dan pengalaman yang lampau pada April 1998 semasa kebakaran yang melibatkan beberapa ekar tanah gambut yang terlibat dengan pembakaran terbuka di Kuala Langat, Sepang saya ingin mengemukakan beberapa pandangan.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan kecemasan terutama dalam kebakaran selain daripada kekurangan peralatan operasi dan peralatan penyelamat yang sudah out-of-date, dengan izin, yang juga menjadi penyebab atau punca kelewatan dalam usaha untuk memadamkan kebakaran datangnya dari faktor kecekapan, kepantasan, lebih-lebih lagi distance atau jarak, dengan izin, balai-balai bomba di sesuatu kawasan yang mana dengan ini akan dapat membantu untuk menyelamatkan keadaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah kesibukan di jalan raya dan sifat pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab, fakta jarak dan kehampiran balai-balai bomba di sesuatu kawasan itu juga menjadi punca atau penyebab kelewatan untuk menyelamatkan kebakaran harta serta nyawa.

Dalam keadaan Sepang yang sedang pesat dibangunkan saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bilakah balai bomba di KLIA akan disiapkan kerana saya difahamkan balai berkenaan sepatutnya siap pada bulan Oktober, tetapi telah ditunda sehingga 1 Januari 1999 tetapi kita merasa sangsi agar tempat ini dapat disiapkan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Apa yang saya harapkan, kita tidak mahu menunggu begitu lama sehingga nasi sudah menjadi bubur.

Tuan Pengerusi, walaupun balai bomba ada di daerah Sepang, saya difahamkan bahawa peralatan serta kenderaannya sudah agak lama dan tidak berupaya. Saya juga ingin menyarankan di sini seperti yang telah dimaklumkan kepada saya bahawa cadangan untuk pembinaan balai bomba di semua kawasan bukan sahaja di Sepang mengambil kira jarak di antara balai bomba dengan balai bomba yang lain seperti mana yang dilakukan di Jepun tambah-tambah lagi di negara kita yang sedang pesat membangun terutama sekali di daerah Sepang.

Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan peralatan dan kenderaan bomba yang ada, rata-rata bukan sahaja di Sepang, di negeri Selangor bahkan di seluruh negara merupakan peralatan sementara dan standardnya, Tuan Pengerusi, sekadar taraf sukarelawan sahaja. Jadi kita juga difahamkan dalam keadaan kegawatan ekonomi kita harus berjimat cermat tetapi faktor keselamatan tidak boleh kita perlekehkan. Kita lihat sahaja dengan kebakaran di Kuala Langat, Sepang baru-baru ini kita terpaksa menggabungkan balai-balai bomba yang mempunyai kelengkapan yang lengkap daripada negeri-negeri yang lain kerana kita di negeri Selangor sendiri tidak mempunyai kelengkapan yang terkini atau canggih untuk kami sendiri menyelamatkan keadaan yang telah melibatkan kawasan yang begitu besar sekali.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya pembinaan balai bomba secara besar-besaran ini kalau boleh dikurangkan sebaliknya pembinaan balai bomba

dengan satu balai, satu kenderaan serta kelengkapan yang lain-lainnya adalah lebih baik dan berkesan kerana seperti mana yang saya sebutkan tadi, distance atau jarak juga perlu diambil kira tambah-tambah lagi ini juga dapat menyelamatkan banyak harta benda atau nyawa. Contohnya, Tuan Pengerusi, seperti di Sepang, walaupun kita mempunyai ahli-ahli sukarelawan bomba, kumpulan ini tidaklah senantiasa berkumpul dan tiada wakil yang tetap. Kalau kata bila seorang atau dua ke laut, dua menoreh dan dua, tiga yang lain pergi kerja dan berniaga, kita dapati apabila perkhidmatan mereka diperlukan, kita akan menghadapi banyak masalah dan sudah pasti kewujudan mereka ini tidak dapat mendatangkan kesan. Mereka ini bak kata pepatah serupa macam kita menyimpan Panadol di rumah. Kegunaan mereka, kumpulan sukarelawan ini sekadar berupa untuk memadamkan kebakaran buat sementara ataupun semasa kebakaran itu bermula kerana kita sedia maklum mereka ini kurang kepakaran serta peralatan yang cukup lengkap.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap seperti mana yang telah saya sarankan supaya sistem pembinaan balai-balai bomba, dikaji semula dan pembiayaan untuk membeli peralatan yang terkini serta kenderaan-kenderaan yang up-to-date, dengan izin, dapat dipertingkatkan terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu serta cabaran-cabaran yang penuh dengan ketidakpastian.

Jadi Tuan Pengerusi, saya juga berharap daripada pihak kementerian supaya pembinaan KLIA ini juga dapat dipercepatkan kerana ini juga dapat digunakan oleh rakyat jelata di daerah Sepang. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong.

12.16 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, muka surat 94, Butiran 030000 - Perumahan, terutama penyelarasan dan pelaksanaan, muka surat 96, Butiran 050000 - perkhidmatan pembedung dan muka surat 98, Butiran 015000 - Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, masalah perumahan bukan sahaja kos rendah bahkan juga jenis-jenis yang lain memang timbul dari semasa ke semasa dan tahun ini pihak kementerian

meminta kira-kira RM10 juta untuk mengendalikan semua ini terutamanya rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, saya dapat aduan daripada beberapa kawasan mengenai projek-projek perumahan misalnya, Tuan Pengerusi, di Segamat Utara, di satu taman, Taman Ros, Segamat, Johor, yang pemajunya Goodpark Development Sendirian Berhad. Tuan Pengerusi, sijil kelayakan menduduki premis, CF, telah pun dikeluarkan dalam keadaan yang tidak sempurna. Memang ada beberapa faktor yang menyebabkan pihak majlis tempatan mengeluarkan CF. Keadaan yang tidak sempurna ini termasuklah jalan-jalan di dalam pelan susun atur yang diluluskan oleh Majlis Daerah Segamat Utara tidak disiapkan oleh pemaju, sistem pembetungan seperti septic tank, filter bed dan sumpit adalah tidak sempurna, dan kumbahan mengalir ke perparitan awam, ketiadaan hardcore dan the rises of staircase patutnya tidak lebih daripada 7.1 inci di sini tetapi ada 8 inci dan treads hanya 9 inci, sepatutnya kurang daripada 10 inci dan tiada Damp Proof Courses (DPC) dan all party wall must not be carried 230 millimetre above the roof to serve as fibre breaker, tetapi ini tidak dibuat.

Seterusnya ada banyak perkara lagi termasuk bumbung-bumbung tidak begitu sempurna juga Tuan Pengerusi dengan Taman Wangsa Permai di Kepong. Pemajunya Palm Grove Housing Sendirian Berhad. Sebanyak 813 unit rumah tidak mempunyai hak milik tanah individu selama 3 hingga 5 tahun dan ini disebabkan pihak pemaju tidak membina jalan masuk utama ke taman itu, cuma para penduduk menggunakan jalan melalui tanah milik Kereta Api Tanah Melayu (KTM). Sistem loji kumbahan najis tidak sempurna, banjir kilat dan sebagainya. Ada satu taman lagi, Taman Daya, ada 3 blok rumah kondominium, beratus-ratus penghuni di dalamnya, 16 tahun tidak mendapat geran bertingkat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, ini menunjukkan pihak kementerian mesti mengambil perhatian yang lebih terutamanya dalam usaha untuk menyelaras dan melaksanakan, memantau lebih berkesan, mungkin Bahagian Penyelarasan dan Pelaksanaan mesti dikemaskinikan untuk menangani masalah yang timbul. Saya percaya bukan sahaja di kawasan Kepong

bahkan daripada ahli-ahli Parlimen tadi kita dapati dibanyak tempat, Tanjong Karang, Ipoh, Tambun dan banyak tempat lagi yang timbulnya masalah seumpama ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak bangkitkan masalah Indah Water Konsortium. Pada beberapa tahun semasa kita mengadakan perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini pihak kami sudah berkali-kali membuat bantahan bahawa sistem penswastaan untuk pembedungan melalui syarikat Indah Water Konsortium akan menimbulkan masalah tetapi semasa itu pihak kerajaan tidak mengambil perhatian mengenai masalah-masalah yang timbul sehingga selepas IWK dilaksanakan diberi konsesi untuk projek pembedungan seluruh negara maka timbul masalah. Masalahnya termasuk beratus-ratus ribu penduduk tidak membayar caj dan sehingga pihak kerajaan terpaksa memberi pertolongan termasuk pinjaman dengan faedah yang rendah, soft loan dan sebagainya. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan mengenai keadaan Indah Water Konsortium sekarang setelah disusun semula entah berapa kali. Apakah keadaan sebenarnya dan bilangan yang masih tidak membayar caj-caj yang dikenakan dan apakah rancangan untuk mengatasi masalah yang masih timbul ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali mengenai satu masalah yang timbul di beberapa kawasan termasuk di Jinjang Utara, Kepong, pada tempoh hari ada satu syarikat yang mengeluarkan borang untuk menjual rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan RM35,000 satu unit. Borang ini dikeluarkan oleh Crystal Land (M) Sdn. Bhd., kononnya projek perumahan Crystal Land di tanah kerajaan di bahagian Lot 11646, 11647 dan 20786 Mukim Batu Jinjang Utara. Para penduduk ditawarkan rumah-rumah kos rendah ini dengan pengambilan wang pendahuluan 10% daripada harganya iaitu RM3,500 setiap orang.

Saya berharap kementerian dapat menyiasat dengan cepat sama ada pihak Dewan Bandaraya membenarkan Crystal Land Sdn. Bhd. menjual rumah kos rendah. Saya pergi lihat tidak ada apa-apa notis, tidak ada tapak yang kita boleh lihat, biasanya ada papan iklan yang menawarkan rumah-rumah kos rendah, rumah

kos sederhana dan sebagainya, tetapi sekarang kita tidak nampak langsung tetapi ada borang yang dikeluarkan oleh kononnya sesuatu syarikat untuk dijual kepada para penduduk. Di sini saya hendak menekankan bahawa sejak beberapa tahun lamanya pihak kementerian sudah mengambil alih semua pengagihan rumah kos rendah tetapi hal seumpama ini masih boleh berlaku, ini

bermakna kita mesti mempertingkatkan kawal selia yang diperlukan untuk memastikan para penduduk tidak ditipu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

12.25 tgh.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat iaitu mengenai dengan lesen pemaju perumahan. Setelah kita menghadapi krisis perbankan akibat daripada NPL yang tinggi berpunca daripada sektor perumahan dan projek-projek yang terbengkalai, saya pasti kita mahu sektor perumahan yang sihat. Untuk merealisasikan hasrat mempunyai industri perumahan yang sihat, kunci kepadanya adalah pemaju perumahan.

Di dalam laporan prestasi kita dapati sebanyak 80 lesen baru akan diluluskan pada tahun 1999, saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar syarat-syarat kelulusan bagi lesen pemaju ini dapat diperketatkan. Di bawah sistem sekarang antara syarat utama bagi pemaju perumahan memohon kelulusan lesen adalah syarikat mesti memiliki modal berbayar sebanyak RM250,000 serta geran individu ataupun subdivision title telah pun mendapat kelulusan. Saya mencadangkan agar modal berbayar ini ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 10% daripada kos projek dan minimum RM250,000.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi gambaran jika kita menggunakan jumlah modal berbayar sebanyak RM250,000 bagi kos projek sebanyak RM100 juta, bermakna bank akan menanggung hutang yang besar kerana sekurang-kurangnya pemaju memerlukan sebanyak 30% untuk bridging loan ataupun RM30 juta. Dengan modal berbayar sebanyak RM250,000, ini akan menjadi gearing yang begitu tinggi dan inilah antara punca mengapa kita dapati NPL begitu tinggi di dalam bank sekarang akibat daripada kelemahan-kelemahan dalam sektor perumahan.

Di samping itu juga saya berpendapat dalam memproses kelulusan-kelulusan lesen pemaju, kementerian harus melihat kepada beberapa faktor:-

Pertama, dari segi track record syarikat.

Kedua, dari segi pengalaman atau pengurusan.

Ketiga dari segi viabiliti projek.

Kita harus faham bahawa pemaju perumahan mempunyai tanggungjawab yang begitu besar untuk menyiapkan rumah. Pemaju perumahan akan melalui beberapa proses, pertama

mendapat kelulusan pertukaran tanah daripada pertanian kepada perumahan, kedua mendapat kelulusan P.U. Plan, subdivision, menyediakan pelan bangunan, menyediakan tapak projek, menyediakan pembinaan rumah, mengurus kewangan dan seterusnya mengurus penjualan rumah tentulah ia memerlukan pemaju yang berwibawa. Saya percaya jikalau tindakan atau langkah ini diambil kita akan dapat melihat pada tahun 1999 dan seterusnya kekurangan masalah NPL dan juga rumah-rumah yang terbengkalai.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan projek terbengkalai saya ingin mendapat maklumat sedikit sahaja berkenaan dengan projek perumahan terbengkalai yang melibatkan pemaju bankrap. Apa yang diminta oleh kementerian adalah supaya pembeli mengambil tindakan mahkamah, tetapi pemaju telah bankrap kita tahu tentu tidak ada kemampuan untuk pembeli mendapat bayaran daripada pemaju tersebut. Saya berpendapat dalam soal ini sama ada melalui peraturan kementerian ataupun melalui perjanjian jual beli mesti ada satu clause untuk projek ini diambil alih oleh pihak lain atau pihak kerajaan, (voluntary transfer), kalau tidak pembeli akan rugi dalam kes begitu.

Perkara kedua, tentang soal perumahan kos rendah. Saya dapati dalam ucapan di Parlimen dan juga dari banyak pihak, sebahagian besarnya menyalahkan kepada pemaju. Pemaju hendak buat keuntungan dan sebagainya. Saya percaya dalam kita hendak mengatasi masalah perumahan kos rendah, kita perlu realistik. Saya berharap kementerian dapat melihat daripada struktur kos pembinaan rumah kos rendah.

Saya membuat satu "proforma statement" mengenai dengan pembinaan rumah kos rendah sebanyak 700 unit di atas tanah 50 ekar dengan harga jualan sebanyak RM30,000 se unit rumah. Hasil pendapatan daripada 700 unit rumah adalah sebanyak RM21 juta. Kos tanah termasuk premium, conversion, sub-division title dan sebagainya sebanyak RM4 juta. Kos pembinaan RM14 juta, kos konsultan RM1 juta, kos kewangan RM650,000. Kita membuat andaian bridging loan sebanyak RM5.2 juta dengan pembayaran faedah 12% setahun. Maknanya jumlah kos keseluruhannya adalah sebanyak RM16.6 juta dengan itu memberi keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.3 juta kepada pemaju dan ini ditokok dengan cukai sebanyak 40%. Akhirnya keuntungan bersih hanya RM810,000 iaitu return on investment (pulangan kepada pelaburan) sebanyak 4%. Ini

bermakna bahawa pemaju menghadapi risiko yang tinggi besar untuk membina perumahan kos rendah.

Saya dapati bahawa halangan-halangan kepada kemajuan perumahan kos rendah ini, antaranya:-

Pertama, sepertimana yang saya nyatakan tadi kos tanah yang tinggi, kos material, kos konsultan, kos kewangan dan kos pembayaran cukai. Saya ingin mengesyorkan agar kerajaan memberi insentif kepada pemaju untuk menyiapkan perumahan kos rendah.

Pertama, dari segi kos tanah. Saya dapati Tuan Pengerusi, kerajaan-kerajaan Negeri ada memberi kepada pemaju perumahan bayaran premium secara nominal. Saya percaya dari segi perumahan kos rendah, priority mesti diberi supaya kos tanah tadi yang merupakan 20% daripada kos projek dapat dikurangkan kepada 15% sekurang-kurangnya.

Kedua, kos material yang merupakan 71% dari kos binaan. Saya berpendapat kita perlu gunakan sistem dasar fiskal dengan pembekal perumahan diberi pengecualian cukai supaya dapat mengurangkan kos binaan kepada 60%. Dan di samping itu, kita harus menggalakkan kepada pertumbuhan industri binaan di negara kita supaya dapat mengeluarkan bahan binaan yang lebih murah serta berkualiti tinggi. Kalau kita lihat dari segi saiz industri, ia akan meningkat kepada lebih RM1 bilion keperluan bahan binaan di negara kita.

Ketiga, kos konsultan kalau tidak silap saya konsultan mengenakan sebanyak 10% daripada total project cost. Saya berpendapat, untuk projek kos rendah kos konsultan patut diturunkan kerana dari segi konsultan pun kerja-kerja ini tidak banyak. Dia hanya membuat pelan, mengurus projek dan sebagainya.

Dan keempat, kos kewangan. Saya berpendapat bagi projek perumahan kos rendah, kadar faedah mesti diberikan di bawah kadar komersial. Kalau kadar komersial sekarang, BLR + 2 atau + 3 sepatutnya bagi projek perumahan kos rendah kita berikan kepada kadar BLR + 1% dan kemudian memberi insentif cukai sama ada kita meminimumkan cukai kepada pemaju ataupun kita mengecualikan cukai kepada pemaju.

Berkenaan rumah kos rendah ini, ada satu lagi perkara yang saya ingin sentuh Tuan Pengerusi, saya dapati apabila kita mengadakan perumahan, yakni kos rendah, semua golongan orang kumpulan D ditempatkan di dalam satu kawasan perumahan. Kita concentrate kumpulan D, kumpulan C dan sebagainya. Saya berpendapat, dari segi perancangan masa hadapan, elok dicampurkan sedikit kos rendah, kos pertengahan dan kos tinggi.

Dan akhir sekali...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Ya, akhir sekali Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, matlamat kita supaya setiap keluarga mempunyai satu rumah. Bahagian Penyelidikan mempunyai laporan dari segi keperluan rumah keseluruhannya dari segi lokasi, bilangan unit diperlukan dan harga. Saya dapati Tuan Pengerusi, cara pembangunan rumah ini agak berkecamuk, dalam erti kata penawaran dan permintaan itu tidak seimbang. Pemaju lebih cenderung untuk mengadakan rumah-rumah yang berharga tinggi untuk mendapat keuntungan yang tinggi. Itu memang menjadi matlamat kepada pemaju. Saya dapati dengan maklumat tersebut, tentu kementerian mempunyai master plan perumahan bagi seluruh negara. Jadi saya berpendapat, kementerian boleh menggunakan kuasa yang ada melalui kelulusan lesen pemaju, kelulusan iklan dan hubungan dengan kerajaan negeri mengenai kelulusan zon serta hubungan dengan majlis bandaraya, supaya kita kawal pembangunan ini mesti berasaskan kepada harga, jikalau tidak, masyarakat yang berpendapatan pertengahan dan bawah tidak akan dapat memiliki rumah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita kesuntukan masa, saya hanya dapat memberi seorang lagi. Mengikut jadual kita ada dua kementerian pada hari ini. Saya minta maaf.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: *[Bangun]*

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Mersing. Dia belum berucap lagi Yang Berhormat, bagi dia peluang.

12.38 tgh.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin menyentuh Maksud B.13 Butiran 020000 iaitu Perancangan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan projek penswastaan membangun semula bandar Mersing. Saya difahamkan sebuah syarikat telah mengemukakan satu cadangan kepada pihak kerajaan untuk membangunkan semula bandar Mersing ini. Saya juga difahamkan cadangan ini telah pun diluluskan secara dasarnya, tetapi hingga sekarang ini saya tak tahu apa dah jadi dengan projek ini kerana saya kira projek ini penting. Kalau syarikat berkenaan tidak boleh jalankan projek ini, mereka hendaklah rujuk balik kepada pihak kerajaan dan beri kesempatan kepada orang lain untuk memajukannya. Sebab pihak majlis daerah ada menyuarakan pandangan, kalaulah mereka tak jalankan projek ini, maka segala perancangan yang telah diatur oleh pihak majlis daerah sukar hendak dilaksanakan, takut overlapping. Jadi, saya harap pihak kerajaan akan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 030300 Skim Pinjaman Perumahan.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat sebelum ini iaitu semalam, berkenaan dengan peguam. Kadang-kadang kita lihat peguam yang bertindak bagi pihak pembeli dan juga pemaju adalah terdiri dari orang yang sama. Ini saya rasa tidak sihat kerana sekiranya wujud masalah kemudian hari, biasanya peguam ini akan lebih memihak kepada pemaju. Dan saya harap perkara ini tidak seharusnya dibenarkan oleh mana-mana pihak pun.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yan bangun, minta jalan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Silakan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat Mersing, saya datang awal dah. Cuma saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tak bersetuju dengan saya, masalah perumahan ini sudah berapa tahun tak habis-habis, tak selesai-selesai, pinjaman dan sebagainya, masalah pemaju dan sebagainya. Apakah kerajaan tidak ada satu perancangan yang tersusun. Contohnya financing. Kita adakan, macam saya cadang dulu, kalau tidak boleh buat Bank Perumahan Negara pun, buatlah apa pun asalkan orang nak beli rumah ni dia boleh pergi ke bank itu atau ke tabung itu. Sekarang ini mereka terpaksa ada yang pergi ke Bank Bumiputra, ke bank itu, bank ini, jadi banyak kerenah dan masalah. Jadi yang kadang-kadang yang memohon ini bukan orang-orang yang senang, sebab itu kita kata kos sederhana dan rendah. Jadi menjadi masalah kepada mereka. Kadang-kadang sudah bayar deposit terkena pula, gaji potong dan sebagainya. Jadi kalau boleh, biar tabung ini undertake atau badan bank ini undertake loan dan sebagainya kepada perumahan-perumahan. Kerana kita kena sedar, Yang Berhormat, masalah perumahan ini tak akan selesai. Tengok ini budak-budak kecil di atas ini *[ditunjukkan kepada sekumpulan murid-murid sekolah di galeri awam]* depa nak duduk rumah mana. Ini pak lebai-pak lebai yang kecil ini. Kita kena kaji, kena ada satu perancangan supaya dapat kita menyelesaikan masalah ini.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat setuju dengan saya, kerajaan tempatan ini bagilah kita ini Ahli-ahli Yang Berhormat parking percuma, ini parking pun tidak bagi, kita park kereta hendak buat kerja. Mintalah Timbalan Menteri, nanti tulislah tu, dia buat baca sahaja *[Ketawa]*. Ha tulis, yang mana ada lambang itu bagilah percuma, janganlah kena, ini di bandar raya pun kadang-kadang dia charge kita. Jadi kita hendak buat kerja bukan hendak makan angin, bukan hendak pergi shopping. Jadi Yang Berhormat setuju tidak pandangan saya, terima kasih.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Saya memang bersetuju sangatlah dengan pandangan Yang Berhormat dari Yan tetapi nampaknya yang Yan ini, oleh kerana Tuan Pengerusi beri seorang, dia cuba hendak mencelah daripada saya pula. Tidak apalah, kawan-kawan kita bagi juga.

Seorang Ahli: Kena daftar.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Nak daftar [*Ketawa*] Jadi itulah saya berharap pihak kerajaan akan pastikan supaya pada masa-masa akan datang tidak dibenarkan langsung peguam yang sama bertindak bagi kedua-dua pihak iaitu pihak pembeli dan juga pihak pemaju dan satu lagi Yang Berhormat, Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan Butiran 040000 - Kerajaan Tempatan. Kerajaan Tempatan ini biasanya pengurusannya banyak bergantung hasil bantuan daripada kerajaan negeri ataupun daripada kutipan cukai dan saya lihat majlis daerah macam di tempat saya, collection cukai agak lembab, banyak cukai yang tidak dipungut, jadi cukai lesen, cukai pintu dan sebagainya. Jadi pihak majlis tempatan hendaklah lebih giat memungut cukai dan memastikan supaya segala perancangan yang ditetapkan oleh pihak majlis daerah dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut perancangan.

Selain daripada itu, saya ingin beralih kepada maksud B.16 iaitu 040000 - Operasi Kebombaan. Pada masa-masa yang lepas, saya pernah bangkitkan masalah balai bomba mini yang saya minta kalau boleh ditempatkan di Felda Tenggaroh. Felda Tenggaroh ini mempunyai sembilan rancangan yang terdiri daripada lebih kurang 6,000 hingga 7,000 penduduk dan jarak perjalanan di antara Felda Tenggaroh dengan Mersing mengambil masa 1 jam. Biasanya kalau berlaku kebakaran, memang tidak sempatlah. Memang musnah terus rumah ini. Saya tidak tahulah dekat Yan macam mana.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, adakah Yang Berhormat bersetuju, macam saya sungguhpun kita adakan pasukan bomba daripada kerajaan, terima kasih, tetapi kita tubuh juga pasukan bomba sukarela dan saya dulu duduk di atas bumbung itu bila terbakar, atas bumbung kereta bomba itu untuk kita pi padam api. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat di kawasan Yang Berhormat dan minta kerajaan tempatan bagi support, subsidi untuk kita beli kenderaan dan sebagainya. Yang Berhormat bersetuju, tidak? Supaya kita dapat selamat kebakaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ada dua minit sahaja.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Sebenarnya Yang Berhormat Yan ini dia macam tahu sahaja apa yang saya hendak cakap. Saya hendak sampaikan itu juga. Memang saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat, kalau pihak kerajaan tidak dapat tempatkan sebuah balai bomba mini, kita memang sudah ada, sudah wujudkan Pasukan Sukarelawan Bomba ini tetapi

masalahnya ialah dari segi peralatan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Jadi saya berharap pihak kerajaan akan menyediakan peralatan yang perlu sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat Yan supaya sekurang-kurangnya kalau tidak ada balai bomba, kalau bomba belum sampai pun, sukarelawan ini dapat mengendalikan kebakaran dengan baik.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada P.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Butiran 00400 - Perparitan Bandar Pihakberkuasa Tempatan. Sekarang ini kita berdepan dengan masalah La-Nina, tiap-tiap hari hujan khususnya di Kuala Lumpur ini. Dua, tiga hari lepas saya tengok di Keramat jarang-jarang banjir, tetapi banjir besar dan banjir ini bukan seluruh kawasan Keramat, hanya pada satu tempat sahaja berdepan dengan kilang dan saya rasa banjir ini kemungkinan besar disebabkan oleh parit tersumbat. Jadi itulah saya berharap pihak bandar raya bukan sahaja di Kuala Lumpur, di seluruh negara akan melihat perkara ini, kerana kalau berlaku banjir bukan sahaja menyusahkan pemandu kereta tetapi parit juga akan rosak. Kalau parit rosak dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi tentulah sukar bagi kita memperbaiki, sebab perlukan wang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Dan satu lagi, akhirnya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 02101- Pembangunan Taman Awam. Kita berterima kasih kepada pihak Majlis Daerah Mersing yang telah membina satu esplanade di Mersing Kanan tetapi masalahnya bila saya tengok dari segi maintenance memang kurang. Pihak Majlis tidak begitu mengambil berat sangat tentang maintenance. Satu projek yang makan belanja yang besar, yang cantik tetapi tidak diselenggara dengan baik. Jadi saya berharap pihak Majlis cuba ‘maintain’kan projek ini kalau tidak boleh, tidak sanggup, berikan kepada orang lain. Mungkin daripada Yan pun boleh datang ke tempat kita untuk ambil projek ini. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih dan Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

12.47 tgh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Pengerusi terima kasih. Saya pun masih mencari kertas-kertas yang patut saya jawab. Banyak sangat kertas atas meja ini, minta maaf.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah membangkitkan mengenai apakah kuasa-kuasa pihak berkuasa tempatan menswastakan kutipan tunggakan cukai-cukai pintu. Mengikut Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 156 “Walau apa pun yang terkandung di dalam ini, sesuatu tunggakan boleh dituntut dan dihadapkan sebagai suatu hutang dalam sesuatu mahkamah yang berbilang kuasa layak oleh pihak berkuasa tempatan atas nama rasminya daripada mana-mana orang yang bertanggung membayar tunggakan itu”. Seksyen 152, “semua kos bagi apa-apa tindakan di bawah bahagian ini untuk menuntut tunggakan boleh dituntut seolah-olah kos ini menjadi sebahagian daripada tunggakan dan ada lagi satu Seksyen 133, menyatakan. Kadar-kadar yang tersebut dalam Seksyen 127, saya baca ini oleh kerana perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sudah beberapa lama yang lalu, beberapa bulan yang lalu. Seksyen 127 dan Seksyen 128 “..... hendaklah berterusan selama sesuatu tempoh tidak lebih daripada 12 bulan dan hendaklah kena dibayar setiap setengah tahun terlebih dahulu oleh pemunya pegangan itu di pejabat pihak berkuasa tempatan atau di lain-lain tempat yang ditetapkan dalam bulan Januari dan bulan Julai dan hendaklah ditaksirkan dan dilevi mengikut cara yang diperuntukkan di dalam ini, kemudian daripada ini”. Jadi pungutan yang dibuat melalui peguam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Nanti saya jawab, “line of thought” nanti hilang. Ini undang-undang ini. Pungutan yang dibuat oleh pihak berkuasa Johor Bahru Tengah ialah untuk mengutip tunggakan dan (mereka sememangnya,) jumlah tunggakan yang tinggi lebih daripada RM6 juta. Dari cara-cara yang biasa penghuni-penghuni dan tuan-tuan punya harta memang begitu lembap untuk membayar maka digunakan khidmat peguam. Mengikut Akta ini memang dibolehkan kerana tuntutan ialah arrears dan arrears (banyak arrears) yang batat yang telah lama tertunggak.

Ada juga Yang Berhormat bertanya kepada saya mengenai current bill bagi tahun yang sama, contohnya bagi bayaran tahun 1998, adakah wajar bagi penggal pertama tahun 1998 iaitu antara Januari hingga Jun, adakah boleh dikenakan bayaran peguam kalau ianya dibayar selepas bulan Jun. Mengikut Seksyen 133, kalau bayaran dibuat selepas bulan Jun maka dianggapkan

arrears. Kalau ianya arrears atau tunggakan maka bolehlah dituntut mengikut peraturan yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yan bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Dengan jawapan ini bermakna apa yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah adalah dibolehkan dalam undang-undang.

Beberapa Ahli: [*Bangun*].

Dato' Azmi bin Khalid: Yan dulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat. Tidak apa Yang Berhormat, saya minta penjelasan yang hak seksyen itu seksyenlah. Tetapi yang mustahaknya boleh tidak Kementerian Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita buat sekarang ini macam in-come tax buat, dia buat monthly – kita boleh bayar secara bulanan, rather than kita enam bulan sekali dan sebagainya. Kadang-kadang maklumlah orang ini dia hendak himpun enam bulan sekali dan apabila tengok bil dia terkejut. Jadi hak yang seksyen itu sahaja mahu peringatkan mahkamah, ini hak yang tidak seksyen, hak yang kita hendak tolong orang ini – budi bicara. Adakah pihak kementerian boleh buat seperti yang dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri (installment).

Tuan Chang See Ten: Soalan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Gelang Patah bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya jawab yang ini dahulu ya, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Tentang kes tadi cukai pintu.

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak apa, saya jawab ini, sekejap dahulu ya.

Tuan Chang See Ten: Okay, okay.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan. Ada yang memecahkan mengikut suku tahun, first quarter, second quarter, third quarter, fourth quarter, dengan izin. Tetapi kalau hendak diminta mereka memecahkan kepada tiap bulan, saya rasa ini boleh dipertimbangkan.

Tuan Chang See Ten: Okay, Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat cakap bahawa pihak Majlis Daerah JBT memang secara dari segi undang-undang boleh memberikan tugas kepada peguam swasta untuk kutipan cukai pintu.

Saya ingin mendapatkan penjelasan bahawa pihak Majlis Daerah JBT sudah mengenakan caj notis kepada pembayar cukai dan tambahan apabila mereka berikan kerja itu kepada pihak peguam. Pihak peguam kenakan caj notis sekali lagi iaitu RM31.50. Misalnya, kalau pembayar cukai itu untuk flat di Taman Tun Aminah cuma tunggakan setengah tahun daripada bulan Januari kepada bulan Jun, cuma RM25 sahaja dan dia dikenakan denda notis RM3 oleh Majlis Daerah Johor Bahru Tengah. Semua sekali RM28 tunggakan dan dia dikenakan surat daripada peguam yang diberikan tugas oleh pihak Majlis Daerah JBT dan pihak peguam memberikan surat kepada pihak pembayar cukai perlu menjelaskan bayaran cukai pintu RM25 dengan denda notis yang dikenakan oleh Majlis Daerah JBT RM3 dan legal charge (notis) RM31.50.

Nampaknya caj peguam lebih tinggi daripada cukai pintu dan ini adalah untuk current year iaitu daripada untuk bulan Januari hingga bulan Jun. Nampaknya ini bukan satu legal proceeding yang mana dalam Seksyen 156, cuma legal proceeding yang ditetapkan oleh mahkamah bahawa jika pembayar cukai itu gagal memenangi kes mahkamah itu, keputusan mahkamah bahawa pembayar cukai kena bayar cukai pintu termasuk dengan caj guaman baru mereka perlu bayar. Tetapi ini belum sampai ke tahap legal proceeding. Bagaimanakah dalam jawapan Yang Berhormat tadi bahawa pihak Majlis Daerah JBT dengan cara sah membuat kerja demikian kerana

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:saya dapati bahawa jawapan Yang Berhormat bercanggah dengan Yang Berhormat Menteri pada 27 Julai bahawa apabila saya timbulkan kes ini, Yang Berhormat Menteri iaitu Datuk Peter Chin Fah Kui memberitahu

saya bahawa cara ini adalah tidak betul dan tidak adil. Jadi kedua-dua menteri dan timbalan menteri telah memberikan jawapan yang bercanggah. Saya minta penjelasan.

Dato' Azmi bin Khalid: Ada dua soalan

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingatkan sesiapa yang minta penjelasan tolong pendekkan sedikit kerana hendak jimatkan masa. Sila.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan Yang Berhormat ada dua, satu adakah dibolehkan undang-undang. Jawapannya boleh tetapi Yang Berhormat tanya sama ada adil atau tidak. Ini adalah persoalan yang perlu rujuk balik daripada pihak berkuasa tempatan. Saya sendiri merasai kalaulah tunggakan itu RM25 dan bayaran peguam RM31, pada diri saya, saya rasa kita patut meminta mereka tidak mengenakan dengan begitu besar. Dari segi undang-undang dibolehkan, tetapi dari segi keadilan ini adalah soalan yang kedua.

Yang Berhormat, saya rasa begitu juga dengan bayaran kompaun, sama ada boleh atau tidak diswastakan. Untuk kerja-kerja penguatkuasaan memang tidak boleh diswastakan, tetapi kalau seseorang itu tidak membayar dan pihak berkuasa tempatan memerlukan bantuan untuk mengutip bayaran yang tidak dibayar, maka itu juga dibolehkan, oleh kerana tiap-tiap pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk mencari jalan mengutip segala bayaran yang tidak dapat dikutip daripada tuan-tuan punya harta sama ada kereta atau rumah.

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Jangan panjang sangat Yang Berhormat. Ini panjang, ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Azmi bin Khalid: Okay.

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan. Saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apa yang saya katakan dalam perbahasan saya

bahawa pihak Majlis Daerah JBT memberikan kuasa mengkompaun, penguatkuasaan undang-undang kepada kakitangan pihak swasta. Adakah 'power of prosecution', dengan izin, boleh diberikan kepada pihak swasta dan segala bayaran itu dibahagikan separuh kepada pihak swasta? Adakah ini dibenarkan oleh pihak kerajaan? Sekian, Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini adalah satu soalan yang perlu dikaji dengan teliti sama ada tindakan kompaun itu tertakluk di dalam bidang kuasa penguatkuasaan. Kalau kompaun hanya untuk mengutip apa yang tidak dibayar oleh mereka yang meletak kereta (dengan cara yang salah) mungkin memakan masa dua minggu, mungkin sebulan maka, kalau Yang Berhormat menganggarkan ini adalah bidang penguatkuasaan, saya perlu merujuk kepada Bahagian Undang-undang.

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan. Saya ingin memberitahu bahawa syarikat swasta bukan terlibat dengan kutipan bayaran kompaun. Kakitangan mereka dibenarkan untuk mengeluarkan kompaun kepada mereka yang tidak letak tiket letak kereta. Adakah ini dibenarkan? Tentang "power of prosecution" boleh diswastakan kepada pihak swasta. Sekian, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, meletak kompaun itu hanyalah fizikal tetapi penguatkuasaan ialah membawa seseorang itu berhadapan kepada mahkamah atau berhadapan dengan satu perundangan. Maka itu penguatkuasaan.

Jadi saya minta izin, Yang Berhormat benarkan saya meneliti dengan lebih dalam perkara ini. Kalau tidak Yang Berhormat akan bangun bertanya sampai saya tidak boleh menjawab. [*Ketawa*] Saya ada keraguan sedikit dalam soalan ini, minta maaf, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa untuk pagi ini sudah cukup, sila sambung sebelah petang ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Oh, minta maaf.

Majlis mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: *Mempengerusikan Mesyuarat]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung penggulungan ucapan daripada Yang Berhormat Gelang Patah iaitu mengenai penswastan sisa pepejal yang dijalankan oleh Southern Waste Sdn. Bhd. Mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat perbelanjaan sebelum penswastan ialah RM600,000.00 setahun dan setelah diswastakan ialah RM970,000.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, penswastan sisa pepejal di peringkat sekarang ialah dibuat secara “interim” di semua negeri seluruh Semenanjung. Pada ketika ini, yang berjalan lancar ialah di kawasan tengah, dijalankan oleh sebuah syarikat konsortium yang lain, tetapi di sebelah selatan dijalankan oleh Southern Waste. Kos yang dikenakan ialah kos sebenar yang dibelanjakan oleh pihak penguasa tempatan yang dikira belanja sebenar pada tahun 1996 dicampurkan dengan belanja sebenar 1997 dan dibahagi dengan dua tahun (iaitu purata bagi dua tahun) jadi tidak timbul kos perbelanjaan lebih tinggi daripada

yang telah dibuat dengan sebenar. Ini Yang Berhormat ialah dibuat secara 'as is where is basis' bermaknanya apa yang telah dibuatkan dijalankan oleh pihak penguasa tempatan itu sahaja yang dijalankan oleh syarikat yang mendapat penswastaaan.

Memang pada permulaannya banyak rungutan kurang efisiensi tetapi setelah rundingan dibuat di antara dua pihak, maka kini rungutan dan aduan telah berkurangan dan didapati urusan kerja telah dibuat dengan lebih memuaskan.

Saya ingin mencungkil balik apa yang disebut.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Gelang Patah, bangun.

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bahawa rungutan daripada orang ramai tentang prestasi perkhidmatan oleh pihak swasta iaitu Southern Waste Management Sdn. Bhd. di kawasan daerah Johor Bahru itu adalah bertambah baik. Saya kira ini adalah satu gambaran yang tidak betul kerana kita wakil rakyat di kawasan daerah Johor Bahru sentiasa dapat aduan lebih banyak daripada masa dahulu yang kita terima semasa ia diuruskan oleh pihak penguasa tempatan.

Selain daripada kerja angkat sampah yang tidak memuaskan, apa yang sangat tidak puas hati orang ramai ialah kerja membersihkan parit, kerja sapu jalan, kerja membersihkan rumput tepi jalan tidak dijalankan dengan sempurna. Kita boleh dapati sekarang di beberapa tempat rumput tepi jalan sangat tinggi, tiada kerja pembersihan dijalankan. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Saya juga ingin dapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa sesi pagi tadi, tentang kerja penguatkuasaan letak kereta yang pihak swasta diberikan kerja untuk menguatkuasakan dan memungut kutipan tawaran kompaun adalah satu amalan yang tidak pernah dijalankan, saya ingin penjelasan sama ada penguatkuasaan boleh diswastakan kepada pihak pekerja swasta untuk menjalankan kerja penguatkuasaan. Saya harap dapat penjelasan. Sekian, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat, tadi saya sebut penguatkuasaan tidak boleh diswastakan. Ini jelas, bermaknanya pihak yang diswastakan itu tidak mempunyai kuasa untuk membawa risalah itu ataupun mereka yang tidak

membayar ke mahkamah dan mengambil tindakan-tindakan mengikut saluran undang-undang. Yang saya ragu tadi ialah sama ada kerja meletakkan kompaun itu ke kereta seseorang yang tidak membayar ataupun tidak ada kad untuk dia bayar. Adakah itu diandaikan sebagai penguatkuasaan? Tetapi saya juga dimaklumkan dalam masa rehat tadi bahawa mereka setelah mengeluarkan kompaun mereka juga mengutip wang. Kita ragu adakah ini juga merupakan penguatkuasaan atau hanya sebagai ajen mengutip wang. Jadi saya minta izin Yang Berhormat untuk meminta penjelasan dari pihak yang berwajib untuk memberi satu gambaran dan satu penentuan yang muktamad. Saya minta izin daripada Yang Berhormat oleh kerana ini penguatkuasaan satu bidang yang 'grey area' dari segi mengenakan atau mengeluarkan notis dan melaksanakan undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Senai bangun.

Datuk Lim Si Cheng: Terima kasih, tentang letak kereta, di sini saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini bagi kereta Ahli Parlimen saya nak tanya, sama ada kita perlu membayar letak kereta sebab setengah-setengah tempat apabila kita letak kereta, perlu bayar sungguhpun lambang Ahli Parlimen dipasang. Jadi bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kita boleh memberikan satu nasihat ataupun satu keputusan untuk semua penguasa tempatan supaya kereta yang dimiliki oleh Ahli Parlimen dengan pasangannya lambang Ahli Parlimen dikecualikan daripada membayar semasa mereka meletak kereta mereka di kawasan pihak penguasa tempatan. Jadi saya nak minta pandangan Yang Berhormat Dato'. Sekian, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat sebenarnya hendak meminta supaya semua Ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen khasnya dikecualikan daripada membayar bayaran letak kereta di semua penguasa tempatan di seluruh negara. Bukanlah saja kalau di Johor, kalau ada ketika ini ia mengikut negeri-negeri. Jadi saya rasa yang itu pihak kementerian akan mengemukakan cadangan kepada pihak-pihak penguasa tempatan supaya diambil pertimbangan atas cadangan ini.

Saya tidak dapat memberi keputusan oleh kerana ini memerlukan persetujuan daripada pihak berkuasa tempatan. Balik kepada penswastan pepejal tadi. Sepertimana yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah, soalan yang kedua tadi ialah beliau berkata masih tidak puas hati dengan kerja-kerja yang dibuat. Saya menjawab tadi berasaskan kepada laporan yang diterima, iaitu jumlah aduan amat berkurangan daripada peringkat awalnya. Tetapi kalaulah Yang Berhormat masih tidak berpuas hati, saya rasa eloklah Yang Berhormat meminta statistik pengaduan daripada pihak berkuasa tempatan supaya kita dapat menelitinya secara statistical, bukan secara rambang dan bukan secara subjektif.

Yang Berhormat dari Wangsa Maju, Parit Buntar dan Batang Lupar menyentuh mengenai tanah kerajaan yang diswastakan dan pihak swasta gagal membina rumah-rumah kos rendah.

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Bangun lagi.

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan. Tentang cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kalau boleh mengikuti statistik yang diterima tentang aduan ada tambah atau kurang. Kita susah hendak dapatkan statistik ini kerana pada masa sekarang bila orang ramai mengadu kepada pihak berkuasa tempatan tentang sampah, biasanya mereka tidak terima. Mereka beritahu supaya berhubung terus pada Southern Waste Management Sdn. Bhd. Adakah Southern Waste Management Sdn. Bhd. akan memberikan statistik yang menunjukkan bahawa prestasi perkhidmatannya tidak baik. Dia tentu tidak akan berikan satu maklumat yang menunjukkan bahawa prestasi perkhidmatan dia tidak baik. Kalau kita hendak dapat dari pihak berkuasa tempatan susah, kerana pegawai sudah tolak kerja itu kepada pihak swasta. Ini satu makluman kepada Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, sebenarnya walaupun kerja-kerja ini diswastakan, tetapi pengawalseliaan masih dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan. Rakyat masih boleh mengadu kepada pihak berkuasa tempatan, maka akan wujud check and balance. Yang membuat checking ialah pihak berkuasa tempatan dan yang menjalankan kerja ialah pihak-pihak swasta. Jadi, kalaulah Yang Berhormat mengatakan apabila rakyat mengadu kepada pihak berkuasa tempatan dan mereka pula diarah untuk mendapat kepastian kepada pihak yang menjalankan tugas, maka saya rasa ini satu perkara yang kurang baik. Maka saya di pihak kementerian akan membuat tinjauan secara rasmi.

Mengenai penswastan tanah-tanah kerajaan untuk pembinaan rumah-rumah, didapati dalam keadaan kegawatan ekonomi ini banyak daripada pemaju yang tidak dapat menjualkan kedai-kedai, bangunan-bangunan dan rumah-rumah kos sederhana dan tinggi. Oleh kerana itu, mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membina rumah-rumah kos rendah. Fenomena ini berlaku dalam keadaan kegawatan ekonomi. Begitu juga dalam tahun 1980-an pihak pemaju banyak mengalami masalah ini. Jadi, cadangan untuk supaya diambil balik tanah-tanah yang tidak dimajukan, kita boleh sarankan ini kepada kerajaan negeri. Cuma dalam keadaan kegawatan sekarang saya kira semua pihak prihatin tentang perlunya bekerjasama dan mendapat satu persetujuan yang baik supaya semua pihak dapat mencari jalan mengatasi masalah masing-masing.

Cadangan Yang Berhormat dari Batang Lupar supaya semua pemaju swasta membina rumah kos rendah dahulu adalah satu cadangan yang baik. Tetapi sama ada praktikal atau tidak dari segi pengurusan perniagaan bagi pihak yang memajukan projek. Projek-projek dimajukan mengikut aliran ataupun forecast aliran wang tunai. Apabila membina rumah kos rendah, perkara-perkara yang perlu dimajukan dahulu ialah infrastruktur termasuk jalan-jalan, bekalan air, bekalan api dan sebagainya di mana ini merupakan fixed cost yang tinggi, maka kalau hanya hendak membina rumah-rumah murah sahaja dahulu walhal perbelanjaan yang lebih tinggi untuk kos infrastrukturnya, maka kebanyakan pemaju yang memajukan projek-projek besar mungkin mengalami masalah.

Jadi, adalah lebih wajar kalau mereka mengimbangkan, sambil mereka mendapat hasil daripada penjualan rumah kos tinggi, maka mereka menjalankan juga projek-projek rumah kos rendah. Bukanlah bererti....

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana kementerian dan kerajaan negeri telah memberi bantuan supaya menaikkan harga rumah murah daripada RM25 ribu ke RM35 ribu dan RM42 ribu itu, maka itu telah membantu. Sepatutnya sekarang tidak ada masalah untuk pemaju. Hendaklah adakan keutamaan untuk membina rumah murah yang berharga RM35 ribu dan RM45 ribu itu, kerana ini

akan jadi satu masalah besar kepada masyarakat kita. Maka saya minta penjelasan, apa sebab-sebab supaya jangan beri pemaju untuk membina rumah murah terlebih dahulu.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menjawab apa yang saya telah tulis untuk menjawab. Sememangnya dengan cadangan untuk meningkatkan dan menaikkan harga rumah murah ini, maka jumlah kos subsidi yang perlu dikeluarkan oleh pemaju akan begitu berkurangan. Namun demikian, saya ingin memaklumkan bahawa walaupun harga jualan ialah RM40 ribu atau RM35 ribu, tetapi sebenarnya kos pembinaan rumah kos rendah tidak mungkin rendah daripada harga jualan. Oleh kerana keadaan tanah juga ada memberi kesan kepada kos pembinaan, ada rumah-rumah murah di Kuala Lumpur yang kos binaan meningkat lebih daripada RM50 ribu, oleh kerana keadaan tanah itu mendap dan sebagainya. Tetapi pada umumnya, dengan dasar baru ini, maka dijangkakan pihak-pihak pemaju perumahan tidak akan mengalami kekurangan ataupun tidak akan mengalami kerugian yang besar dari segi pembinaan rumah kos rendah. Dari segi pengambilan balik.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Teluk Intan bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Sekejap.....pengambilan balik tanah-tanah kita serahkan kepada kerajaan negeri.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Penjelasan. Rumah-rumah kos rendah yang tidak dibina, yang diarahkan, di mana kementerian telah mengarahkan pihak pemaju untuk membina, tetapi tidak dibina langsung dalam projek-projek di seluruh negara. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pemaju-pemaju tersebut? Adakah projek-projek perumahan di mana rumah kos rendah patut disediakan, tetapi tidak disediakan oleh pemaju, adakah kerajaan akan mengambil alih dan membina rumah tersebut?

Dato' Azmi bin Khalid: Soalan Yang Berhormat ini lebih theoretical. Kalau ada projek-projek yang sebenarnya, yang sepatut mereka membina dan mereka tidak membina, kalau ada laporan, kerajaan negeri dan kementerian sendiri akan mengambil tindakan melalui saluran-saluran yang tertentu. Kalau Yang Berhormat ada, sila bawa perkara ini kepada pengetahuan kementerian.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan. Saya boleh beri dua projek. Satu di kawasan saya sendiri dan satu lagi di Ipoh di mana tanah itu telah diberikan oleh kerajaan dan rumah-rumah telah disiapkan. Akan tetapi hanya rumah kos rendah yang tidak disiapkan. Ini telah berlarutan hingga 2 tahun. Setinggalan-setinggalan di sana telah dikeluarkan dengan perjanjian bahawa rumah kos rendah akan dibina, tetapi tidak dibina hingga sekarang. Takkan kerajaan tidak tahu mengenai hal ini. Sayang kalau dia tidak tahu.

Dato' Azmi bin Khalid: Ada juga 'cuit' itu. Kalau ada betul-betul sebenarnya tolong beri satu laporan bertulis. Kita akan buat siasatan dengan kerajaan negeri. Kemungkinan sudah ada perjanjian dengan kerajaan negeri supaya projek-projek berkenaan ditangguhkan atau sebab-sebab lain untuk mereka mengatasi masalah. Saya tidak dapat memberi jawapan khusus mengenai projek yang berkenaan, Yang Berhormat. Tetapi kalau ada, mintalah Yang Berhormat memberi satu laporan bertulis.

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, adakah setakat ini apa-apa kelulusan yang telah diberi oleh kerajaan mengecualikan pemaju-pemaju untuk membuat rumah kos rendah di mana mereka diwajibkan membuat, tetapi oleh kerana selepas membuat rumah-rumah lain, menulis kepada pihak-pihak berkenaan mengatakan mereka perlu mengecualikan untuk membina rumah kos rendah kerana faktor-faktor yang tertentu. Adakah atau tidak?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, ini adalah satu soalan yang hypothetical, saya tidak dapat memberi satu jawapan yang khusus, ini bergantung kepada dasar kerajaan negeri itu sendiri, kalau ada projek yang khusus, Yang Berhormat rujukkan kepada kita, baru saya dapat bertanya dengan kerajaan negeri. Kami tidak ada laporan mengenai projek-projek yang gagal dimajukan dari segi pembinaan rumah kos rendah. Kalau kita ada, seperti yang saya katakan tadi, Yang Berhormat beri laporan, kita akan buat siasatan, baru kita dapat satu penjelasan. Saya tidak dapat memberi jawapan kalau soalan ini dibuat secara begini, saya minta notis

supaya projek-projek yang khusus ini disiasat dan saya akan memberi jawapan bertulis selepas ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mengajukan soalan ini adalah kerana pihak yang ada kuasa memberi lesen atau menarik balik lesen pemaju adalah di tangan kementerian tersebut, mungkin kerajaan negeri dapat meluluskan atau menukar syarat-syarat, tetapi lesen itu dan syarat-syarat yang perlu mereka ikuti adalah atas arahan Kerajaan Persekutuan. Maka Kerajaan Persekutuan semestinya tahu sedemikian kalau ditukar syarat, takkan kerajaan tidak tahu.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, keluaran lesen ialah untuk membenarkan pemaju menjalankan projek dan kita hanya mengawal supaya pembeli-pembeli tidak dianiaya. Kita hendak pemaju itu setelah menerima wang daripada pembeli-pembeli, mereka tidak menganiayakan pembeli, ini kawalan yang dibuat oleh kementerian tetapi kawalan dari segi kelulusan tanah bahawa syaratnya 30% atau 40% untuk rumah murah adalah hak dan tanggungjawab kerajaan negeri, jadi kita tidak dapat memastikan sama ada Yang Berhormat sebutkan itu benar atau tidak melainkan kalaulah Yang Berhormat memberi satu laporan bertulis. Saya minta, di sini tidak dapat saya memberi jawapan secara khusus. Di peringkat kementerian kita memberi lesen tetapi matlamat kawalannya ialah terhad bukan untuk hendak mengawal berapa unit hendak buat itu dan ini – tidak! Kita hanya kalau dia menjual, dia mesti ada lesen untuk diiklankan, sebelum itu dia mempunyai lesen sebagai pemaju dan kita memastikan bahawa dia akan menjadi pemaju yang tidak akan menganiayakan pembeli.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, mungkin saya tidak berapa clear. Yang saya tahu dari segi undang-undang bila kelulusan diberi oleh kerajaan, bukan hanya setakat lesen sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri semestinya tahu.

Selain dari itu, kerajaan juga mengarahkan atau memberitahu harga rumah adalah jenis A, jenis B dan jenis C. Jadi, di sana ada syarat yang tertentu kalau mereka tidak mengikutinya jadi mereka telah melakukan satu kesalahan dari segi undang-undang. Jadi, semestinya Kerajaan Persekutuan tahu kerana harga rumah ditetapkan bukan sahaja oleh pemaju tetapi dengan persetujuan dan kawalan kementerian.

Jadi, bila rumah kos rendah telah dibenarkan, katakan rumah itu berharga RM25,000 yang perlu dibina adalah sebanyak 50 buah, macam di Ipoh tetapi tidak dibina, walaupun syarat tanah itu ditukar, itu cerita lain, itu saya tahu, itu adalah hak kerajaan negeri. Tetapi setakat Kerajaan Persekutuan, kementerian semestinya meluluskan satu lagi lesen atau berubah syarat lesen, itu di tangan Yang Berhormat Timbalan Menteri semestinya pada tahap sekarang, saya katakan Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu atau enggan memberitahu.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, pada setiap bulan dua minggu sekali kita mengadakan mesyuarat untuk menyelesaikan masalah-masalah pembeli, setiap bulan bukan sahaja untuk pembeli di Kuala Lumpur bahkan di mana sahaja dan kita hantar wakil-wakil kementerian untuk menyiasat dahulu dan kita panggil pembeli dan pemaju sekali untuk berunding dan mencari jalan mengatasi. Jadi, tidak ada soal sebab mengapa kementerian tidak tahu. Kalau ada laporan kita akan ambil tindakan dan kalau ada laporan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita akan membuat siasatan dan memanggil semua pihak untuk memberi penjelasan.

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya rasa saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana syarat-syarat untuk menentukan pembangunan ini memang hak kerajaan negeri, misal kata sebidang tanah untuk rumah teres berapa peratus, rumah banglo berapa peratus, rumah murah berapa peratus, semua syarat ini ditetapkan oleh kerajaan negeri. Malah kuota bumiputera juga ditetapkan oleh kerajaan negeri. Macam di negeri Selangor, Shah Alam sekarang ini kuota bumiputera 7%, ia tidak sama bagi setiap negeri, syarat-syarat ini ditetapkan oleh kerajaan negeri, apabila diluluskan oleh EXCO bagi setiap permohonan untuk membangunkan sesuatu kawasan.

Saya hanya hendak mendapat penjelasan dari Yang Berhormat, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan confused juga, ada ataupun tidak syarat ditetapkan bahawa dalam satu pembangunan mesti dibuat rumah murah dahulu sebagai contoh, sebab hari ini kita dapati kebanyakan developer akan membina rumah murah ini yang last sekali dibuat, sebab kita tidak tentukan syaratnya, pemaju mesti akan membina rumah yang boleh mendatangkan keuntungan seperti rumah kedai, banglo ataupun rumah-rumah yang berharga mahal dengan harapan bila dia dapat untung baru dia bina rumah murah. Saya lihat banyak developer yang membina perumahan seperti ini, hari ini kita menghadapi kegawatan ekonomi, jadi bila rumah-rumah mahal ataupun bangunan-bangunan yang diharapkan mendapat keuntungan, tidak boleh dijual maka ini yang menyebabkan rumah murah ini tidak boleh dibuat.

Jadi, saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian bercadang untuk membuat syarat mesti membina rumah

murah dahulu barulah diikuti pula dengan rumah-rumah yang boleh memberikan keuntungan kepada pihak pemaju untuk masa yang akan datang.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang. Setakat ini kita tidak ada syarat supaya dibina rumah-rumah kos rendah dahulu, kadang-kadang ada juga kerajaan negeri yang membuatnya sebelum mengeluarkan tanah untuk dimajukan. Tetapi atas cadangan Ahli Yang Berhormat tadi melihat kepada apa yang berlaku dalam kegawatan ekonomi sekarang, kita akan melihat semula sama ada ini boleh dijalankan. Tetapi kalau dipersyaratkan sememangnya keperluan kewangan oleh pemaju amatlah tinggi oleh kerana pembinaan rumah kos rendah tidak begitu tinggi harganya dan kemungkinan lebih rendah daripada kos binaannya, maka cash flow requirement, dengan izin, akan lebih tinggi maka ia memerlukan pembiayaan bank yang lebih tinggi.

Dalam keadaan sekarang kemungkinannya amat tipis oleh kerana walaupun projek-projek ini banyak yang diajukan kepada bank untuk pinjaman, tetapi dalam keadaan sekarang nampaknya bank masih lambat untuk mengeluarkan pinjaman.

Jadi, kita andaikan bahawa kalau kita tekankan perkara ini pada masa sekarang, akan lebih menyulitkan pemaju untuk memenuhi syarat-syarat ini, tetapi cadangan ini adalah satu cadangan yang baik. Terima kasih.

Atas cadangan supaya tanah-tanah kerajaan yang diswastakan diambil balik dan diserahkan kepada satu-satu pihak yang tertentu, ini juga dapat ditimbang oleh kerajaan negeri dan cara mana mereka akan memajukannya adalah bergantung kepada pihak berkuasa kerajaan negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru mengatakan PBT tidak cukup kakitangan dan tak cukup pengalaman, banyak jawatan kosong dan minta diisikan, semuanya ini adalah bertindih-tindih.

Ahli Yang Berhormat juga menyarankan bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat disalurkan kepada Majlis Perbandaran. Pada masa ini memang terdapat bantuan-bantuan kewangan yang disalurkan kepada PBT seperti geran tahunan, sumbangan bantu kadar dan peruntukan projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM381,968.00 telah diluluskan untuk projek-projek pembangunan dan sebanyak lebih dari RM400 juta diluluskan untuk geran tahunan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru juga mencadangkan supaya kakitangan profesional diberi bantuan dan diisikan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan.

Sememangnya untuk makluman Yang Berhormat pihak kementerian telah pun membuat keputusan untuk semua jawatan profesional diletakkan di bawah Pekhidmatan Persekutuan. Pada ketika ini kementerian ini bersama-sama dengan JPA telah memutuskan cara dan bagaimana hendak dilaksanakan dan satu road show, perkataan 'road show' minta maaf, tidak ada Bahasa Melayu, road show apa?

Seorang Ahli: Show jalan.

Dato' Azmi bin Khalid: Show jalan, no show jalanan, pameran jalanan, kempen jalanan, satu kempen akan dibuat bersama bagi pengetahuan semua pihak berkuasa tempatan. Bagi Kumpulan Sokongan I seperti penguatkuasaan dan sebagainya, pihak kementerian telah membuat keputusan bersama-sama dengan JPA supaya mereka ini diletakkan di bawah perkhidmatan kerajaan negeri bukan perkhidmatan sesebuah pihak berkuasa tempatan. Maka dengan cara ini diandaikan bahawa skop atau peluang naik pangkat bagi mereka ini lebih luas dan mereka tidak terkongkong di bawah satu badan ataupun apa dikatakan "closed service", perkhidmatan yang tertutup di mana mereka tidak dapat menimba pengalaman yang lebih luas dan dengan demikian peningkatan untuk kerjaya juga akan terlalu tersekat.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya dikaji semula tentang "financing of local government". Ini adalah satu cadangan yang baik. Memangnya pihak kementerian

sedang mengkaji bagaimana pada keseluruhannya untuk membiayai aktiviti kerajaan-kerajaan tempatan memandangkan pada tahun 2020 antara 60% hingga 70% rakyat Malaysia akan menjadi rakyat bandar. Mengikut pengalaman negara-negara maju pada hari ini hampir 80% daripada warga mereka adalah warga bandar. Jadi kalau kita unjurkan kepada 20 tahun, 30 tahun hingga 40 tahun penduduk kita akan bertambah, maka pentingnya diberi penekanan kepada perkhidmatan bandar, maka dengan sewajarnya kaedah membiayai kerajaan-kerajaan tempatan harus dilihat semula.

Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai kos hidup tinggi di Johor Bahru. Ini di luar bidang kuasa kerajaan tempatan kerana kita tidak ada subsidi untuk menampung kakitangan kerajaan yang berada di kawasan Johor Bahru. Tetapi mereka di Johor Bahru patut merasa bertuah kerana berdekatan dengan sebuah bandar yang besar di sebelah selatan dan dengan demikian permintaan bermacam khidmat dan barangan telah begitu maju di Johor Bahru. Dan pada hari ini Johor Bahru sudah menjadi sebuah bandar yang begitu cepat maju, cepat berkembang. Cuma yang menjadi masalah ialah kos hidup bagi rakyat tempatan. Ini saya rasa perlu dibincangkan di peringkat yang lain, tetapi bukanlah di peringkat kementerian ini.

Cadangan supaya bayaran tol yang dikutip oleh pihak PLAS ataupun PLUS di Tambak Johor Bahru diagihkan kepada Majlis-majlis Bandaran Johor Bahru yang juga dikongsi bersama oleh lima kawasan Parlimen. Ini juga kalau serius haruslah diajukan perkara ini kepada Kementerian Kerja Raya oleh kerana yang berkuasa mengenai perkara ini ialah Kementerian Kerja Raya.

Yang Berhormat dari Johor Bahru dan Parit Buntar menyentuh mengenai rumah kos rendah yang jauh dari bandar dan tempat-tempat kerja. Ini adalah masalah di bandar-bandar besar Yang Berhormat. Dan sememangnya rumah-rumah kos rendah ini dibuat di satu projek yang diintegrasikan dengan projek-projek yang berharga tinggi dan sebagainya. Jadi sebenarnya pemajuan ini dilakukan sebagai sebuah bandar. Tapi ada juga projek-projek yang kecil yang tidak dapat dilakukan secara besar-besaran maka berlakulah pemencilan projek-projek kadang-kadang terkeluar dari bandar.

Soalan ini adalah satu perkara yang umum, sememangnya masalah yang dialami oleh mereka yang berpendapatan rendah ialah kos pengangkutan yang tinggi untuk berulang-alik dari rumah dengan tempat kerja. Oleh kerana itu kita harapkan di Kuala Lumpur ini dengan peningkatannya, kualiti pengangkutan dengan mass transit dan sebagainya ini akan membantu sedikit sebanyak kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mereka berulang-alik dengan lebih senang dan masa yang terbuang mungkin dapat dikurangkan, tetapi dari kos juga masih didapati tinggi. Diharapkan pada jangka panjang kos ini akan dapat diperturunkan.

Yang Berhormat dari Johor Bahru menyentuh mengenai mereka yang dilayakkan mendapat rumah kos rendah di Johor Bahru. Dikatakan mereka hanya yang berpendapatan RM650 ke bawah sahaja yang layak. Ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Tiap-tiap kerajaan negeri boleh menentukan paras mana yang sesuai mengikut keadaan bandar yang berkenaan.

Mengenai maintenance cost bagi membiayai penyeliaan kawasan rumah-rumah murah dan sebagainya. Memang ini juga menjadi masalah oleh kerana bayaran yang dikenakan adalah rendah dan kos pengendalian merupakan satu kos yang perlu dibuat tetapi tidak dapat dijalankan dengan cara yang paling murah. Cara yang paling murah ialah cara yang tidak menyenangkan mata dan sebagainya. Jadi ini adalah satu tanggungjawab bersama antara kerajaan negeri dengan penduduk-penduduk, kemungkinannya jawatankuasa-jawatankuasa penduduk di tiap-tiap rumah pangsa perlu diwujudkan untuk membantu supaya perbelanjaan tidak perlu dipertingkatkan bahkan penduduk sendiri membantu menjaga kebersihan, membantu menjaga segala peralatan yang ada supaya pengantiannya dan kos pengendaliannya tidak begitu tinggi.

Yang Berhormat dari Bagan dan Teluk Intan. Ini satu perkara yang seronok sedikit saya rasa Teluk Intan dan Bagan. Begitu juga dengan Seputeh. Menyentuh mengenai pilihan raya pihak berkuasa tempatan. Mana Bagan? Memang pada idealnya kita mewujudkan pilihan raya peringkat kerajaan tempatan. Tetapi buat masa kini dalam keadaan sedang membangun, didapati kaedah yang ada sekarang ini pun tidak ada masalah. Cuma yang ada masalah beberapa tempat tetapi pada keseluruhannya banyak bandar yang masih berjalan dengan efficient dan baik. Umpamanya bandar Kuantan, dijalankan dengan begitu baik dan mereka telah mendapat ISO 9,000 begitu juga beberapa bandar lain. Tetapi kalaulah hendak diandaikan, diambil kira satu bandar sahaja dan

dijadikan masalah ini sebagai masalah umum negara, maka gambaran itu tidak menyeluruh dan kemungkinan ia tidak dapat mencapai matlamat yang hendak kita tujukan.

Saya mengatakan ini oleh kerana di Malaysia ini kita sudah ada dua peringkat pilihan raya. Satu Parlimen, satu lagi state ataupun negeri (Dewan Undangan Negeri). Sudah ada dua, jika kita ada satu lagi peringkat kerajaan tempatan, akan wujud tiga. Sekarang ini yang saya ketahui ada tiga hanya di Australia. Federal, State dan Local Government tetapi Australia negaranya besar. Sebuah negeri itu mungkin lebih besar daripada Malaysia dan dari segi kewangan, dari segi autonomi, financial autonomy dan sebagainya, tiap-tiap negeri di Australia adalah lebih besar autonominya daripada apa yang ada di negara kita.

Pada ketika ini Malaysia (banyak negeri di seluruh Malaysia) mengalami defisit dalam kewangan masing-masing. Begitu juga dengan majlis-majlis tempatan. Banyak yang defisit. Kalau kita menguruskan majlis tempatan yang kewangannya tidak cukup, yang sentiasa memerlukan bantuan daripada Kerajaan Pusat, bagaimana kalau berlakunya berlainan kerajaan di ketiga barisan, ketiga peringkat maka akan sukar untuk rakyat mencapai kemajuan, fizikal dalam kawasan bandar masing-masing. Juga kita tidak mahu bandar-bandar kita didirikan, diwujudkan sebagai bandar Melayu, bandar-bandar orang bukan Melayu, bandar orang Cina dan sebagainya. Kita hendak satu “Malaysian bandar” dan kita mahu sebelum itu tiap-tiap bandar mempunyai bilangan penduduk yang mencerminkan jumlah dan peratusan penduduk negara.

Tuan Liew Ah Kim: Minta jalan.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, saya izinkan.

Tuan Liew Ah Kim: Hujah-hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri memang ikut lunas demokrasi, akan tetapi kita berpendapat bahawa caranya kita hendak mengamalkan kehendak-kehendak, lunas demokrasi atau ketelusan dan satu kerajaan, good governance. Memanglah kita ada election untuk Parlimen, ada election untuk negeri-negeri tetapi kita itu yang fundamental. Demokrasi fundamental kita sudah potonglah, separuh sahaja. Kalau hendak cakap demokrasi sekarang, separuh sahaja.

Maka ini harapan kita juga semua rakyat jelata kalau Malaysia dapat mengamalkan demokrasi yang sepenuhnya, full democracy, bukan guided, bukan separuh, semi democracy, maka adalah pandangan kita eloklah kerajaan kalau ada keyakinan, dengan

penuh atas election di local council atau district council ataupun majlis perbandaran memang kita hendak jalankan ikut Athi Nahappan Report, sudah lama tetapi sehingga sekarang tidak seorang pun bangkit langsung.

Dato' Azmi bin Khalid: Okey...terima kasih. Saya tak tahu sama ada Yang Berhormat ini cakap betul atau tidak, kalau tidak ada demokrasi bagaimana di Arau baru-baru ini kecundang Barisan Nasional, bagaimana di Teluk Intan pun kita jatuh, dapat seorang baru pula. Bagaimana dengan Kelantan satu negeri tu jatuh, Yang Berhormat duduk depan itu pun tahulah, sekarang dia mencadang untuk menawan sebuah negeri lagi. Jadi ini bermakna demokrasi kita berjalan, cuma berlainan daripada yang kita lihat di Britain dan sebagainya, sejarah demokrasi kita bukan lama, kita mencapai kemerdekaan baru 40 tahun. Bagaimana dengan sejarah demokrasi Britain bermulanya sejak dari beratus tahun, baru sekarang kita melihat satu gambaran demokrasi, tetapi hujah Yang Berhormat tadi seolah saya dengar yang dia orang cakap reform, reform apa, ketelusankah, good governance dan sebagainya?

Cuma saya hendak menyebutkan bahawa dengan kita melihat ini sebagai satu dikatakan unsur-unsur kecil demokrasi, kita juga jangan lupa gambaran besar the “total picture of our national development”. Tidak ada negara yang mempunyai berbilang bangsa yang begini banyak, begini peratusan yang tinggi daripada semua suku kaum, berapa belas suku kaum, kita dapat mewujudkan satu demokrasi, satu gabungan yang begini baik, walau dalam keadaan kegawatan ekonomi pun kita masih berada di tahap yang tidak begitu ganas seperti di negara jiran. Jadi kita tidak dapat menilai kita, kita kena ambil snap shot, snap shot tu gambar segera sekarang kita ambil untuk Britain, Australia, Amerika dan sebagai. Tetapi tahun 1960 di Amerika sendiri orang kulit hitam masih tidak dapat berada di sekolah yang sama dengan orang putih, tidak dapat berada dalam bas yang sama dengan orang berkulit putih. Mereka baru 30 tahun dahulu menukar undang-undang, tetapi hari ini pun orang kulit hitam, masih menjadi second class citizen walaupun mereka berkata demokrasi dan sebagainya. Jadi kita tidak boleh mengambil snap shot, kita kena mengambil sejarah sesuatu negara.

Kalau kita lihat daripada sudut sejarah perkembangan demokrasi kita ini telah berjalan dengan begitu baik maka kita hendaklah bersyukur bahawa apa yang berlaku kepada negara kita pada hari ini berbanding dengan negara-negara yang telah mencapai kemerdekaan selepas peperangan dunia yang kedua. Bagilah satu negara atau dua negara yang paling maju di dunia selepas peperangan dunia kedua yang mendapat kemerdekaan, “after the second world war”, dengan izin. Hanya dua negara yang maju, “those who gain independence after the second world war”, iaitu negara jiran sebelah selatan dan kita. “So we have to look in the context of history”, bukan sahaja dengan melihat ambil snap shot Australia hari ini, Amerika hari ini, dan kita hari ini. Walaupun begitu kita masih mengamalkan demokrasi, kalau tidak takkan sahabat saya di Arau sekarang berada di situ, dulu di sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Teluk Intan bangun.

Tuan M. Kulasegaran : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkataan reformasi ini sangat offensive sekarang. Penjelasan, sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menceritakan satu cerita yang saya rasa on the ground will not be received, dengan izin. Satu, adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan deficit budget setiap majlis daerah dan sebagainya maka perlulah Barisan Nasional menolong mereka. Itu satu asas yang bukan saya tak boleh terima, tak betul. Yang kedua, adalah mengenai Australia, satu negara yang besar maka di sana perlukan pilihan raya apa yang dikatakan local election.

Bukankah Malaysia lebih perlukan local election dari Australia kerana kalau kita banding dari segi penduduknya, penduduk di Malaysia lebih dari Australia. Yang mustahak Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan perbandingan setakat itu sahaja, kalau betul-betul Barisan Nasional mengakui mengikut arah demokrasi katakan sedemikian, saya challenge adakan satu referendum, mendapat pandangan on the ground sekarang . Itu nombor satu.

Nombor dua, Yang Berhormat Timbalan Menteri enggan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Seputeh mengenai Athi Nahappan Commission. Apakah cadangan yang dibuat di sana yang mengatakan local election bukan sahaja perlu tetapi

dimestikan. Tetapi jangan lupa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dikatakan oleh kawan karib Yang Berhormat, Tan Sri Razali baru-baru ini apakah dia punya standing berbeza sekarang, satu perkara yang luar biasa, tetapi saya rasa oleh kerana beliau sudah lama berada di Amerika dia lebih tahu bahawa demokrasi diperlukan local election kerana dari sistem demokrasi yang mustahak sekali, Tuan Pengerusi, ialah local election, dengan izin, kerana ia ada kena mengena dengan setiap penduduk, kita boleh cakap

Tuan Michael Lisa Kaya: Hei, jangan berucap

Tuan M. Kulasegaran: Ini Bukit Mas kalau hendak cakap, berani, bangun, jangan duduk di sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, pendekkan soalan.

Tuan M. Kulasegaran: Ya. Soalan saya senang, apa yang diasas Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan tidak boleh diterima dan bukankah masa sudah datang dari apa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah kata termasuk dengan apa yang Tan Sri Razali telah kata, kita adakan satu referendum supaya seluruh rakyat Malaysia menentukan adakah kita perlukan pilihan raya majlis, setuju tidak? Setuju kita pergi.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak jawab setuju? Memang saya tak setuju, [*Ketawa*] tetapi Yang Berhormat kurang dengar tadi mengenai Australia tadi bukan sahaja saya kata besar, struktur, dikatakan 'the structure of federation' di sana juga, dari segi kekuasaan yang ada pada kerajaan negeri, umpamanya education, education adalah hak kerajaan negeri, begitu juga finance hak kerajaan negeri, bukan pusat, tetapi di negeri-negeri di Malaysia hanya tanah dengan hutan dan adat istiadat orang Melayu, yang lainnya semua di peringkat Kerajaan Pusat. Jadinya, sumber-sumber kewangan negeri dalam perlembagaan berlainan tidak boleh dibanding dengan apa yang wujud di Australia. Australia agriculture pun berlainan, agriculture kita sama di seluruh Malaysia, kita tidak mempunyai dasar berlainan antara Kedah, Perlis, Selangor, Johor dan sebagainya....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Senai bangun.

Datuk Lim Si Cheng: Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kepada saya Barisan Nasional bukan takut hendak menghadapi pilihan raya di peringkat penguasa tempatan, oleh kerana jika PBT tidak dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan, jika PBT tidak dapat memberikan satu imej yang dapat menggambarkan tahap penerimaan kerajaan Barisan Nasional di antara rakyat jelata, keputusan Barisan Nasional dalam pilihan raya di peringkat Dewan Undangan Negeri dan juga peringkat Parlimen juga akan terjejas. Jadi Yang Berhormat bersetuju dengan saya, jadi itu tidak payah mengadakan pilihan raya di peringkat penguasa tempatan. Sekian, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya bersetuju, memang kita bersetuju bahawa kalau kita mengadakan pilihan raya banyak peringkat pun kadang-kadang “will be too much politicking”, sampai kita tidak boleh membuat sesuatu. Tetapi saya ingin menyentuh kata Teluk Intan tadi mengenai referendum, baru tahun 1995 kita ada referendum, tahun 1990 kita ada referendum, tiap-tiap kali kita menang. Hari ini oleh kerana dengan adanya itu dan ini, (keadaan sekarang) baru Yang Berhormat ingin sangat mengadakan referendum, lebih kurang pilihan rayalah, “almost exactly except that referendum” itu atas isu yang satu. Kita akan membuat. Yang Berhormat boleh berkempen untuk semua ini. Kita tengok dalam pilihan raya yang akan datang. Dan ini kita bersetuju kita gunakan saluran demokrasi untuk mewujudkan, gunakan ini sebagai apa dikatakan manifesto pihak DAP. Kita tidak ada halangan, dan kita juga akan mempunyai jawapan-jawapan tertentu mengapa setakat ini belum kita sampai kepada tahap yang kita boleh menjalankan apa yang disarankan.

Mengenai Laporan Athi Nahappan, itu hanya cadangan, cadangan Commission Athi Nahappan, sesuatu cadangan tidak semestinya diterima seratus peratus. Tidak semestinya apa yang dicadangkan kalau 100 benda kita terima 100 perkara, kalau dalam semua cadangan kita terima 50% - 60% (kebanyakannya itu yang berlaku). Jadi kalau kita tolak semua cadangan pun tidak begitu baik tetapi kita menerima banyak dan kita tolak satu dua perkara itu tidak bermakna kita menolak keseluruhan Laporan Athi Nahappan.

Dari segi saranan Tan Sri Razali pun kita terima sebagai cadangan, cadangan beliau, pendapat beliau dan kita juga mempunyai pendapat. Jadi kita adalah sebuah negara demokrasi, dan setiap sesiapa sahaja boleh memberi pendapat, dia boleh memberi gambaran yang global, gambaran Rio, Perbincangan Rio dalam tahun 1992 mengenai habitat dan sebagainya dan memang dalam suasana globalisasi itu yang disarankan. Tetapi tiap negara perlu melihat keadaan semasa sama ada untuk menerima 100% ataupun tidak.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau dalam majlis perbandaran tidak ada pilihan raya dan hanya councillor dilantik sahaja, bukankah itu akan berlaku kronisme ataupun nepotisme, favoritism dan lain-lain yang sudah lama dan ini saya ingat akan mengakibatkan bahayanya kepada sistem demokrasi.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, kalau hendak diadakan kroni dan nepotisme ini, kita kena kali setiap satu majlis perbandaran ada dua puluh empat ahli, kali dengan seratus empat puluh lima majlis bandaran di seluruh negara. Ini berapa ribu saya tidak tahu. Bermakna kita banyak sungguh beribu-ribu. Adakah benar atau tidak, selalunya kalau kroni tidak begitu banyak tetapi kita ada sampai beribu-ribu. Sebenarnya yang dipersoalkan ialah efisiensinya.

Masalah yang dihadapi sekarang bukan kerana pilihan raya atau tidak, pelaksanaan penguatkuasaan itu tidak berkesan. Ini memang diakui dan sedang dikaji bagaimana finacingnya, bagaimana kita hendak membiayai pihak-pihak berkuasa tempatan dan bagaimana kita hendak menyesuaikan dengan semangat kerja dari kakitangan, penguatkuasaan dan sebagainya. Tadi saya sebutkan kakitangan profesional kita hendak jadikan mereka sebagai anggota Kerajaan Persekutuan. Mereka yang dalam Sokongan 1 kita akan jadikan mereka anggota kerajaan negeri dan hanya di bawah sahaja dikekalkan sebagai anggota pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

Jadi ini adalah perkara-perkara yang kita sedang melihat dan kita sedar ingin semua pihak berkuasa tempatan menuju ke arah ISO 9000 dan ini adalah matlamat yang

cukup baik untuk kepentingan semua. Tetapi saya beri contoh kalau dibuat pilihan raya, saya tahu di Pulau Pinang, minta maaf kawan saya di Pulau Pinang, semasa sepuluh tahun yang lalu Gurney Drive itu penuh dengan bermacam-macam rodent ataupun bermacam-macam jenis makhluk yang duduk di tepi-tepi batu tempat orang makan, tikus, lipas, macam-macam yang ada. Semuanya disebabkan oleh gerai berpanjangan disepanjang Gurney Drive. Apabila sisa-sisa makanan tidak habis, penjaja-penjaja membuang sahaja makanan di sebalik batu belakang tembok dengan harapan agar air akan pasang dan akan mengambil alih segala sampah-sarap.

Saya sendiri berpengalaman di Gurney Drive. Saya makan dan saya letak makanan atas tembok sambil bersembang dengan kawan, pandang mata saya ke lain, dan tengok balik kepada pinggan, tidak kurang daripada lima belas ekor lipas yang menghadapi hidangan saya yang saya letak sementara. Saya tanya kepada semua pegawai atasan majlis bandaran, kenapa ini berlaku. Mereka kata penjaja-penjaja itu penyokong kuat politik, kalaulah kita buang mereka dari situ, kita akan jatuh sebagai kerajaan. Apakah maknanya. Maknanya bandar tidak akan bersih kalau pun dengan pemilihan.

Oleh kerana terlalu minat untuk mendapat sokongan politik maka kita akan mensacrificekan kebersihan dan keindahan dan segala yang baik bagi bandaraya yang berkenaan. Tetapi dalam tahun 1991 atau 1992 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menegur Pulau Pinang dengan mengatakan ini bandar bukan bandar 'Pearl of the Orient' tetapi 'rubbish bin of the Orient'. Tahun itu juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengubahkannya dengan memindahkan kesemuanya dan pada hari ini cukup bersih. Bermakna federalization sahaja yang mampu membuatkan sesuatu bandar itu bersih, bukan dengan pilihan raya tempatan..

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya berhajat hendak ke Australia, sekarang saya takut kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa oleh kerana pihak-pihak penjaja dan sebagainya sangat berkuasa, oleh kerana ada local election perkara macam ini boleh jadi. Jadi kalau tidak ada local election perkara macam ini tidak akan jadi, tidak benarlah...It is one of. Kita semua tahu di Parlimen pun

ada banyak Menteri dan Timbalan Menteri yang tidur, kita tahu one of, let's be frank, jangan justified.

Dato' Azmi bin Khalid: Jangan berucap, soalan-soalan.

Tuan M. Kulasegaran: Okey, soalan, cantik, saya hendak tanya [*Ketawa*]

Tuan Michael Lisa Kaya: Itu pandangan you sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Bukit Mas ini tidak berani berdiri dan tanya soalan, Tuan Pengerusi, jadi dia selalu duduk, kalau duduk jangan cakap.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa ini, saya minta untuk dipercepatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat soalan seterusnya.

Tuan M. Kulasegaran: Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum ini telah menyatakan bahawa referendum tidak takut jadi bila ia akan diimplimentasikan? Memandangkan apa yang dikatakan oleh Athi Nahappan Commission yang menyatakan local election diperlukan, jadi bolehkah saya tahu supaya ini adalah satu perkara yang akan jadi. Selain dari itu apakah sebab majlis- majlis daerah enggan memberi orang ramai masuk dan menengok apakah yang sedang terjadi di dalam mesyuarat itu, seperti yang telah terjadi pada saya sendiri di Teluk Intan, apakah mereka perlu takut, bukankah ini menunjukkan kronisme dan sebagainya.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, tidak dibenarkan masuk mesyuarat itu tidak ada kaitan dengan kornisme dan sebagainya. "I don't think you understand the meaning of cronism anyway". Takut bukan cronism, bermakna crony ialah memberi kepada sahabat-sahabat handai dan sebagainya. Ini tidak dibenarkan masuk dalam, itu oleh kerana Yang Berhormat bukan ahli majlis untuk bersama mesyuarat. Kalau ahli majlis, kalau Ahli Parlimen - bolehkah sesiapa yang bukan Ahli Parlimen masuk di sini duduk sama-sama Yang Berhormat untuk bersama bermesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Azmi bin Khalid: Saya minta, saya ingat, ini

Tuan M. Kulasegaran: Satu, satu

Dato' Azmi bin Khalid: You want extra mileage.

Tuan M. Kulasegaran: No, no, extra mileage.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, okay, last person.

Tuan M. Kulasegaran: Macam di sini

Dato' Azmi bin Khalid: Last, last.

Tuan M. Kulasegaran: Di sini ada orang-orang yang boleh datang, itu yang kata. Saya bukan macam pegawai kerajaan. Dia datang, dia tengok, dia tidak boleh cakap. Setuju setakat itu?

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, itu Parlimen. Parlimen memang is a public

Tuan M. Kulasegaran: Correct, correct, even in local council and in state assembly, dengan izin, sesiapa pun boleh masuk. Jangan, tidak perlu khuatir, lebih-lebih lagi saya sebagai wakil rakyat, takkan saya tidak boleh masuk. Pada hari itu saya tidak dibenarkan masuk kerana satu kontrak besar yang sedang dibincang di mesyuarat tersebut. Jadi bila saya telah mengisukan perkara itu, kenapa kontrak itu perlu diberi seseorang, maka ketua majlis tersebut mengatakan Yang Berhormat sedemikian tidak dibenarkan masuk. Itulah kronisme, lagi apa? If that is not, what else?

Dato' Azmi bin Khalid: Memang, kalau orang yang tidak berkaitan masuk hendak bertanya siapa dapat kontrak, siapa tidak boleh dapat, itu saya pun tidak bagi masuk. Ini tidak ada kuasa oleh kerana yang harus membincang memberi kontrak ialah jawatankuasa yang meluluskan kontrak bukan orang-orang luar. Ini adalah satu soalan, satu pendekatan yang saya rasa tidak wajar. Saya tidak mahu jawab soalan ini oleh kerana ini akan memakan masa yang panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tanjung Karang bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, ini sahabat lama bolehlah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tengok Teluk Intan ini, saya tidak berapa faham, jadi panjanglah kita cerita benda ini. Berpusing-pusing, itu sahaja. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini pasal kroni, nepotisme ini, dia ini peguam tetapi dia tidak faham mengenai sistem

pentadbiran Malaysia. Saya hendak tanya, macam kita, pemilihan di Dewan Negara, Senator ini dilantik oleh pihak berkuasa, ini ada kronismekah, ada nepotismekah? Jadi janganlah mudah sangat guna perkataan-perkataan yang kadang-kadang dia pun tidak faham.

Jadi maksud saya, saya ingin mendapat penjelasan bahawa tidak semua, Yang Berhormat Timbalan Menteri macam di Selangor, sebagai contoh, yang duduk ahli majlis ini, Ahli Parlimen tidak boleh sebagai ahli majlis duduk hanya ADUN-ADUN sahaja yang duduk sebagai ahli majlis. Saya sebagai Ahli Parlimen, saya tidak duduk mana-mana majlis, saya faham. Bila saya tidak jadi ahli buat apa saya hendak masuk. Jadi kita ada platform kita, parlimen tempat kita menyuarakan segala masalah rakyat. Jadi ini parti pemerintah, tetapi kalau pembangkang ini hendak heboh, hendak jadi ahli majlis, takut jadi kelam-kabut. Dalam Dewan ini pun dia dah kacau dekat setengah jam, tidak ada isu yang baru pun. Kalau dia jadi ahli majlis, majlis langsung tidak boleh mesyuarat. Asyik 'politiking' terlampau banyak. Yang Berhormat setuju tidak dengan pendapat saya?

Dato' Azmi bin Khalid: Memang itu yang hendak saya jawab, terima kasih tolong jawab untuk saya, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Boleh saya alihkan kepada apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Bagan dan Yang Berhormat dari Batang Lupar?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Kalau perkara yang sama tak usahlah Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya hendak sokong Y.B.

Dato' Azmi bin Khalid: *[Ketawa]* Sokong boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Itu caranya Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, macam di negeri Johor bahawa Kerajaan Negeri Johor atas arahan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa semua pihak berkuasa tempatan memberikan peluang kepada Ahli Parlimen untuk menyertai mesyuarat pleno tiap-tiap bulan sekali, tetapi ada pihak berkuasa tempatan yang enggan buat demikian. Tetapi kita Ahli Parlimen dari negeri Johor tidak ada buat apa-apa bising, kerana kita tahu dalam Akta Kerajaan Tempatan memang tiada peruntukan yang mana

Ahli Parlimen boleh dibenarkan untuk menyertai mesyuarat pleno dalam sesuatu pihak berkuasa tempatan. Sebab itu saya cakap tadi saya menyokong apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Dato'. Terima kasih.

Dato' Azmi Khalid: Terima kasih. Ini yang saya kata cara kita bekerja ini berlainan daripada apa yang dikehendaki oleh kawan saya dari Teluk Intan. Ha! Ketua Pembangkang pula. Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Okey, ketua pembangkang, saya benarkanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya sangat hairan kenapa ada Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang boleh menyokong satu perkara yang menentang dengan prinsip, accountability dan openness? Bukankah Laporan Perakuan Athi Nahappan di mana menjadikan Akta Kerajaan Tempatan ada buat recommendation yang spesifik bahawa semua perjalanan urusan masih kerajaan tempatan yang penuh dijalankan secara terbuka dan ada dalam Akta Kerajaan Tempatan di mana adalah termaktub hak untuk orang ramai menyertai semua Mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan. Kenapa ini tidak di'uphold'kan sebaliknya keputusan dibuat oleh majlis tempatan, kerajaan tempatan menidakkan peruntukan-peruntukan semacam ini. Bukankah masa sudah sampai, kerajaan keluarkan satu arahan bahawa semua mesyuarat mengikut Akta Kerajaan Tempatan?

Dato Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya hendak menyertai untuk mendengar, tidak ada masalah. Kalau hendak menyertai untuk berbincang bersama sebagai ahli memang tidak boleh. Hendak melihat boleh, ini tidak ada masalah, tetapi kalau orang semua sudah tahu, niat yang masuk itu hanya untuk bertanya walaupun tidak ada kuasa bertanya, tidak ada satu peruntukan yang boleh kita bertanya sebagai orang yang memerhati maka kita sudah melanggar satu peraturan.

Saya rasa tidak pernah mesyuarat-mesyuarat yang dibenarkan tetapi mesyuarat khas untuk tender dan sebagainya kemungkinan dibuat secara bertutup. Ini memang di mana-mana Jawatankuasa Tender tidak dibenarkan semua orang dapat melihat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya setuju setakat committee stage. Saya tidak pernah masuk mesyuarat di mana committee stage seperti yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang. Ada peruntukan yang tertentu di akta tersebut yang membenarkan orang ramai masuk dan menengok, bukan bertanya apa-apa soalan. Di Teluk Intan, saya hanya masuk dan duduk diam, itu pun tidak dibenarkan kerana saya tahulah ada sesuatu kontrak yang akan dibincang di sana. Jadi, bolehkah Yang Berhormat untuk keuntungan semua rakyat Malaysia - bolehkah Yang Berhormat mengarahkan satu circular, kata semua yang dibuka - dibukakan. Don't be close store, jangan shroud in some form of secrecy. Apa ini arena World War II ke?

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak usah beri ucapan. Yang Berhormat telah 'contradict'kan diri tadi. Tadi Yang Berhormat mengatakan, tengok *Hansard* ya. Saya masuk hendak bertanya mengenai kenapa dia beri kontrak sekian, sekian. Lepas itu Yang Berhormat kata, "Saya masuk duduk diam". Yang manasatu, saya tidak tahu.

Tuan M. Kulasegaran: [*Menyampuk*].

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak duduk, tidak boleh, saya tidak faham, saya tidak benarkan lagi, ini hendak berbelit.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak langsung, saya hendak cakap, ini bukan putar belit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dato' Azmi bin Khalid: Minta maaf. Saya rasa kebanyakan majlis-majlis tempatan membenarkan orang awam melihat, mendengar mesyuarat. Jadi kalau ada peruntukan dibuat ataupun sekatan-sekatan tertentu dibuat, saya rasa ini adalah sebab-sebab yang khusus, bukan cara umum. Di merata-rata memang anggota awam dibenarkan mendengar, kalau ada tempat untuk mendengar.

Mengenai lanskap...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mas bangun.

Dato Azmi Khalid: Ada lagi ya, okey, kasi chancelah.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato', saya pernah menghadiri majlis mesyuarat

iaitu di Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Lawas. Saya dijemput sebagai ahli Parlimen menjadi pemerhati. Bermakna dijemput dan dengan izin, observer. Kita boleh mengikut prosiding, dan saya ingin bertanya di sini, mungkin ada perkara yang sebaliknya Yang Berhormat dari Teluk Intan mengatakan tadi tidak dapat dibenarkan, mungkin sebab suasana ataupun the circumstances at that particular moment, tidak boleh dipakai sebagai in generalization form.

Yang saya perhatikan di kawasan saya, majlis daerah menjemput, they invite us. Tetapi saya hanya menghadiri kalau saya senang dan itu pun waktu full council sebagai observer ataupun pemerhati. Kita tidak dapat menyuarakan apa-apa. Bermakna itu terhad, mungkin tadi dia cakap 'Bukit Mas takut'. Kita berucap perkara yang penting, sesuai dan berkenaan. Kita tidak berucap seperti di Australia, dia katakan tadi. Penjelasan, Dato'.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Mas. Saya sebutkan tadi ini bukan satu arahan umum bahkan khusus kepada sesuatu perkara khas, jadi saya tidak dapat mengatakan menerima alasan Yang Berhormat dari Teluk Intan mengatakan semua majlis mesyuarat pihak berkuasa tempatan ditutup kepada orang awam. Tidak perlu jawab.

Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Bagan menyentuh mengenai landskap. Landskap antara lain ialah mengenai kualiti landskap dan sebagainya dan khas Yang Berhormat dari Bagan, dia tidak ada di sini, saya kena jawab juga sebab ini disentuh dalam *Hansard*, dia mengatakan projek landskap di Majlis Perbandaran Seberang Prai diberikan RM7.1 juta untuk tiga tahun. Ini untuk ditanam dengan pokok-pokok jenis annual yang hayatnya hanya setakat satu tahun. Ini saya akui benar dan ini dibuat oleh kerana matlamat untuk mengindahkan bandar yang dimulakan sejak beberapa tahun ini cuma dari segi kos pengendaliannya ia mengikut berapa pokok yang ditanam, RM7.3 juta sebenarnya bukan RM7.1 juta. Jumlah pokok yang ditanam dikali dengan berapa Ringgit satu pokok yang dibayar dan maksimumnya selama tiga tahun ialah RM7.3 juta. Saya telah pun meminta pihak berkuasa tempatan berkenaan merujuk kembali kepada dasar baru yang digubalkan oleh Jabatan Landskap Negara bahawa landskap pada masa akan

datang seharusnya berlandaskan kepada konsep functional landscape, landskap yang boleh digunakan oleh manusia bukan hanya setakat melihat keindahannya tetapi berguna untuk menyejukkan alam dan berguna untuk aktiviti-aktiviti riadah manusia.

Begitu juga dari segi kos pengendalian, sebelum diwujudkan sesuatu projek landskap, kos pengendaliannya juga perlu diambil kira terlebih dahulu kalau pihak berkuasa tempatan berkenaan tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk mengendalikan, memelihara pokok-pokok yang ditanam, maka seharusnya jenis landskap yang hendak dibuat itu dibuat dengan cara menggunakan pokok-pokok dari jenis yang tidak memerlukan belanja penyelenggaraan yang tinggi.

Mengenai pili bomba, Yang Berhormat dari Batang Lepar dan Bagan juga bertanya siapa yang mengendalikan pili-pili bomba. Pili-pili bomba di seluruh negara ada dua pihak yang mengendalikan, satu, pihak awam, pihak awam dikendalikan oleh pihak bomba sendiri dan yang swasta dikendalikan oleh pihak-pihak swasta seperti kilang-kilang, pam-pam minyak dan sebagainya. Di tepi-tepi jalan kalau ada tuan-tuan rumah yang ingin menjadikan pili bomba sebagai ‘anak angkat’ maka pihak berkenaan dapat diberi keizinan untuk menjaga pili bomba berkenaan.

Yang Berhormat dari Batang Lepar juga meminta supaya diwujudkan pasukan bomba sukarela secara ala Giat MARA iaitu satu tahun diwujudkan tiga atau empat, ini terpulang kepada beliau sebagai ahli Parlimen untuk mewujudkannya. Kita di peringkat kementerian akan memberi bantuan seperti mana yang diberi bantuan kepada semua sukarelawan kebombaanan negara iaitu kita membantu dari segi latihan dan membantu dari segi memberi peralatan-peralatan yang ringan tidak termasuk kereta-kereta bomba, bahkan diberi seperti paip-paip bomba, alat-alat pemancutan air dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih dengan penjelasan dari Timbalan Menteri. Mengenai peralatan-peralatan kebombaanan kepada pasukan bomba sukarela ini, saya hendak tanya adakah ini satu peraturan yang ad hoc ataupun memang satu requirement yang mandatori bahawa di mana ada bomba sukarela pihak kerajaan

memang ditugaskan untuk melengkapkan dengan kelengkapan ringan. Saya bertanya soalan ini oleh kerana di Parit Sulong saya telah pun menubuhkan sebuah pasukan bomba sukarela lebih kurang empat tahun yang lalu dan siap dengan dua van dan ada training tetapi kelengkapan yang kita tunggu sampai sekarang sudah empat tahun tidak sampai. Jadi atas asas apakah pembahagian alat-alat kelengkapan ringan itu kepada pasukan bomba sukarela dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, ini adalah soalan khusus sekiranya Yang Berhormat mempunyai pasukan bomba sukarela yang telah ditubuhkan dan tidak mendapat bantuan yang telah dipohon. Saya rasa Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada kementerian secara khusus, tetapi yang tidak diberikan oleh kementerian ialah bangunan bomba, kereta bomba, tetapi alat pemancut air, hos dan sebagainya peralatan kecil kita beri, cuma yang tidak diberi uniform, khasnya kalau ada uniform yang khusus bagi hazardous material yang memerlukan belanja yang tinggi kita tidak memberikannya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, secara khusus sebenarnya surat telah pun dihantar kepada kementerian empat tahun yang lalu untuk kelengkapan ringan bukannya kereta, bukannya uniform, jadi saya ingin bertanyalah, surat pun tidak jawab, material pun tidak sampai. Jadi oleh kerana orang Parit Sulong ini orang yang sabar kita tunggu sahajalah, oleh sebab dia telah buka lawang saya masuklah bertanya, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya minta maaf kepada Yang Berhormat kalau sebenarnya mereka tidak memberi jawapan, saya mintalah Yang Berhormat kemukakan salinan surat itu kepada saya, harap ini menyejukkan sedikitlah.

Yang Berhormat dari Parit Buntar meminta supaya kerajaan mengkaji semula sistem pelaksanaan rumah kos rendah di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat sistem yang kita wujudkan selama ini telah berjalan lebih daripada 20 tahun dan sistem yang diwujudkan telah mendapati bahawa pelaksanaan rumah kos rendah melalui swasta telah berjalan dengan lebih lancar berbanding dengan yang dijalankan oleh sektor kerajaan. Oleh kerana itu pencapaian dalam Rancangan Malaysia Ke-6 didapati

walaupun tidak mencapai target secara 100% tetapi pelaksanaan di peringkat swasta adalah lebih tinggi daripada pelaksanaan pihak kerajaan.

Yang Berhormat mencadangkan kita melihat keseluruhannya semula saya hanya akan mengatakan kita akan mengkaji semula dan melihat apakah kebaikan dan keburukan yang ada agar mungkin kita dapat dalam Rancangan Malaysia Ke-8 nanti kita mungkin evolve satu sistem yang lebih baik daripada yang ada sekarang, namun demikian kita dapati sistem yang ada sekarang hanya memerlukan beberapa fine tuning. Sekarang ini rumah kos rendah yang menjadi masalah ialah pengawalan dan penguatkuasaannya tidak begitu rapi, contoh yang berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini ialah mereka yang kononnya berpendapatan tinggi mendapat rumah kos rendah dan mereka yang perlu mendapat kos rendah tidak mendapatnya. Ini adalah rungutan umum dan kita di peringkat Persekutuan telah pun mendapat kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk mewujudkan sistem pendaftaran terbuka secara berkomputer dan ini dapat mengelolakan secara lebih menyeluruh permohonan-permohonan dan juga senarai mereka yang telah mendapatkan rumah-rumah agar mereka yang telah mendapat sama ada suami atau isteri tidak dipertimbangkan lagi, walaupun di daerah-daerah ataupun di tempat-tempat yang berlainan.

Keduanya pengawalan dari segi rumah-rumah yang telah dijual tetapi dijual semula bermakna rumah murah itu hanya murah kepada pembeli pertama tetapi kepada pembeli yang keduanya tidak lagi terjamin bahawa ianya kekal sebagai rumah murah. Ini berlaku apabila rumah-rumah murah itu berbentuk bertingkat-tingkat jenis apartmen ataupun flat, oleh kerana tidak ada strata title di peringkat awalan, maka penjualan dibuat secara assignment dan assignment ini kadang-kadang boleh dibuat satu, dua, tiga, empat kali tanpa pengetahuan pihak berkuasa kerajaan negeri. Ini telah pun dikesan dan diperketatkan syarat-syarat untuk mengeluarkan kelulusan bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar saya ingat mencadangkan supaya dikenakan surcharge kepada mereka yang tidak membina rumah-rumah kos rendah. Untuk

makluman Yang Berhormat, memang ada beberapa kerajaan negeri yang telah mengenakan syarat-syarat begini, tetapi ini adalah tertakluk kepada keperluan rumah-rumah semasa. Kalau keperluannya begitu tinggi di sesuatu kawasan, maka kerajaan negeri sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi memastikan bahawa rumah-rumah murah kalau tidak dibina oleh pemaju, dibayar sekian untuk digantikan dengan tempat-tempat yang lain.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Mersing bangun, Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa ada negeri-negeri yang mengenakan surcharge kepada pemaju yang gagal membina rumah murah. Saya hendak tanya berapa peratus atau jumlah yang dikenakan kerana pada saya ini satu konsep yang baik juga tetapi yang saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan, kita tidak mahu apa yang berlaku pada CGC misalnya, kerajaan menawarkan pinjaman kepada peniaga melalui CGC untuk membantu peniaga-peniaga kecil. Tetapi malangnya pihak bank terutama bank-bank luar negara, mereka lebih berminat untuk membayar denda atas kegagalan memberi pinjaman di bawah CGC daripada memberikan pinjaman kepada peminjam-peminjam kecil dan selepas itu mereka mengalami kesusahan. Jadi saya hendak tanya berapa percent surcharge yang digunakan dan yang kedua, itu pandangan saya.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, ini adalah soalan khusus dan saya diminta angka-angka yang sebenar, saya tidak dapat memberinya. Saya minta izin untuk mendapat kepastian daripada pihak kementerian dahulu. Diharap Yang Berhormat akan bersabar sebentar, dalam beberapa hari. Terima kasih.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai bomba sukarela yang membina kereta-kereta bomba dengan membeli peralatan-peralatan second-hand ataupun yang telah digunakan daripada negara luar. Yang Berhormat menyatakan setelah dibina semula kereta-kereta ini, mereka tidak dapat kelulusan daripada JPJ untuk pendaftaran. Ini saya

rasa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membawa perkara ini kepada pihak Kementerian Pengangkutan untuk pertimbangan. Begitu juga dengan pengecualian cukai, mengenai alat-alat kebombaian yang dibina atau dibeli sendiri oleh bomba-bomba sukarela. Kalau sebelum ini tidak ada, kita akan cadangkan supaya ini dikecualikan daripada cukai.

Yang Berhormat dari Batang Lupar mencadangkan tanah-tanah yang dikeluarkan kepada pemaju-pemaju yang tidak ada wang diambil balik. Saya telah menjawab tadi, kalaulah pemaju itu tidak ada wang kerana kegawatan ekonomi, ini adalah satu perkara yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan negeri secara case to case basis. Tetapi kalau daripada peringkat awalnya dikeluarkan kepada pemaju yang tidak ada wang, saya rasa kerajaan negeri tidak selalunya memberi pertimbangan kepada syarikat-syarikat yang tidak ada wang. Sememangnya saya percaya kerajaan-kerajaan negeri tidaklah sebegitu bodoh untuk mengeluarkan tanah kepada syarikat-syarikat yang mereka ketahui tidak mampu membiayai projek yang diberikan.

Yang Berhormat dari Teluk Intan, saya balik kepada Teluk Intan pula, bertanya mengenai Akta Perumahan di mana pemaju-pemaju yang membina rumah-rumah ataupun shop-office, kedai pejabat, sememangnya kalaulah diistilahkan bahawa bangunan itu ialah untuk kedai dan pejabat, maka tidak diperlukan mendapat lesen pemaju. Tetapi kalau diselewengkan selepas pembeli itu membeli, dan kemudian diubahsuai menjadi tempat duduk, ini adalah satu perkara lain yang saya rasa kalau pembeli itu membeli untuk tujuan hendak duduk, itu adalah urusan antara pembeli dengan pihak berkuasa tempatan. Tetapi kalau pemaju memajukannya sebagai shop-office untuk mengelak daripada keperluan mendapat lesen, ini adalah satu kesalahan dan kita akan hanya melihat secara case to case basis. Kita tak dapat membuat satu keputusan secara umum. Sememangnya kalau ia betul-betul shop-office, dia tidak perlu memohon lesen.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti yang kita semua tahu, shop-office ini tidak memerlukan lesen, tetapi apakah peruntukan-peruntukan yang ada atau apa-apa spesifik regulation yang ada untuk membantu pembeli-pembeli shop-office ini. Apakah undang-undang yang sedia ada yang dapat menolong menjaga pembeli-pembeli shop-office ini, kerana kita ada undang-undang yang dapat melindungi pembeli dalam kedai-kedai dan rumah-rumah tetapi pada pengetahuan saya, tidak ada apa-apa undang-undang yang membolehkan mereka bermaharajalela untuk membuat apa saja yang mereka suka dalam kes-kes shop-office.

Jadi, apakah yang dapat kerajaan membantu pihak-pihak yang membeli shop-office ini. Saya menunjukkan soalan ini kerana di kawasan saya, ada ramai orang yang telah memberi shop-office ini yang telah membayar wang deposit sebelum perjanjian dan tidak mengikut terma-terma seperti yang dikehendaki oleh akta tersebut tetapi tidak terikat, saya tahu. Tetapi apakah perlindungan yang dapat diberi? Apakah pertolongan yang dapat diberi oleh kerajaan.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam kes ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai apa-apa undang-undang khusus mengenai Kementerian ini. Hanya yang boleh melindungi pihak yang terlibat yang dianiayai boleh membawa kes ini melalui mahkamah. Perlindungan hanya boleh diberi oleh mahkamah. Begitu juga dengan bangunan-bangunan kilang, yang kita tahu ada pihak-pihak yang membeli yang merasa diri mereka teraniaya.

Mengenai rumah-rumah yang dibina berbeza dengan rumah contoh. Kalau rumah-rumah yang dibina berbeza dengan rumah contoh dan rumah ...

Tuan Zainal Abidin bin Osman: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Mersing bangun.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sekali lagi saya hendak tanya pasal masalah rumah, kegagalan pemaju. Biasanya apabila

pemaju memulakan projek, mereka akan membina rumah sederhana dan yang lebih mahal harganya. Terlebih dahulu kita faham, ini sebahagian daripada strategi perniagaan mereka. Mungkin agaknya sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada pembinaan rumah mahal, rumah sederhana ke atas dapat menampung sebahagian kos rumah murah. Tetapi kadang-kadang apabila rumah mahal, rumah sederhana sudah siap, rumah kos rendah ini masih tidak dibina. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk mengubah dasar daripada membina rumah-rumah murah ini kemudian kepada membina rumah kos sederhana atau kos tinggi serentak dengan rumah kos murah ataupun buat rumah kos murah dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sebelum Timbalan Menteri dapat menjawab, saya suka memberi peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut jadual pada hari ini kita kena menyelesaikan satu kementerian lagi. Jadi kita sangat kesuntukan masa, saya tidak dapat memberi peluang untuk penjelasan seterusnya. Jadi saya harap tidak ada yang minta penjelasan. Saya minta Timbalan Menteri untuk terus menjawab.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Dato' Pengerusi, okay, kalau ia berbeza dengan rumah contoh, okay, ada dua. Saya telah menjawab tadi di peringkat kementerian kita tidak ada dasar untuk menentukan bahawa pemaju membina kos murah dahulu sebelum dibina rumah lain. Jadi ini dapatlah difikirkan semula memandangkan masalah-masalah yang telah dialami.

Soalan daripada Teluk Intan mengenai rumah contoh berbeza dengan rumah sebenar. Kalaulah rumah contoh itu tidak dibina mengikut pelan asal yang telah diluluskan maka rumah contoh itu juga tidak sah. Adalah bersalah bagi pemaju membuat rumah contoh yang berlainan daripada pelan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tetapi kalaulah rumah yang contoh dibina mengikut pelan yang asal dan rumah sebenar dibuat tidak mengikut pelan asal maka rumah yang dibina itu adalah salah dari segi kelulusan yang diberi dan pihak kementerian boleh mengambil tindakan. Bermaknanya semua rumah contoh pelan asal dan rumah yang dibina hendaklah sama bentuk dan sama dimensinya dengan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Begitu juga dengan brochure-brochure, kalau brochurenya menunjukkan sekian dan

kelulusan pelan sama dan dibina cara yang berlainan, itu juga boleh dikatakan perbezaan itu telah melanggar undang-undang. Banyak sangat ini ya, saya hendak cut short.

Yang Berhormat dari Sepang telah bertanya mengenai Balai Bomba KLIA. Pembinaan balai bomba ini adalah di bawah pakej KLIAB (KLIA Berhad) bukan di bawah Kementerian Perumahan. Walaupun Balai Bomba ini belum siap dibina tetapi penempatan anggota telah disediakan sebanyak dua pasukan dengan menumpang balai polis.

Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh banyak tadi antara lain dia bertanya bilangan rumah terbengkalai sehingga akhir tahun 1997 dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian. Sehingga akhir tahun 1997 sebanyak 43 projek perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta telah didapati terbengkalai. Dua langkah telah diambil oleh kementerian iaitu langkah-langkah pemulihan dan langkah-langkah pengawalan. Ini sedang diambil. Langkah-langkah pemulihan ialah berasaskan dengan berpandukan apa sebabnya yang berlaku terbengkalainya, adakah ia disebabkan kewangan ataupun teknikal. Maka kalaulah berlakunya mana-mana satu maka perbincangan seterusnya akan diadakan antara pemaju dengan pembeli, dengan bank dan sebagainya untuk menghidupkan semula. Tanpa perbincangan antara semua pihak kita tidak dapat menghidupkan semula projek-projek yang terbengkalai.

Taman Perumahan Sri Beranang, Ulu Beranang belum termasuk di dalam senarai projek-projek perumahan terbengkalai 1997, oleh itu kementerian akan menyiasat perkara ini. Seremban juga mencadangkan pengisian jawatan Yang di-Pertua sepenuh masa. Memang pun sekarang ini kerajaan telah meluluskan majlis perbandaran dan majlis daerah diwujudkan jawatan Yang di-Pertua sepenuh masa telah diluluskan oleh kerajaan. Majlis-majlis daerah yang berpendapatan lebih daripada RM10 juta, jawatan Yang di-Pertua akan diisi secara sepenuh masa. Mana-mana majlis daerah yang berpendapatan kurang daripada RM10 juta masih boleh mengikut cara yang lama.

Yang Berhormat dari Seremban juga menyentuh mengenai 'Ring Road' di Seremban perlu dilaksanakan, dan apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan. Peruntukan yang diberikan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah untuk projek-projek kecil sahaja. Bagi projek-projek yang besar hendaklah diminta daripada pihak-pihak yang lain terutamanya berbincang dengan Kementerian Kerja Raya.

Yang Berhormat dari Seremban juga mencadangkan supaya dikaji semula projek-projek perumahan yang tidak dapat dibeli oleh bumiputera, oleh kerana tidak cukup bumiputera untuk membelinya. Ini juga boleh dibincangkan semula di peringkat kementerian tetapi dasarnya ialah kita tidak mahu projek-projek perumahan yang diduduki oleh hanya sebilangan kaum sahaja. Kita mahu pada dasar negara supaya semua projek perumahan ini diduduki oleh pelbagai kaum yang berbilang bangsa di negara ini untuk mewujudkan satu masyarakat yang majmuk supaya sesuai dengan matlamat dan hasrat negara dan rakyat pada keseluruhannya.

Secara umum kita boleh mencadangkan supaya peratusan 30% yang dikhaskan untuk rumah murah ini dirangkumkan ke dalam sebuah projek supaya semua jenis itu 30% diberikan kepada bumiputera dan had untuk bumiputera disediakan rumah-rumah kos sederhana rendah dan tidak perlu hanya untuk kos rumah murah, oleh kerana kadang-kadang pada ketika ini kebanyakan bumiputera sudah pun mampu membeli rumah-rumah kos sederhana rendah iaitu RM60,000 ke bawah, tidak semestinya bumiputera hanya dihadkan kepada rumah-rumah murah yang RM42,000 ke bawah.

Teluk Intan saya telah menjawab. Yang Berhormat dari Tambun mencadangkan supaya modal berbayar tidak kurang dari RM250,000 sebagaimana disyaratkan di bawah Akta Pemaju Perumahan dinaikkan. Sememangnya ini sedang ditimbang oleh pihak kementerian untuk had atau supaya modal dibayar syarikat-syarikat perumahan itu dinaikkan memandangkan keadaan semasa, ini dalam pertimbangan kementerian.

Tambun juga membangkitkan masalah pemaju bankrap dan kementerian pernah menasihatkan pembeli-pembeli terlibat mengambil tindakan mahkamah ke atas pemaju bank berkenaan. Beliau mencadangkan supaya projek berkenaan di ambil alih oleh pemaju lain untuk memajukannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian di dalam usaha-usaha pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai ialah membenarkan pemaju lain mengambil alih ke atas kemajuan projek berkenaan. Walau bagaimanapun, sebelum itu perundingan, perbincangan dengan pihak-pihak pemaju, pihak-pihak pemilik tanah, wakil-wakil pembeli dan pihak-pihak bank perlu diadakan dahulu sebelum projek berkenaan dapat dipulihkan semula. Saya hendak habiskan cepatlah.

Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan mengenai pilihan raya kerajaan tempatan, ini telah dijawabkan. Yang Berhormat dari Seputeh menyentuh masalah setingan untuk

mendapatkan kemudahan perumahan dengan mengambil contoh Projek Perumahan Bina City di Kampung Pasir, Petaling. Mengikut amalan sekarang permohonan untuk mendapatkan kemudahan perumahan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya sudah beritahu tiada masa.

Tuan Liew Ah Kim: Kampung Pasir Dalam.

Dato' Azmi bin Khalid: Okay, terima kasih Yang Berhormat. Kampung Pasir Dalam, minta maaf ya. Mengikut amalan sekarang permohonan untuk mendapatkan kemudahan perumahan dibahagikan kepada dua kategori, sekiranya seseorang itu layak membeli hendaklah dia mendaftar di bawah sistem pendaftaran terbuka berkelompok di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi sekiranya dia tidak mampu, hendaklah dia mendaftar untuk rumah-rumah yang bertujuan disewa. Kerajaan tidak bercadang memberi sebarang pampasan kepada setinggan yang terlibat dengan pembayaran-pembayaran tetapi kerajaan menyelesaikan masalah ini dengan memberi peluang-peluang untuk membeli atau menyewa rumah-rumah. Ada sedikit lagi.

Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh mengenai kutipan cantasan bunga ataupun pokok-pokok yang tidak dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat Lembaga Kemajuan Bintulu tidak disenaraikan di dalam senarai pihak berkuasa tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Lembaga tersebut adalah di bawah Kerajaan Negeri Sarawak dan perlu dikawal oleh pihak berkuasa negeri.

Mengenai projek perumahan, Kerajaan sememangnya memberi perhatian perumahan kos rendah di negeri Sarawak. Di bawah Program Rumah Kos Rendah, Kerajaan Negeri Sarawak mendapat peruntukan yang besar iaitu sebanyak 27 projek iaitu projek kos rendah dengan jumlah unit 13,838 kesemuanya. Kalau dibahagi-bahagikan projek-projek ini - yang telah siap ialah 3 projek berjumlah 1,387 unit; yang dalam pembinaan 21 projek mengandungi 11,951 unit; dan dalam peringkat awalan persediaan ialah 500 unit.

Yang Berhormat dari Bintulu juga mengatakan Kerajaan Negeri Sarawak telah melantik sebuah universiti untuk mengkaji keperluan perumahan iaitu 84,000 unit untuk seluruh negeri Sarawak. Ini bermakna Kerajaan Negeri Sarawak memang prihatin mengenai masalah ini dan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran dan kita di peringkat kementerian memberi kerjasama yang penuh. Mengenai pemantauan

projek yang di bawah Suruhanjaya Perumahan Sarawak, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang menjalankan pemantauan mengenai projek-projek yang dikendalikan oleh suruhanjaya berkenaan. Mesyuarat diadakan setiap dua bulan sekali untuk pemantauan ini.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang menyentuh mengenai Fasal 9, Fasal 20, Fasal 22 Perjanjian Jual Beli (Jadual G). Ketika ini kementerian sedia mengkaji dan menyemak semula fasal-fasal ini supaya dapat mengatasi masalah-masalah dan memberi keadilan kepada pembeli dan penjual. Kementerian sedang mengkaji peruntukan ini supaya penyerahan pemilikan kosong dibuat bersama-sama dengan sijil layak menduduki-CF. Ini adalah berkaitan juga dengan soalan yang dibangkitkan oleh seorang lagi Yang Berhormat tadi mengenai pengeluaran CF dan TCF. CF ialah sijil kelayakan yang akhir dan TCF ialah sijil kelayakan menduduki rumah yang sementara. Pihak kementerian telah pun memutuskan supaya pengeluaran sijil kelayakan yang akhir dibuat dalam tempoh yang singkat supaya membolehkan pembeli mengambil kunci dan menduduki rumah tanpa menunggu begitu lama dan supaya memberi keadilan yang akan memberi satu kepuasan kepada pembeli dan juga memberi kepuasan kepada pemaju supaya proses mendapat kelulusan pelan ini dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan lebih bertepatan dengan matlamat.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga menyentuh mengenai perkhidmatan pembedung yang dikatakan pihak jabatan tidak menghantar komen dan susah memberi komen, oleh kerana wujudnya Jabatan Perkhidmatan Pembedung kementerian ini hanya di peringkat pusat sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pembedung di kementerian ini mempunyai empat cawangan di seluruh negara iaitu di kawasan Kuala Lumpur, seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Labuan dan di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang itu untuk menyelenggarakan projek-projek di negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Yang Berhormat dari Bukit Mas menyentuh mengenai 'fire' dan 'rescue boat'. Untuk makluman Yang Berhormat perancangan Rancangan Malaysia Ke-7, memang ada untuk membeli bot-bot yang disebutkan tadi tetapi disebabkan kegawatan ekonomi

terpaksa ditangguhkan dan telah digantikan dengan bot-bot biasa yang dilengkapi dengan peralatan pemadaman, kebakaran dan menyelamat di seluruh negara yang dibeli ialah 110 unit.

Yang Berhormat dari Bukit Mas juga menyentuh mengenai rumah panjang. Adakah peruntukan diberi untuk memadam kebakaran dan sekiranya tiada apakah alternatifnya? Jawapannya ialah rumah panjang adalah merupakan rumah persendirian dan tiada peruntukan yang diberikan. Sebagai alternatif masyarakat setempat perlu mewujudkan bomba sukarela. Bantuan percuma daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah latihan dan memberi peralatan-peralatan seperti 'pump, hose' dan peralatan asas pemadaman sahaja.

Yang Berhormat dari Bukit Mas juga bertanya mengenai pembinaan balai bomba di Sarawak di bawah peruntukan P.16 – 01101. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-7, Jabatan Bomba telah diberi kelulusan untuk membina enam buah balai bomba seperti berikut di Petra Jaya, Berong, Lundu, Kapit, Kota Samarahan dan Miri. Kontraktor-kontraktor telah pun dilantik dan masih dalam peringkat awal pembinaan. Pembinaan ini dijangka siap dalam jangka masa lapan belas hingga dua puluh empat bulan.

Yang Berhormat dari Kepong [*Sambil memandang ke arah Yang Berhormat dari Kepong*] menyentuh mengenai projek-projek tertentu yang dirujuk di Segamat Utara dan Kepong dan minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu menyemak dengan lebih lanjut. Ini saya tidak berapa faham apakah yang dimaksudkan tadi. Saya juga ada menulis [*Sambil mencari nota beliau*] saya minta maaf ya, hendak cari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh saya tolong?

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, tolong-tolong, remind me, please.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya banyak maklumat, salah satu daripadanya ialah ini borang daripada Syarikat Crystal Land Sdn. Bhd. yang mengeluarkan borang ini supaya para penduduk dapat membeli dengan mengeluarkan wang pendahuluan RM3,500 untuk setiap unit rumah kos rendah berharga RM35 ribu.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai Syarikat Crystal Land Sdn. Bhd. ianya telah dirujuk kepada polis kerana tidak ada kaitan dengan

pemaju perumahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan. Ini adalah kes polis dan setakat ini kementerian tidak tahu-menahu dari segi asal-usul tetapi kita telah mendapat laporan. Ini dirujuk kepada polis. Terima kasih.

Mengenai aduan di Segambut Utara, Taman Ros Good Puff Sdn. Bhd. dan sebagainya iaitu CF diluluskan dalam keadaan yang tidak sempurna. Ini memang kita ketahui ada pihak berkuasa tempatan yang tidak begitu cekap dalam urusan untuk mengeluarkan CF dan pihak kementerian akan menyiasat dengan lebih lanjut, Yang Berhormat.

Mengenai Taman Wangsa Permai 813 unit yang tidak ada hak milik sudah 3 hingga 5 tahun dan jalan masuk pun tidak ada, saya ingat perkara ini telah pun dirujuk kepada kementerian dan kita dalam siasatan untuk memastikan apakah sebenarnya yang berlaku.

Saya inga, yang itu saja, ada lagi! Yang Berhormat Kepong minta penjelasan kedudukan IWK sekarang setelah disusun semula, apakah bilangan pelanggan yang tidak menjelaskan bil pementungan. Apakah program untuk tingkatkan jumlah pelanggan yang bayar bil pementungan? IWK kini setelah bertukar pengurusan, ini jawapannya Yang Berhormat, dan pentadbirannya adalah lebih teratur dan kemas, beberapa penyusunan semula di peringkat dalaman syarikat telah dibuat untuk memastikan projek penswastan pementungan ini dapat dilaksanakan dengan jaya. Jumlah pelanggan yang menjelaskan bil pementungan terus meningkat. Hampir 60% bil pementungan yang dikeluarkan oleh IWK setiap bulan telah dijelaskan. Berbanding dengan sebelumnya, sebanyak 60% tidak menjelaskan.

IWK akan terus melaksanakan program-program dan juga kempen-kempen berbentuk pendidikan untuk menyedarkan orang ramai betapa pentingnya alam sekitar ini dijagai untuk menjaga kepentingan negara dijangka panjang.

Tuan Pengerusi, saya kira saya telah menjawab hampir keseluruhannya, yang mana saya tidak sempat menjawabnya, oleh kerana terlalu banyak kertas atas meja ini saya tidak tahu yang mana tidak berjawab, saya percaya saya menjawab keseluruhannya dan yang mana tidak dapat menjawabnya saya akan memberi jawapan bertulis. Saya ucapkan

kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan membahas, memberi pendapat dan cadangan kepada kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM76,273,400 untuk Maksud B.14; RM13,828,900 untuk Maksud B.15 dan RM144,248,200 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM76,273,400 untuk Maksud B.14; RM13,828,900 untuk Maksud B.15 dan RM144,248,200 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM326,578,240 untuk Maksud P.14 dan RM103,243,910 untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM326,578,240 untuk Maksud P.14 dan RM103,243,910 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

**Maksud B.17 [Jadual] -
Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Kota Bharu.

4.27 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000 dan 030000. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan tahniah kepada kementerian di atas keperihatinannya terhadap pembangunan

belia. Saya gembira melihat peruntukan untuk program belia tidak banyak terjejas. Saya melihat pihak kementerian bercadang untuk menambah bilangan belia yang mengikuti kursus kepimpinan iaitu dari 1,210 orang kepada 1,600 orang. Harapan saya ialah kementerian memberi perhatian kepada pimpinan 350 buah pertubuhan belia yang diberi bantuan kewangan. Berapa peratus kepimpinan pertubuhan-pertubuhan belia itu telah mengikuti kursus dan latihan kepimpinan. Berapa ramai di kalangan pemimpin pertubuhan itu mengikuti kursus dan latihan di Pusat Latihan Belia Pertak dan lain-lain pusat latihan? Berapa lamakah tempoh satu-satu kursus yang dianjurkan oleh Kementerian? Apakah kursus-kursus itu dikategorikan umpamanya:

- (i) kursus bagi mereka yang baru memegang jawatan dalam pertubuhan belia;
- (ii) kursus bagi mereka yang telah mengikuti kursus asas kepimpinan; dan
- (iii) kursus pengurusan bagi mereka yang telah dikenal pasti berperanan sebagai pekerja belia yang profesional atau professional youth workers seperti setiausaha-setiausaha kerja dan pembantu-pembantu mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu pecahan pimpinan lelaki dan wanita yang telah mengikuti kursus-kursus sepanjang tahun 1998 dan apakah bagi tahun 1999 pihak kementerian akan mengagih peluang berkursus itu sama rata antara kedua-dua jantina itu.

Tuan Pengerusi, saya yakin kementerian tetap mempunyai perhubungan akrab dengan Majlis Belia Malaysia. Saya ingin tahu dari segi bantuan kewangan, berapa banyakkah yang dicadang diberi kepada Majlis Belia Malaysia bagi tahun 1999, dan apakah program-program Majlis Belia Malaysia yang akan dianjurkan bersama atau mendapat kerjasama kementerian.

Tuan Pengerusi, Majlis Belia Malaysia juga terlibat melibatkan secara aktif di dalam Majlis Kerjasama Belia ASEAN. Sejauh manakah kementerian membantu Majlis Belia Malaysia memantapkan lagi peranannya di dalam majlis tersebut. Pada tahun 1997, Majlis Kerjasama Belia ASEAN yang bersidang di Kuala Lumpur telah mengeluarkan deklarasi Kuala Lumpur Belia ASEAN, yang antara lain menyatakan hasrat sebuah pusat kepimpinan belia ASEAN ditubuh dan dibiayai oleh Kerajaan-kerajaan Negara

ASEAN serta badan-badan belia. Apakah hasrat atau pun memandangkan pengalaman berkaitan dengan bidang belia begitu mantap di Malaysia, apakah kementerian bersetuju dengan pendapat saya bahawa pusat tersebut haruslah terletak atau ditubuhkan di Malaysia, dan sekiranya bersetuju apakah kementerian bercadang untuk merangka tindakan-tindakan bagi mencapai matlamat itu.

Pada tahun ini, Menteri-menteri Belia Komanwel iaitu pada 25 hingga 30 Mei telah membincangkan satu pelan tindakan Komanwel mengenai belia yang bertujuan memperkasakan belia melalui 10 matlamat yang strategik. Saya ingin tahu, sejauh manakah Majlis Belia Malaysia diberi galakan oleh kementerian bagi bersama-sama berikhtiar menjayakan pelan tindakan tersebut, dan apakah program-program yang dicadangkan bagi merealisasikan pelan tindakan itu agar ia tidak tinggal atas kertas sahaja iaitu pada tahun 2005, belia mencapai tahap perkasaan yang dirancangkan oleh Pelan tindakan Komanwel itu.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 020300 - Program Rakan Muda, yang diberikan peruntukan sebanyak RM11,523,300 iaitu satu jumlah yang besar melebihi peruntukan di bawah pembangunan belia dan melebihi juga peruntukan pembangunan sukan. Saya lihat mengikut pecahan, sejumlah RM9,764,800 telah diperuntukkan untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap.

Sukacita saya jika kementerian dapat menjelaskan, bagaimanakah ia boleh menilai program ini sehingga menganggarkan ia lebih berkesan, lebih penting daripada program pembangunan belia sehingga ia diberikan peruntukan yang lebih banyak.

Pada tahun 1999 dianggarkan 800,000 orang belia dijangka akan menyertai program Rakan Muda. Dari sembilan gaya hidup yang diperkenalkan di bawah program Rakan Muda itu apakah kesemuanya diberi penekanan yang sama rata atau kementerian telah pun membuat pemilihan menonjolkan beberapa gaya hidup tertentu sahaja. Dari 800,000 orang belia, berapa ramaikah belia wanita akan diberi peluang untuk menyertainya?

Tuan Pengerusi, beralih kepada Butiran 030000 – Pembangunan Sumber Manusia. Saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM24,668,900 untuk maksud tersebut. Program ini terbahagi kepada tiga, iaitu pertama, aktiviti pentadbiran latihan; kedua, aktiviti latihan kemahiran institut kemahiran belia negara; dan ketiga, aktiviti pembangunan ekonomi belia.

Saya ada dua-tiga pertanyaan. Pertama, sejauh manakah pertubuhan-pertubuhan belia dibekalkan dengan maklumat yang secukupnya bagi memanjangkan program ini kepada belia, khususnya pertubuhan-pertubuhan belia dalam kawasan saya, Kota Bharu.

Kedua, mengapakah jumlah belia yang akan diberi latihan dan kursus keusahawanan diperkecilkan begitu drastik sekali. Dari jumlah 5,500 orang pada tahun 1998 ini kepada 1,500 orang sahaja, iaitu untuk tahun 1999. Saya fikir ini adalah pengurangan sebanyak 4,000 orang, iaitu lebih kurang 75% pengurangan.

Soalan ketiga, apakah pecahan antara belia wanita dan lelaki yang telah memohon ke IKBN yang telah diproseskan permohonan mereka? Dan apa pula pecahan mereka yang berjumlah 1,000 orang yang telah diberi latihan tidak berinstitusi. Pecahan mengikut jantina juga di kalangan belia seramai 2,098 orang yang dilatih di IKBN sepanjang 1998?

Akhir sekali, apakah kementerian akan memastikan pengagihan peluang yang saksama kepada kedua-dua jantina? Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang.

4.32 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, Butiran 020000 – Pembangunan Sukan. Tuan Pengerusi, saya turut ucap syabas dan tahniah kepada pihak kementerian

bersama-sama dengan Sukom Berhad telah berjaya menganjurkan Sukom pada tahun ini dan telah mencapai satu kecemerlangan yang besar. Selain daripada ini, saya juga minta pihak kementerian di mana saranan supaya negara kita akan terus menganjurkan Sukan Olimpik tahun 2008 pada masa yang akan datang. Bagaimana pihak kementerian untuk menjalankan persiapan, cara mana untuk mengatasi masalah-masalah akan dihadapi pada masa akan datang supaya negara kita pada masa itu akan dapat mengatasi halangan daripada pihak-pihak lain untuk menganjurkan Olimpik pada tahun tersebut.

Penting kepada pihak negara kita setelah Sukom mencapai kejayaan ini. Maka dengan demikian, apakah tindakan, apakah persiapan pihak kementerian akan jalankan sebelum persiapan untuk membuat keputusan di mana negara kita dapat menganjurkan Sukan Olimpik pada tahun 2008 itu.

Tuan Pengerusi, kementerian telah menggariskan strategi memberi penekanan kepada perubahan sikap dan membentuk satu generasi belia yang berdisiplin, yang bertanggungjawab, dinamik dan lain-lain. Dengan adanya strategi sepanjang masa ini, pihak kementerian telah mengadakan berbagai-bagai aktiviti dan juga sukan untuk menggalakkan generasi muda dalam negara kita ini. Maka dengan adanya Akta Pembangunan Sukan yang telah diluluskan oleh Parlimen ini dan melalui Akta Pembangunan Sukan ini telah memberi peluang kepada persatuan-persatuan sukan yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan itu dapat menjadikan ahlinya bergabung di dalam pembangunan sukan ini.

Sehingga hari ini, saya minta pihak kementerian memberitahu kepada Dewan ini berapa jumlah persatuan sukan telah menyertai di dalam pembangunan sukan ini sebagai ahli dalam gabungannya supaya mendapat satu tenaga yang lebih baik lagi untuk memajukan sukan. Tetapi saya juga minta pihak kementerian untuk memberitahu Dewan ini berapa jumlah lagi atau bilangan persatuan sukan yang masih enggan menyertai dalam pembangunan sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan ini. Kalau pihak pertubuhan sukan tiada niat atau tidak mahu menyertai di bawah akta ini, apa tindakan, apa langkah yang akan diambil terhadap mereka? Kerana ini akan jadikan masalah besar jika

pembangunan sukan tidak dapat sokongan dan kerjasama semua persatuan sukan ini. Ini penting di mana Akta Pembangunan Sukan diluluskan dan dapat diberi tahu sehingga kini apa aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

Tuan Pengerusi, Butiran 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Dengan sejumlah hampir RM19 juta telah diperuntukkan untuk membaiki atau meningkatkan lagi pusat-pusat tersebut. Maka saya minta pihak kementerian untuk memberitahu sehingga tahun lalu dan tahun ini bilangan peserta telah menyertai Institut Kemahiran Belia Negara di seluruh negara kita ini. Macam mana untuk memilih pemohon-pemohon supaya mereka dapat menyertai dalam Institut Kemahiran Belia Negara ini. Ini penting kerana masih terdapat aduan bahawa pemohon-pemohon telah kemukakan permohonannya tetapi tidak dapat menyertai atau tidak diluluskan untuk menyertai dalam Institut Kemahiran Belia Negara di merata tempat, dan apa syarat tertentu bagi mereka untuk menyertai dalam aktiviti-aktiviti ini.

Adakah pihak kementerian akan menambahkan lagi IKBN ini di negeri-negeri lain di Malaysia ini, di mana sehingga ini walaupun setiap negeri juga ada Institut Kemahiran Belia Negara, tetapi mungkin ada kekurangan. Adakah pihak kementerian akan merancang untuk menambah lagi bilangan institusi-institusi kemahiran belia negara di merata tempat?

Tuan Pengerusi, Butiran 020000 – Program Rakan Muda. Sebagaimana rakan saya dari Kota Bharu menyatakan begitu besar peruntukan telah diperuntukkan untuk aktiviti-aktiviti Rakan Muda. Tetapi adakah aktiviti-aktiviti atau rancangan-rancangan yang dijalankan di bawah program Rakan Muda ini telah berjaya. Adakah pihak kementerian untuk mengkaji kelemahan-kelemahan yang berlaku sepanjang masa aktiviti-aktiviti Rakan Muda dijalankan, kerana terdapat juga gejala-gejala sosial masih berlaku bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi di merata tempat. Masih ada generasi muda yang bersikap tidak tanggungjawab, maka gejala-gejala sosial masih terjadi di negara kita. Maka adakah ini ertinya program Rakan Muda mengalami kegagalan.

Jadi, yang penting untuk mendapatkan satu cara untuk mengatasinya, kalau kita mahu mewujudkan satu masyarakat yang berdisiplin dan bertanggungjawab pada masa depan. Saya juga minta pihak kementerian untuk nenerangkan cara mana untuk memberi peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan belia. Setakat ini saya difahamkan bahawa dalam kalangan belia masyarakat Cina hanya bergerak melalui dua badan, iaitu YAM dan GPP. Kerana kedua-dua badan belia yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan ada mendapat pertolongan untuk menyertai dalam program Rakan Muda.

Selain daripada dua badan belia masyarakat Cina ini, adakah lain-lain seperti banyak lagi persatuan sukan yang diwujudkan dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan dan juga daripada badan-badan belia yang bergabung dalam persatuan-persatuan masyarakat Cina, adakah mereka layak untuk menerima bantuan atau peruntukan daripada Program Rakan Muda.

Perkara ini penting untuk diberikan penjelasan supaya masyarakat Cina faham dan dapatlah belia-belia masyarakat Cina dapat menyertai program atau aktiviti-aktiviti Rakan Muda supaya mereka jadi satu generasi belia yang berdisiplin dan juga mereka dapat 'sense of belonging' tanpa bantuan dan kerjasama daripada pihak kementerian mungkin ada rasa kecewa daripada masyarakat belia.

Tuan Pengerusi, satu perkara penting lagi mintalah pertimbangan pihak kementerian. Tarian singa dan tarian naga ialah satu tradisi kebudayaan masyarakat Cina yang sungguh diminati. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri yang telah memberi satu kelulusan dan kebenaran, tidak payah permit dikeluarkan semasa tarian singa dan tarian naga dijalankan, adakah pihak kementerian memberi pertimbangan seperti tarian singa dan tarian naga ini sebagai tradisi kebudayaan masyarakat Cina telah berjalan sepanjang masa ini dan telah ditunjukkan dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan atau kementerian-kementerian dan menjadi satu program yang telah diminati oleh lapisan masyarakat, maka adakah boleh satu kedudukan yang sewajarnya dan dapat menyertai dalam Program Rakan Muda supaya mereka dapat satu perangsang atau galakan yang lebih lanjut lagi kalau pihak kementerian

boleh memberi peruntukan atau menyertai dalam Program Rakan Muda kerana biasanya pasukan tarian singa ini terdiri daripada golongan muda. Maka dengan itu saya minta pihak kementerian dalam untuk menjayakan program Rakan Muda bukan sahaja daripada persatuan-persatuan belia yang telah didaftarkan dan juga menimbangkan kepada persatuan-persatuan sukan di bawah masyarakat Cina supaya mereka dapat lagi menikmati program daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan.

4.42 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 030300 dan 020300.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan Tabung Ekonomi Belia telah dimulakan lebih dua dekad sebelum ini dan berapa ramaikah belia yang telah terlibat dalam aktiviti dari tabung ekonomi tersebut. Dalam hal ini, saya difahamkan kebelakangan ini ramai di antara peserta yang telah mengambil bahagian dalam perkara ini

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

[Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis baru masuk dan tunduk]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan!

Tuan M. Kulasegaran: Ya, Rompin, hendak tanya soalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya baru masuk, tunduk kepada Tuan Speaker!

Tuan M. Kulasegaran: Oh!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab itu bila bercakap pandang kepada Tuan Speaker.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta penjelasan dari Teluk Intan. Terima kasih, Teluk Intan ini kawan saya ini. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, Kementerian Belia dan Sukan telah banyak memberi peruntukan kepada belia-belia di kampung dan sebagainya, belia niaga, kenapakah Yang Berhormat tidak boleh menasihat belia-belia yang mengambil bahagian dalam kumpulan reformasi yang bangkit menentang kerajaan ini kerana kerajaan telah memberikan semua kepada mereka dan Yang Berhormat sendiri pun adalah golongan belia, fasal nampak muda, botak itu fasal fikir banyak macam mana hendak 'belit' dalam mahkamah.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan gerakan-gerakan reformasi, belia-belia yang mendapat pelbagai bantuan dari kerajaan tetapi masih menentang kerajaan.

Jadi, apakah Yang Berhormat sebagai peguam yang tidak semacam Jelutong yang tidak berdisiplin dan bercadang untuk menasihati mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekarang dalam peringkat Jawatankuasa, saya harap tidak ada perkara dasar yang disentuh.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, ini belia niaga. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, Yan ini baru masuk, bila dia masuk, dia mesti hendak kata sedikit, kalau tidak dia tidak boleh duduk, dia tidak boleh macam kita ini menunggu sehari untuk dapat peluang hendak berucap, kita ini sabar. Itulah sebab reformasi terjadi di negara ini kerana kita tidak sabar, you can give all tetapi sayang dan sebagainya tidak cukuplah, yang mustahak kepada pemuda pemudi di negara ini adalah senang sahaja, kita beri mereka ruangan supaya kalau mereka hendak demonstrasi biarlah ruangan yang 'democratic space' beri kepada mereka, tidak kisah, anak kita pun

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan M. Kulasegaran: Duduk, duduk, sekejap. Bila saya hendak berucap, kamu hendak kacau. Sekejap lagi!

Jadi, macam anak kita pun ada yang jahat, ada yang baik, kita dapat masalah. Jadi, macam reformasi ini, seperti Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, dua tahun dahulu beliau telah mengatakan reformasi, tidak sesiapa pun yang bercakap mengenai hal itu, masa itu semuanya sokong – sokong! Baik, apa yang dikatakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, sekarang dia telah dikeluarkan dan dilucutkan dari jawatan semua sorak yang lain. Jadi, saya teruskan!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Gentlemanlah, seorang sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Beri jalan lagi?

Tuan M. Kulasegaran: Sudah cukup gentleman dah. Lepas itu peluang ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya memperingatkan kalau point of order yang betul, jangan buang masa, kita tidak ada masa Yang Berhormat. Kalau yang betul – sebut!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak apalah, fasal dia sudah baik, dia beri laluan itu. Jadi, tadi Yang Berhormat kata beri ruang untuk mereka

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia beri jalan, dia sudah duduk.

Tuan M. Kulasegaran: Apa point of order? Tuan Pengerusi, dia kata ada point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu saya kata tidak ada point of order, sila duduk, kecuali kalau dia beri jalan.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak ada, tolong duduk!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat duduk beri laluan kepada saya.

Tuan M. Kulasegaran: Saya ingat point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, minta duduk, dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak beritahu, sekarang ini Yang Berhormat minta tunjuk perasaan secara terbuka, satu hari nanti kalau belia-belia ini minta kerajaan beri lelaki dengan lelaki kahwin macam mana? Kita hendak bersetuju jugakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, ini satu view yang extreme. Jangan kita selalu kata extreme terlampau, jangan kita takut, sabarlah. Macam kita pembangkang

semua memohon agar kita mengadakan pilihan raya, berani kita pergi, jangan takut. Itulah asas demokrasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, mengenai Tabung Ekonomi Belia ini. Jadi, saya difahamkan bahawa kebelakangan ini banyak peserta telah mengambil bahagian dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, akan tetapi ramai di antara peserta yang telah layak untuk mendapat pinjaman dan saya difahamkan setakat RM50,000 mereka layak asalkan projek yang mereka usahakan itu adalah viable, dengan izin, dan pihak yang berkenaan akan meluluskan pinjaman. Ini adalah asas kerana seseorang yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun asalkan projek yang dia ingin jalankan adalah satu projek yang viable maka pinjaman itu akan diluluskan.

Saya difahamkan baru-baru ini, setahun dahulu kerajaan telah mengikat dengan Bank Simpanan Nasional supaya semua pinjaman kepada pihak peserta yang layak akan diurus oleh Bank Simpanan Nasional Commercial, akan tetapi saya difahamkan hingga hari ini sudah 12 bulan, tidak ada satu projek pun yang telah diluluskan walaupun telah dibenarkan pada pendapat kementerian adalah viable akan tetapi oleh sebab-sebab yang tidak dapat diberitahu kepada peserta-peserta yang saya difahamkan mereka dikatakan ada 'technical problem'. Apakah technical problem tersebut? Apakah sebab peserta-peserta perlu pergi ke Bank Simpanan Nasional untuk mendapat pinjaman tersebut, bukankah kewajipan kerajaan untuk memberi pinjaman kepada pihak peserta yang layak dan kepada projek yang viable, apakah sebab yang tertentu dalam satu tahun ini berapakah projek-projek atau organisasi yang telah memohon dan telah diluluskan akan tetapi tidak diberikan pinjaman atas sebab-sebab yang tertentu.

Jadi, saya hendak tahu, saya hendak pohon agar satu penerangan diberi apakah pihak-pihak yang layak tidak diberi dan bilakah mereka akan diberi pinjaman tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan baru-baru ini di seluruh negara semua proses pinjaman menerusi Tabung Ekonomi Belia ini telah diberhentikan, apakah asas dan apakah sebab tersebut, bukankah belia adalah masyarakat harapan kita, takkan kita hanya adakan untuk orang tua sahaja menjadi pemimpin dalam negara ini, kita perlukan pemuda-pemuda juga. Jadi, dengan tidak memberi pinjaman-pinjaman ini, kita tidak memberi dokongan yang perlu, kita tidak boleh melupakan bahawa belia bukan sahaja harapan tetapi perkara yang pokok kepada masyarakat Malaysia ini. Ahli Yang Berhormat dari Yan faham kan?

Selain daripada itu,

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada tiga orang yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan tak?

Tuan Haji Noh bin Omar: Boleh tanya sedikit? Sini, sini baik tidak ada kacau punya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Rompin ada tiga minit.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan, cara Yang Berhormat cakap itu bersemangat sekali. Mungkin kerana Yang Berhormat dari Jelutong ada, yang semangat itu lebih sikit. Yang Berhormat dari Jelutong kita tengoklah, Timbalan Pengerusi mungkin Teluk Intan akan bertanding nanti. Saya hendak penjelasan, adakah benar kenyataan Yang Berhormat buat tadi, bahawa Kementerian Belia dan Sukan sudah tidak beri lagi pinjaman. Sebab saya difahamkan pinjaman diberi tetapi diuruskan melalui bank. Itu kenyataan yang tidak benar. Adakah Yang Berhormat sudah siasat fact-fact, dengan izin, sebab bercakap tadi beria betul macam satu perkara yang betul. Saya bukan kata bohong, Yang Berhormat dari Pokok Sena kata 'bohong.'

Tuan M. Kulasegaran: Pokok Sena sini, mana?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kata 'bohong,' saya hanya menyebut apa yang dia kata.

Tuan M. Kulasegaran: Tolong! Tolong!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd: Adakah apa...

Tuan M. Kulasegaran: Apa soalan? Soalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa penjelasan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan apa pun tidak ada. Kalau dia hendak jawab untuk menteri, saya minta maaflah dia belum jadi menteri. Ada harapan, ada harapan, tapi tunggu..

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat sedar...

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Rompin, adakah yang saya cakap itu benar atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di sini, beliau boleh jawab. Kalau Rompin hendak jawab.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab Yang Berhormat menggunakan

Tuan M. Kulasegaran: Belum, belum...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Menggunakan kenyataan yang tidak benar.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, satu minit ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Jelaskanlah sama ada Yang Berhormat menggunakan satu kenyataan yang benar *[Disampuk]* atau dibuat satu cerita.

Tuan M. Kulasegaran: Ini, Rakan Muda. Saya hendak tanya apakah akan jadi kepada projek Rakan Muda ini? Adakah ia akan diteruskan atau boleh dikatakan satu

projek yang maha filier? Adakah ini benar? Kerana beberapa belia yang diberi pertolongan melalui Rakan Muda ini kebanyakannya menjadi penagih dadah. Apa pertolongan ini? Apa terjadi kepada rakan-rakan muda ini? Dan adakah ia akan diusahakan juga? Saya difahamkan di negara ini banyak organisasi sedemikian telah memohon untuk mendapat peruntukan dari Rakan Muda. Apakah sebab peruntukan tidak dibenarkan? Saya difahamkan ada di antara lebih kurang 2.5 juta ahli di organisasi tersebut. Bukankah lebih baik untuk kementerian menyalurkan wang-wang, faedah-faedah atau manfaat-manfaat yang kena-mengena dengan projek Rakan Muda kepada organisasi tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan M. Kulasegaran: Selain dari itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan gulung. Satu minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada, gulung ada.

Tuan M. Kulasegaran: Gulung ada.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order, Tuan Pengerusi. Masa cukup, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, beri dia gulung sedikit Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi cukuplah Yang Berhormat. Saya hendak gulung. Selain daripada itu saya hendak juga tanya apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan supaya keagamaan yang sekarang diajar ini, keagamaan hindu diajar kepada pihak orang India dan lain-lain agama. Dalam beberapa siri yang dijalankan dalam program Rakan Muda dan kementerian dalam berapa perkara, saya difahamkan agama tidak dipertingkatkan, tidak diberi keutamaan. Jadi apakah tindakan yang diambil supaya semua rakyat Malaysia lapisan masyarakat akan untung dari ini dan bukan disia-siakan. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sabar ya, saya belum panggil siapa yang hendak berucap. Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dia memang adil, tadi empat oranglah yang bangun, ini bagi ramai pula.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: La ini seorang, kesian sama.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih. Sebelum saya hendak cakap, tadi saya hendak minta jalan pada Yang Berhormat dari Teluk Intan. Dia bercakap bersemangat pasal belia ini, jadi pemimpin belia mana? Tamil Bell ke? Tidak apalah jadi pemimpin belia ke, bercakap pasal belia ini. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Hendak perli, perli.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya pemimpin belia, jadi saya ingat sepuluh minit tidak cukup, kalau saya cakap pasal belia ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 020100 – Pembangunan Belia dan Butiran 020300 – Penyelarasan Rakan Muda. Jadi dibahaskan secara serentak. Golongan muda atau belia adalah golongan yang terbesar. Dia sebagai aset yang amat berharga kepada sebuah negara. Golongan muda ini dianggap sebagai bakal pemimpin, perancang dan jentera penggerak bagi menentukan perubahan pembangunan kemajuan dan maruah negara pada masa yang akan datang. Selaku golongan muda yang menuju ka arah alam dewasa, sudah pasti golongan ini menghadapi berbagai proses perubahan atau pengaruh yang berlaku dalam masyarakat ketika ini. Semakin kompleks masyarakat itu, semakin komplekklah budaya serta pengaruh sosial yang mempengaruhi golongan itu.

Justeru itu arus perkembangan, pembangunan dan kemajuan yang dialami oleh masyarakat dan negara ini sejak Dasar Ekonomi Baru hingga kini sedikit sebanyak mempengaruhi serta merubah cara dan budaya hidup masyarakat di negara ini. Perkembangan yang berlaku ini secara tidak langsung memberi kesan kepada golongan belia atau remaja sama ada daripada segi sikap, mental, tindakan atau perlakuan, minat dan lain-lain. Di masa yang sama kebanyakan kelab atau persatuan-persatuan belia menghadapi pelbagai permasalahan dan kurang aktif lagi. Keadaan malap yang menyelubungi kebanyakan kelab atau persatuan belia ini menyebabkan hilanglah kepercayaan serta mencetuskan perasaan kurang minat para belia untuk terlibat dalam kegiatan kelab atau persatuan belia.

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak sebut mengenai persatuan belia ini memang banyak perkara boleh kita bincangkan, sebab-sebab mengapa pertubuhan belia sekarang ini semakin hari semakin lembap. Daripada segi pendaftarannya pun masih dipersoalkan.

Yang kedua, daripada segi pejabat dan peralatan, daripada segi keahliannya, daripada segi kepimpinannya, daripada segi pengurusannya, daripada segi kewangannya, daripada segi pengiktirafan kepada pertubuhan belia itu sendiri, daripada jaringan hubungan antara satu persatuan dengan satu persatuan, yang mana kalau kita hendak perincian tidak cukup masa sepuluh minit. Saya ambil satu sahaja masalah ini, pendaftaran.

Tuan Pengerusi, mengikut Akta Pertubuhan, apabila satu-satu persatuan itu mengadakan mesyuarat, dia kena menghantar Borang 9. Kalau Borang 9 ini tidak dihantar bukan kepada pejabat belia, tetapi kepada pertubuhan belia, maka dianggap bahawa pertubuhan tersebut telah pun batal dalam masa tempoh satu tahun. Dalam tempoh satu tahun ini, kalau tidak ada Borang 9, tunjuk sebab akan diberi oleh Pendaftaran Pertubuhan dan kalau tidak ada apa-apa perubahan dibuat maka persatuan belia itu boleh dibatalkan. Terdapat banyak pertubuhan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan dan ia terus terkubur. Terdapat sebilangan pertubuhan belia yang ingin terus hidup menghadapi masalah apabila pendaftarannya digantung atau dibatalkan. Apa yang lebih menarik lagi ialah rekod pertubuhan belia di Pendaftaran Pertubuhan tidak semestinya menunjuk kedudukan sebenar pertubuhan belia. Misalnya jumlah ahli dan aktiviti tidak semestinya menjadi bukti keaktifan dan keberkesanan sesebuah pertubuhan belia. Ini kerana terdapat pertubuhan belia yang cekap, menghantar laporannya yang lengkap kepada Pendaftaran Pertubuhan. Walaupun sebenarnya ia tidak ada aktiviti langsung, ada berlaku, dia tidak ada mesyuarat pun, tapi kerana pemimpinnya pandai, dia ambil Borang 9, dia isi sahaja Borang 9 kosong, dia kata mesyuarat telah dibuat. Borang 9 ini bukan susah sangat hendak isi, dimintanyalah jawatankuasa pertubuhan dan juga laporan kewangan sedangkan pertubuhan itu tidak menjalankan mesyuarat agung pun, dia mesyuarat on paper. Ada pula sebaliknya pertubuhan belia ini memang aktif, adakan mesyuarat belia tiap-tiap tahun, adakan berbagai aktiviti tetapi oleh kerana pemimpinnya kurang arif untuk mengisi Borang 9

yang mereka merasakan agak sukar diisi, maka mereka tidak hantar Borang 9. Bila Borang 9 tidak hantar maka pertubuhan belia yang cergas ini boleh dianggap sebagai tidak aktif.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan di sini bahawa unit belia perlu diwujudkan di Pendaftar Pertubuhan untuk meningkatkan keberkesanan jabatan ini dalam menentukan kedudukan sebenar pertubuhan belia atau saya ingin mencadangkan lagi supaya pertubuhan belia ini diletakkan terus di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Banyak persatuan, Persatuan Nelayan sebagai contoh, diletakkan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sebagai pendaftarnya, Pertubuhan Pelandang Kawasan pendaftarnya ialah Lembaga Pertubuhan Peladang, PIBG pendaftarnya ialah Kementerian Pendidikan, Persatuan Pengguna diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Mengapa pertubuhan belia ini diletakkan di bawah Pendaftaran Pertubuhan? Ini menyebabkan pegawai belia sendiri tidak tahu, sama ada satu-satu persatuan belia ini wujud ataupun tidak kerana mereka tidak menerima Borang 9. Hanya mereka percaya berdasarkan kepada maklumat-maklumat persatuan setempat mengatakan mereka ini masih hidup, tetapi kalau dikaji dari segi undang-undang, mungkin pertubuhan yang dihadiri sendiri oleh persatuan belia itu sebenarnya persatuan belia itu mungkin telah dibatalkan pendaftarannya.

Oleh itu, Tuan Yang di Pertua, kalau diletakkan di bawah Pejabat Pertubuhan Belia sudah tentu kita dapat membezakan di antara Pertubuhan Belia dengan NGO. Saya pun hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian apa beza NGO, pertubuhan sukarela dengan pertubuhan belia. Hari ini kita lihat banyak wujud pertubuhan-pertubuhan NGO ini sukarela, kadang-kadang yang masuk reformasi pun dikatakan sukarela yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. Kita mencadangkan kalau NGO ini dapat diasingkan dengan pertubuhan belia maka lebih mudah pertubuhan belia ini menjalankan aktivitinya, kerana pertubuhan belia kita ada Dasar Belia Negara. NGO - saya tidak pasti sama ada dasar atau tidak, tetapi sejauh mana Dasar Belia Negara ini dipatuhi, diikuti oleh pertubuhan-pertubuhan belia. Daripada segi umur sebagai contoh,

Jabatan Belia ataupun Kementerian Belia dan Sukan tidak ada kuasa untuk memastikan bahawa semua pertubuhan belia ini mesti mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Dasar Belia Negara. Kalau ada berlaku pertelingkahan di antara Pertubuhan-pertubuhan Belia, Kementerian Belia tiada kuasa langsung untuk menyelesaikan masalah yang timbul di dalam pertubuhan-pertubuhan belia ini. Jikalau pertubuhan belia ini diletakkan di bawah Kementerian Belia sudah tentu aktiviti-aktiviti untuk memilih pemimpin belia ini akan dapat dijalankan, kerana saya yakin maju mundurnya pertubuhan belia ini sudah tentu terletak kepada kepimpinannya, selain daripada sokongan ahli. Kalau kepimpinannya lembab, kepimpinannya tidak ada vision, kepimpinannya tidak faham apa sebab pertubuhan belia ini ditubuhkan sudah tentu pertubuhan belia ini tidak dapat dimajukan. Sebab itu kalau pertubuhan belia ini diletakkan di bawah Kementerian Belia, sekurang-kurangnya Kementerian Belia boleh membuat syarat, mengadakan kursus-kursus kepimpinan, siapa yang hendak jadi pemimpin, pengerusi atau jawatankuasa satu-satu pertubuhan belia mesti ada sijil, sebagai

contoh, sijil kursus kepimpinan, jadi tidaklah sekarang ini pertubuhan-pertubuhan belia ini yang menjadi pemimpin ini tangkap muat sahaja, dia tunjuk kawan-kawan dia tidak ada asas pun kadang-kadang terus jadi pemimpin belia. Jadi kalau ada sijil ada kursus, maka kita pun rasa bangga bahawa selain daripada ijazah-ijazah ataupun kelulusan akademik tetapi pemimpin belia yang kita hendak lahirkan ini adalah pemimpin belia yang telah dilatih dan telah dididik oleh Kementerian Belia untuk mencapai matlamat Dasar Belia Negara.

Tuan Pengerusi, itu baru satu topik, yang saya sebutkan ini dekat enam tujuh masalah belum lagi kewangan, peralatan dan pentadbiran, yang saya rasa tak cukup 10 minit. Yang kedua, saya hendak sentuh mengenai Rakan Muda, masalah pertubuhan belia hari ini bersaing dengan Rakan Muda. Walaupun Rakan Muda ini tidak seluruhnya tidak baik, ada juga aktiviti Rakan Muda ini baik, seperti projek Khidmat Masyarakat Rakan Muda Perdana yang saya akan sentuh kemudian ini, saya sokong projek ini. Tetapi

kebanyakan Rakan Muda ini dia menjadi ad-hoc dan siapa hendak menjadi Rakan Muda daftar nama ke Pejabat Belia dan yang jadi Pengerusi Rakan Muda ini Pegawai Daerah, dia bukannya Pengerusi Belia Daerah. Jadi Belia di bawah Pengerusi Belia Daerah, Rakan Muda di bawah Pegawai Daerah, sudah tentu Rakan Muda lebih aktif daripada Persatuan Belia kerana dipimpin oleh pegawai-pegawai kerajaan, mereka hendak 50-60 orang ahli bila-bila masa mereka boleh dapat daripada rakan sekolah-sekolah, Rakan Muda ini sekolah-sekolah, budak-budak sekolah, tiga bas, lima bas kita boleh hantar. Cuba cari Rakan Muda yang bukan budak sekolah, yang beliabelia berkeliaran, yang telah lepasan sekolah, berapa ramai pejabat belia ini boleh kumpulkan belia-belia ini. Jadi, Rakan Muda seolah-olah menjadi saingan kepada pertubuhan belia. Rakan Muda ada program, dia ada duit sendiri, kita hendak buat terpaksa cari duit sendiri, jadi saya rasa Rakan Muda ramai orang suka, sebab pertama hendak jadi ahli Rakan Muda tidak payah bayar yuran ahli, hendak masuk jadi ahli belia kena bayar yuran ahli. Tiap-tiap tahun kena ada mesyuarat, Rakan Muda tidak ada mesyuarat, tidak ada pertubuhan, hanya diadakan program-program yang berupa ad-hoc sahaja. Jadi, saya harap program-program Rakan Muda ini harus dikaji semula.

Menyentuh mengenai program, pembangunan sukan RM11 juta, pembangunan belia ada RM11 juta. Saya ingin mencadangkan supaya program yang hendak dijalankan di peringkat belia di peringkat daerah ini harus diikaji semula. Kerana terdapat jabatan kerajaan menjadi pertubuhan belia, hendak mengadakan sukan, dianjurkan oleh Jabatan Belia, Minggu Sukan Daerah, Minggu Sukan Negeri, Jabatan Belia menjadi penganjur, hendak mengadakan satu-satu kursus kadang-kadang Rakan Muda Jabatan Belia menjadi penganjur, jadi di mana letaknya peranan belia. Peranan belia, pertubuhan belia menjadi tukang cari ahli, Jabatan Belia hendak mengadakan satu kursus, dia suruh Belia 4B, kita hendak satu pertubuhan cari lima orang, enam orang, sepuluh orang. Jadi, ini bukan fungsi pertubuhan belia, hanya tukang mencari ahli. Kita minta supaya kursus ini kita buat, ...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Noh bin Omar : Sedikit lagi, saya hendak gulung. Kursus ini bagi kita buat, bila kita buat duitnya ada, bila duitnya ada maka kita mudah untuk menjalankan program dan kita tidak nafikan Pegawai Belia juga perlu bersama-sama dengan kita, jadi bila ada Pegawai Belia membimbing Pertubuhan Belia ini, bagi duit dengan kita dan kita menguruskan semua, Pengerusinya kita, sampai jawatankuasanya, ini Pengerusinya Pengarah Belia, Pertubuhan Belia hanya menjadi jawatankusa jadi tukang mencari orang.

Jadi yang akhir sekali saya hendak sentuh mengenai program di institusi pengajian tinggi. Kita harap bahawa Projek Khidmat Masyarakat Rakan Muda Perdana yang merupakan salah satu program Rakan Muda Perdana yang dijalankan bersama dengan institusi pengajian tinggi harus dipertingkatkan. Ini penting, kerana pelajar-pelajar universiti ini belia, mereka ini ada kelulusan dan dipandang tinggi oleh belia-belia di luar bandar maka mereka ini harus digemblengkan tenaga projek-projek yang hendak dilaksanakan oleh pelajar-pelajar universiti ini seperti projek anak angkat, khidmat masyarakat harus diberi bantuan. Jadi pelajar-pelajar universiti ini bergabung dengan persatuan belia, barulah persatuan belia di kampung ini dapat dibimbing bersama untuk bersama-sama dengan persatuan pelajar-pelajar universiti ini supaya mereka ini dapat bertukar-tukar fikiran dan kita juga dapat mengawal. Kita juga dapat memberi penerangan secara tidak langsung kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka berterima kasih kepada kerajaan.

Akhir sekali mengenai Program Bela Negara yang hari ini saya sokong dibuat di semua negeri untuk memberikan penerangan mengenai masalah-masalah kegawatan ekonomi. Kalau setakat hendak panggil belia untuk mendengar ceramah-ceramah ekonomi, saya rasa program ini akan gagal. Kerana belia-belia yang faham fasal ekonomi, masalah kegawatan ekonomi tidak semua belia faham, yang berniaga, yang terlibat dengan perniagaan mungkin faham, tetapi belia-belia yang tidak berminat kepada bidang-bidang ekonomi mereka tidak akan hadir.

Oleh itu saya ingin mencadangkan, belia-belia negara ini harus dikaji cara pelaksanaannya mesti diubahsuai supaya program ini apabila dilaksanakan akan dapat menarik minat belia-belia setempat, bukannya kita ingin membuat Belia Negara, waktu perasmianya ramai, tetapi bila projek itu berjalan tinggal agaknya 20-10 orang sahaja. Jadi kita tak mahu ada master ceremony, waktu pelancarannya duitnya beribu tetapi hasilnya hanya dapat kepada minoriti sahaja.

Sekian saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan

5.09 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap tentang Pembangunan Belia dan Sukan, Butiran 020000 Pembangunan Belia.

Tuan Pengerusi, saya kira pertamanya hendak mengucapkan tahniah Kementerian Belia dan Sukan telah menjayakan Sukom dengan baiknya, dengan jayanya dan dalam sukan tersebut kita dapat melihat semangat juang rakyat Malaysia dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia, termasuk Menteri, Timbalan Menteri, dan Setiausaha Parlimen, yang telah bekerja kuat termasuk pegawai-pegawai untuk menjayakan Sukom dan insya-Allah, ke hadapan ini kita buat Sukan Olympik pula, kita cuba buat Olimpik pula. Cuma Datuk Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian Belia kena melihat dan mengkaji semula masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama sekali kumpulan belia kita. Kita kena sedar kumpulan belia kita ini kurang memahami sejarah, sejarah Malaysia, sejarah Jepun, perang Jepun, sejarah peristiwa hitam 13 Mei, jadi apabila belia-belia ini tidak memahami masalah-masalah ini maka mereka tidak langsung berasa bimbang tidak langsung berasa sayang kepada negara.

Kalau belia-belia ini boleh kita dedahkan sejarah-sejarah contohnya betapa pahitnya kita hendak mencapai kemerdekaan, betapa susahnyanya, betapa pilu dan sedihnya peristiwa 13 Mei kerana belia-belia ini adalah belia-belia yang hidup zaman Dasar Ekonomi Baru, zaman negara sudah maju. Jadi bila kita cerita yang susah, dia tidak

nampak, dia tidak faham, jadi dia duduk ke hala seronok, ke hala senang, dia bangun-bangun, dia celik-celik di dunia ini dia sudah senang. Dia hendak makan boleh. Api, air semua cukup sedangkan kita zaman-zaman belia dulu hendak beli gitar satu pun bukan main seksa. Tetapi sekarang ini gitar ada rata ceruk. Kemudian sukan begitu, begini diberikan oleh kerajaan. Zaman saya Tuan Pengerusi, hendak main itu habis kuat main guli orang Kedah kata, hak itu paling baiklah...*[Disampuk]* Datuk Bakar kata, dia main 'soleh'..itu habis baik tetapi sekarang ini tengok di Tadika sudah ditunjuk mainan-mainan naik ke bulan.

Jadi belia ini kadang-kadang didedah begitu rupa sedangkan mereka tidak tahu langsung susah. Jadi bila apa kesenangan yang kita dan kerajaan beri hari ini mereka merasakan tidak cukup.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya khemah-khemah belia yang kita buat sekarang ini, kita adakan tempat-tempat untuk kita memberi keinsafan, kesedaran kepada belia ini bahawa negara ini akan mereka terajui satu hari nanti. Terutama sekali kepada pelajar-pelajar ini. Kita jangan sekadar kutip pelajar-pelajar, belia-belia di kampung, pelajar-pelajar dan belia-belia yang di universiti perlu didekati supaya mereka memahami, jangan mereka dipesongkan menyebabkan contohnya gerakan-gerakan gologan-golongan belia yang terlibat, umur enam belas, lima belas sudah terlibat dalam tunjuk perasaan.

Di sini kita hendak salahkan siapa, kadang-kadang mungkin disebabkan kesalahan kita sendiri kerana mereka ini tidak mendapat pendedahan dan mereka ini telah dipegang oleh kumpulan-kumpulan pembangkang dan telah direformasikan pemikiran mereka ke arah anti establishment, tidak menyokong kerajaan. Walau apa sekali pun kerajaan buat pada mereka tidak akan menyokong. Jadi ini masalah yang merbahayakan kerana mereka tidak tahu haluan, mereka kadang-kandang turun ke jalanan semata-mata hendak meramaikan tunjuk perasaan. Walaupun saya faham mereka dapat RM50 seorang dan sebagainya. Tetapi belia-belia ini perlu kita bimbing sedemikian rupa setelah mereka memahami bahawa inilah sebuah negara yang perlu mereka sayangi dan jaga, pupuk elok-elok. Jangan sekadar hendak buat pesta itu, pesta ini sudah tidak jadi, kita hanya bagi

mereka seronok memanjang. Bagi mereka tahu susah sekali. Betapa susahnya orang-orang tua dahulu hendak mandi kerana pakai cebuk dalam telaga. Sejuk, ketar pagi-pagi. Sekarang ini buka hot shower , bubble hot shower ini orang kata air suam. Dulu kita susah, jadi depa tidak tahu.

Jadi saya minta Kementerian Belia dan Sukan, himpulkan belia-belia ini daripada sekolah, macam PAS buat daripada Tadika mereka torture budak-budak. Ini saya hendak cerita terang-terang, daripada Tadika mereka khabar Dr Mahathir ini ...mereka kata yang macam-macam. Didik daripada situ sampai dia masuk universiti. Jadi pemikiran belia ini sudah one track, antikerajaan kecuali, bila PAS naik, okey. Atau kalau DAP naik okey. Jadi ini masalah.

Contoh lagi satu saya minta kerajaan siasat balik persatuan-persatuan belia yang terlibat dalam reformasi. Apakah sebabnya mereka menentang kerajaan. Tentang mana lagi tidak kena. Macam contoh ABIM – saya dulu Tuan Pengerusi, tegur ABIM dalam ucapan saya, ABIM bubuh dalam surat khabar, marah pada saya balik, ABIM kata saya keterlaluan. Dia kata saya tidak buat homeworks. Presidennya kata saya tidak buat homework, preresidennya pun kena bubuh ISA baru-baru ini. Bermaknanya dia terlibat dengan tunjuk-tunjuk perasaan. Sedangkan ini adalah persatuan Angkatan Belia Islam Malaysia. Sepatutnya mereka akan mencerminkan wajah Islam, belia Islam bukan setakat janggut, janggut saya pun ada, Tuan Pengerusi punya janggut elok lagi. Tidak bermakna ada janggut, warak. Hati kita ini.

Jadi yang ini kementerian perlu check. Pasal apa ABIM bertindak sedemikian, menyertai gerakan-gerakan yang menentangkan kerajaan, memaki hamun pemimpin, sedangkan mereka ini adalah belia yang sepatutnya menghormati kepimpinan, bukannya menentang kepimpinan. Kalau tidak betul pun dia ada organisasi, persatuan, pengerusi, jawatankuasa datanglah berunding dengan kerajaan bukan mengikut telunjuk Yang Berhormat dari Permatang Pauh turun ke padang kerana Permatang Pauh pengasas.

Sebenarnya asas ABIM ini Tuan Pengerusi, ialah Tan Sri Sanusi Junid bukan Yang Berhormat dari Permatang Pauh, saya tahulah. Tujuannya adalah untuk membendung

belia-belia kita supaya mereka ini menjadi belia yang berteladan baik. Tunjuk kepada masyarakat lain yang Islam ini adalah agama yang baik, kita kena baik dengan orang bukan kerana janggut kita tunjuk perasaan menentang kerajaan dan sebagainya. Jadi saya mahu kementerian panggil balik persatuan-persatuan ini, tanya balik apa yang tidak kena, adakah peruntukan tidak cukup, adakah kita tidak beri pendedahankah. Ini yang saya tahu belia naik kapal pergi luar negeri rata, persatuan belia Jepun datang, persatuan belia kita pergi dan sebagainya. Khemah kerja tidak berhenti-henti. Habis rata bukit, rata gunung kita naik tetapi akhirnya belia juga merosakkan imej negara kita, yang terlibat dengan dadah dan sebagainya.

Jadi saya ingat pegawai-pegawai Kementerian Belia dan Sukan memang dugaan banyak ni, mereka kena tolong sebab kementerian inilah yang hendak menentukan arah ke depan negara kira ini. Kalau Kementerian Belia dan Sukan lembab, lemah maka lemah dan lembablah negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, saya gulung. Jadi saya haraplah kepada Presiden ABIM, bila kita tegur mereka terima teguran. Kalau tidak betul, panggil saya, saya pun manusia, bukan saya tahu semua, kadang-kadang saya buat kesilapan. Jangan keluar surat akhbar hentam saya, kalau hendak lawan hentam surat akhbar boleh tetapi adakah ini sebagai persatuan belia, yang mereka memang terlibat dalam gerakan reformasi menyokong Wakil Rakyat dari Permatang Pauh yang dulunya Timbalan Perdana Menteri dan saya hendak beritahu, banyak ahli ABIM yang dapat peluang-peluang perniagaan. Mereka hendak nafi? Saya boleh sebut nama mereka tetapi dalam Islam kata jangan dedah, saya tidak mahulah. Banyak ahli ABIM mendapat, kalau PAS kata UMNO dapat silap, sebenarnya ahli-ahli ABIM yang dapat banyak berniaga yang besar-besar. Baru sehari dua inilah mula ABRAR itu dan ini sokong kerajaan tetapi yang itu okaylah, sebelum ini siapa dia. Tidak apalah jika mereka ini hendak balik ke pangkal jalan, kita boleh terima tetapi jangan gunakan agensi kerajaan, gunakan

kementerian-kementerian, gunakan kuasa-kuasa, menyalahkan kepimpinan negara, kroni itu, ini sedangkan kita sendiri yang merajui Kementerian Kewangan telah menyalahkan kuasa, membina kroni-kroni sehingga hari ini jadi masalah besar kepada negara kita. Jadi Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian Belia dan Sukan tolonglah.

Kemudian satu lagi saya terlupa Tuan Pengerusi, saya hendak gulung, baru hendak perhabiskan. Sedikit lagi tersangkut sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dua kali gulungkah Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, tidak takut terlondeh, dia kena gulung elok-elok [*Ketawa*]. Kita buat banyak kompleks sukan, kalau orang hendak melawat kena beri, jangan kena borang permohonan itu, borang permohonan ini. Kadang-kadang Tuan Pengerusi, orang kampung bila kata kerajaan buat stadium cantik, besar mereka ini hendak tengok, macam mana yang dikata besar lampu, macam mana yang dikatakan, tengah malam pun nampak macam siang depa kata. Jadi depa hendak tengok. Kita pula bila orang hendak tengok, hendak peraturan itu, peraturan ini hendak kena had beberapa minggu. Buka sahaja pintu stadium bagi depa masuk sudahlah, bukan susah sangat. Hendak ke Parlimen pun beritahu Setiausaha Parlimen terus on, tak susah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] : Yang Berhormat saya ingat masa sudah lebih tiga minit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasihlah Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian Belia dan Sukan tolong, masa depan negara di dalam tangan anda sekalian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masih ramai lagi yang hendak ambil bahagian. [*Beberapa Ahli bangun*] Kubang Kerian.

5.19 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, muka surat 144 Program dan Prestasi – Peruntukan RM24 juta untuk pembangunan sumber manusia. Pihak kementerian hendaklah mengambil bahagian yang lebih dalam suasana yang

sekarang ini di mana banyak belia yang bawah umur 40 tahun dibuang kerja terutama sekali daripada syarikat-syarikat atau bank-bank, yang akan dibuang lagi misalnya daripada Petronas, orang-orang ini ialah orang-orang profesional dan ke mana arah tenaga mereka hendak disalurkan. Misalnya ada seorang arkitek, bila dia dibuang kerja kerana firma dia tidak mendapat projek, dia buka kedai jual nasi beriani kambing – bagus itu di Subang Jaya dan sebagainya tetapi kemahiran arkiteknya itu akan terbengkalai begitu sahaja.

Begitu juga yang akan dibuang daripada bank bila berlaku merger, banyaklah bank besar akan telan bank kecil, daripada bank kecil itu akan dibuang. Mereka ini kebanyakannya berumur 40 tahun ke bawah. Kita kata banyak peluang kerja? Adakah kita hendak hantar mereka untuk kait kelapa sawit setelah mereka bekerja di bank begitu lama, lulus universiti atau mengikuti kursus-kursus profesional tetapi mereka ini akan kehilangan kerja. Mereka dapat wang gratuity dan sebagainya tetapi kita lihat banyak belia sekarang ini banyak mencebur dalam perniagaan makanan.

Kalau balik kampung sekarang ini, kalau dulu, satu kedai makan, sekarang ada lima, rumah ada 60 buah, ada lima kedai makan, kerana inilah yang mudah untuk mereka libatkan. Kementerian Belia dan Sukan hendaklah menasihatkan mereka mempelbagaikan perniagaan kalau mereka hendak cebur terutama sekali dalam bidang profesional, mekanik dan sebagainya. Ini terlalu kurang. Kita lihat misalnya, di Kelantan, tempat-tempat jualan kereta ditukar jadi restoran. Terlalu banyak, restoran dan kedai makan, terlalu banyak. Ini perlu diambil perhatian.

Satu perkara lagi yang Kementerian Belia dan Sukan kena ambil perhatian di Kelantan ialah tukang emas. Tukang emas ini banyak tetapi mereka hanya di peringkat bekerja sendiri di bawah-bawah rumah ataupun di belakang-belakang dapur dan dan merekalah yang membuat emas untuk tauke-tauke emas di Pulau Pinang. Kerajaan, Menteri Kewangan dulu mengisytiharkan Pulau Pinang akan dijadikan pusat emas bagi Asia Tenggara ini dan tukang-tukang emas kebanyakannya mereka gunakan dari Kelantan tetapi peralatan mereka untuk membuat emas itu terlalu tradisional. Kita harap

Kementerian Belia dan Sukan boleh membantu mereka untuk adakan alat-alat yang lebih baik untuk ‘membuat emas’ terutama sekali Daerah Tumpat, Pasir Mas dan Kota Bharu. Beratus orang, mungkin ribu yang terlibat dalam membuat emas ini. Kerja-kerja yang dibuat secara sambilan, ada yang secara sepenuh masa.

Dato’ Azmi bin Khalid: Minta penjelasan. Di Kelantan ini ada buat emas. Saya tidak tahu, di negara Malaysia yang ada lombong emas, ada juga sikit-sikit tetapi yang buat emas, saya tidak pernah dengar.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tukang emas.

Dato’ Azmi bin Khalid: Tukang emas, terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tukang emas, buat gelang, buat subang, Kelantan cekap.

Dato’ Azmi bin Khalid: Tukang emas, terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tukang emas, bukan lombong emas. *[Ketawa]*. Lombong emas baru hendak buka. Jadi tukang-tukang emas ini, banyak dari alat-alat yang mereka gunakan terlalu tradisional dan kita harap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat membantu mereka, kalau mereka memohon untuk mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pembangunan belia dan sukan, peruntukan RM32 juta. Sekali lagi saya ingin menegur dan kita harap jawab dengan detail, kenapa peruntukan begitu banyak, latihan begitu banyak tetapi mutu sukan merosot terutama mutu sukan yang jenis berpasukan. Individu, ya, menembak, bowling, itu memang meningkatlah, badminton, tetapi yang jenis berpasukan seperti bola sepak, mutu kita jatuh sungguh, malu sekarang. Kita sebut bila pasukan bola sepak kita kalah dengan Thailand 9-0, kalah dengan Laos, kalah dengan Nepal. Laos itu kadang-kadang padang bola pun tidak ada, mereka main dalam bendang tetapi pasukan bola sepak kita yang dulu, di zaman tidak ada profesional, pengurus pasukan, Dato’ Haron, jurulatih, Jalil Che Din, pemain-pemain kebanyakan daripada penjara, Syed Ahmad, Nazarudin Abdullah, Namad Abdullah. Peringkat itu, Wan Zawawi dan sebagainya, mereka boleh pergi Olimpik dan Malaysia satu pasukan yang digeruni, bergilir ganti untuk jadi johan antara Iran, Korea

dan Malaysia. Sekarang Korea dan Iran mencecah taraf dunia, kita taraf Laos dan Nepal. Ini yang perlu Kementerian Belia dan Sukan kena lihat dan mereka dulunya pemain bola, setelah habis main, balik kerja penjara, daripada koperal dinaikkan pangkat sarjan.

Sekarang pemain bola ada kereta-kereta mewah, dapat anugerah tanah dan sebagainya tetapi mereka main di peringkat profesional baik, bila main untuk negara, lemah. Ini kelemahan badan sukan termasuk Kementerian Belia dan Sukan untuk beri motivasi kepada mereka. Kalau tidak pandai beri motivasi, saya tawarkan diri untuk beri motivasi kepada pemain-pemain negara ini, sebab semangat mereka tidak ada, boleh kena dengan Thailand 9-0, ini malu. Dengan Laos pun boleh kalah. Barangkali pasukan PKNS Selangor boleh kalahkan Laos tetapi pasukan kebangsaan Malaysia boleh kalah. Ini satu perkara yang Kementerian Belia dan Sukan kena perhati sungguh.

Stadium sukan kita buat begitu hebat, hampir berharga RM2 bilion, dan sekarang hendak memanfaatkan stadium itu, kita nampak kerajaan hendak banyakkkan program-program konsert, misalnya, satu hendak baiki belia, satu hendak banyakkkan konsert. Kalau konsert yang mempersembahkan lagu-lagu tradisional, anak-anak muda tidak mahu dengar, sebab itulah konsert yang ditaja oleh Salem yang akan ramai belia akan pergi. Jadi kita di sini hendak baikkkan belia, kemudian di sini, kita hendak banyakkkan konsert untuk menyelamatkan stadium yang begitu mahal, hampir RM2 bilion.

Kerajaan dulu berhujah mengatakan kita menganjurkan sukan, di antaranya untuk menarik pelancong. Saya katakan itu tidak betul. Cuba, sebuah negara sukan yang kuat, tinju banyak Cuba dapat pingat emas, tetapi Cuba bukan sebuah negeri yang orang tertarik untuk pergi. Begitulah Malaysia, kita lihat selepas Sukan Komanwel pelancong menurun 80% kerana ada dua sukan semasa sukan Komanwel. Satu Sukan Komanwel, satu, sukan 'reformasi'. Yang mendapat liputan dunia ialah sukan 'reformasi'. Sukan Komanwel tidak dapat liputan, maka selepas itu pelancong tidak mahu datang dan peniaga-peniaga di Lapangan Terbang Subang, terutama sekali peniaga buku yang sewanya RM70 ribu sebulan untuk kedai buku lapangan terbang. Katanya, sekarang dia terlalu teruk merosot lebih daripada 80%. Ini kerana dua sukan yang bertanding, sukan 'reformasi' dengan

Sukan Komanwel, orang melihat sukan ‘reformasi’, apa boleh buat, dia berlaku serentak. Saya pun sedih. Jadi ini yang kita lihat sekarang ini bagaimana kita hendak menyelamatkan stadium yang harganya lebih daripada RM 2 bilion atau hampir RM2 bilion itu untuk kita manfaatkan.

Tuan Pengerusi, sebab itu kita lihat dalam program belia ini, selalu disebut termasuk oleh Tanjong Karang tadi, terlalu menuju kepada hiburan. Memang hiburan ini satu perkara yang digemari dan kalau stadium memberi peluang kepada Salem untuk menganjurkan program-program mereka, saya yakin stadium itu akan penuh, walaupun tempat duduknya 80,000 boleh penuh tetapi kalau kita bawa konsert-konsert yang lain, yang bercorak kebudayaan dia tidak akan penuh.

Tuan Pengerusi, jadi kita lihat pula Pusat Latihan Belia yang selalunya banyak dibuka, selepas itu kita nampak tidak berjalan. Pusat Latihan Dataran Tinggi Lojing, Kelantan yang peruntukannya begitu banyak, tetapi kita lihat program-program terlalu kurang di situ. Di sini sepatutnya diperbanyakkan program di situ dan Pusat Latihan Dataran Tinggi Lojing itu hendaklah disediakan supaya ia dijadikan tempat yang indah untuk perjalanan dari Gua Musang ke Cameron Highlands tidak lama lagi, ia akan menjadi satu tempat yang indah.

Tuan Pengerusi, kita harap program-program belia ini lebih kita manfaatkan bukan untuk menyokong mana-mana parti tetapi bersikap untuk mereka lahirkan sebagai seorang manusia. Kita tidak mahu bila belia-belia tunjuk perasaan, kita kutuk. Bila tunjuk perasaan itu menyokong kita, kita setuju. Ini tidak boleh, misalnya Kerajaan PAS Kelantan dijatuhkan dulu pada tahun 1978 melalui tunjuk perasaan para belia dan selepas itu berlaku darurat. Masa itu mereka tidak kutuk pun tunjuk perasaan itu. Tetapi bila tunjuk perasaan itu menentang pemerintah yang ada, oo! kutuk, ini belia-belia tidak bermoral, tidak kenalah.

Jadi kalau pemerintahan kami misalnya, tidak menunjukkan pemerintahan yang baik, rakyat Kelantan keluar ke jalan raya untuk mengutuk Kerajaan PAS Kelantan, kami kena terimalah. Itu satu ledakan belia yang sudah tidak setuju dengan pemerintah. Kita

tidak boleh kata belia ini tidak bertanggungjawab. Ini, bila belia tunjuk perasaan menentang Kerajaan PAS Kelantan 1978, bagus! Bila belia tunjuk perasaan menentang kerajaan yang ada, pasukan reformasi ini tidak bagus, ini belia tidak bertanggungjawab. Jadi kita tidak boleh ada double standard.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masih ada yang ingin membahaskan Kementerian Belia dan Sukan minggu depan?

Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.